

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

<b>Bil. 39</b>	<b>Khamis</b>	<b>14 November 2013</b>
----------------	---------------	-------------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL PENGGANTUNGAN AHLI PARLIMEN PADANG SERAI SELAMA ENAM BULAN DI BAWAH P.M. 27</b>	(Halaman 31)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2014 <b><u>Jawatankuasa:-</u></b> <b><u>Jadual:-</u></b> B.1 hingga B.9 dan B.40	(Halaman 95)
<b>USUL-USUL:</b> Usul Anggaran Pembangunan 2014 <b><u>Jawatankuasa:-</u></b> P.6 dan P.7	(Halaman 95)
Meminda Jadual Di Bawah P.M. 66(9) – Mengurangkan RM980,179.20 Daripada Peruntukan Kepala B.6	(Halaman 96)
Meminda Jadual Di Bawah P.M. 66(9) – Mengurangkan RM1,633,632.00 Daripada Peruntukan Kepala Bekalan B.6	(Halaman 135)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 138)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 14 November 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]** minta Perdana Menteri menyatakan, berkenaan keputusan yang telah dibuat oleh ESSCOM untuk merobohkan kawasan perkampungan atas air di Parlimen Silam, adakah kerajaan telah mengkaji kesan terhadap perubahan demografi yang akan berlaku di kawasan bandar, terutamanya golongan bumiputera yang akan dipindahkan dari kawasan bandar ke kawasan pedalaman.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan belum membuat sebarang keputusan untuk merobohkan kawasan perkampungan air di Parlimen Silam, Lahad Datu, Sabah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Silam. Ini adalah kerana kerajaan sedia maklum bahawa sebarang keputusan yang akan dibuat perlu mengambil kira pelbagai aspek seperti kesejahteraan, keselesaan rakyat serta kesesuaian penempatan baru.

Kerajaan walau bagaimanapun berpandangan bahawa kesejahteraan dan keselesaan rakyat termasuk mereka yang mendiami perkampungan air di Sabah perlu ditingkatkan dari aspek keselesaan, kemudahan infrastruktur dan sebagainya. Untuk itu kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Menangani Isu Penempatan Semula Kampung Air pada bulan Mei 2013, dan tiga *pilot project* telah dipilih iaitu Kampung Simunul, bancian 2,356 rumah, Semporna dilaksanakan pada 30 Julai sehingga 1 Ogos 2013. Sesi penerangan telah pun diberikan kepada penduduk yang melibatkan rumah 1,371, warga negara 815 bukan negara, terdapat 19,000 orang penduduk di sana. Kampung Bedisi Sandakan bancian akan bermula pada bulan November 2013 yang melibatkan Kampung Bahagia, Kampung Melinau Laut dan Darat, Kampung Cahaya Baru

dan Kampung Muhibah. Sejumlah 3,164 buah rumah dengan 12,501 penduduk, Kampung Puyut, Lahad Datu peringkat persediaan dan perancangan. Kampung-kampung lain, masih lagi di peringkat perancangan.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penduduk di Pantai Timur Sabah amat berterima kasih sebab Yang Amat Berhormat atau pun kerajaan khususnya Perdana Menteri Malaysia telah mengambil tindakan yang tegas dalam menangani pencerobohan di Pantai Timur Sabah. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa Pantai Timur Sabah begitu luas perairannya dan pantainya panjang. Memang tentu sekali banyak masalah yang dihadapi oleh pihak keselamatan.

Dalam pada itu saya ingin bertanya sama ada adakah kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak lagi pos keselamatan, kawalan keselamatan di sepanjang pantai ini untuk mengawal keadaan keselamatan di Pantai Timur Sabah? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita ada 82 pos kawalan yang terdiri daripada PDRM sebanyak 50, ATM 32 pos. Untuk makluman, 82 pos kawalan ini boleh kata hampir semua rosak. Sekarang sedang diperbaiki dan *insya-Allah* dalam masa yang terdekat kita akan perbaiki semua pos-pos kawalan. Kalau sekiranya ada keperluan untuk pos kawalan dibina di tempat baru, kita juga akan berbuat demikian.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, sejak ESSCOM masuk ke sana, kita boleh katakan bahawa tidak ada kes-kes yang berlaku pada masa yang lepas, di mana pergerakan masuk dan keluar di sempadan Malaysia itu nampak begitu bebas tetapi sekarang kalau kita katakan tidak ada bot yang terlintas masuk tanpa pandangan daripada pihak berkuasa keselamatan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, ESSCOM diperuntukkan sebanyak RM78 juta bagi peruntukan Perbelanjaan Mengurus tahun 2014. Bolehkah Yang Berhormat Menteri maklumkan kepada Dewan ini, berapa banyak kah peruntukan yang akan diletakkan untuk membina rumah-rumah sebagaimana dirancang untuk orang-orang yang tinggal di kampung air, suruh berpindah ke daratan? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat. Rumah-rumah yang akan dipindahkan seperti yang telah saya sebutkan tadi, semuanya akan diuruskan oleh Jabatan Perumahan Negara, ia tidak termasuk di bawah ESSCOM. ESSCOM akan mencadangkan tempat-tempat yang harus kita pindah dan Jabatan Perumahan Negara akan membina. Jadi, peruntukan mengurus yang diberi kepada

ESSCOM itu ialah khusus untuk mengurus dan yang lain-lain itu akan diuruskan mengikut agensi-agensinya yang terlibat dalam keselamatan dan juga kesejahteraan penduduk di sana.

**2. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah alasan subsidi baja padi disekat kepada penanam padi di mukim-mukim dalam Parlimen Bachok. Apakah pemantauan dibuat oleh kerajaan terhadap penghulu, Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen, Pejabat Pertubuhan Peladang dan mana-mana pegawai yang menyalah guna kuasa dalam pemberian subsidi baja padi.

#### ■1010

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Bachok yang telah mengemukakan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat Bachok dan juga Ahli Dewan, kerajaan kita mempunyai dasar yang jelas iaitu memberi bantuan kepada semua pengusaha tani tanaman padi di seluruh negara. Pada ketika ini mengikut angkanya 321,660 hektar kawasan padi yang melibatkan 288,000 pengusaha padi.

Semua, tidak kira daripada negeri mana sekali pun atau kawasan. Saya ingin juga menggariskan secara ringkas kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM2 bilion lebih, bantuan-bantuan kepada pengusaha-pengusaha tanaman padi. Tuan Yang di-Pertua, *more than RM2 billion.* Begitu banyak sekali. Pecahannya daripada itu skim beras padi sahaja yang sejak tahun 1979 berjumlah sebanyak RM465 juta yang diberi bantuan dalam bentuk skim beras dan padi Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, skim yang kedua ialah Skim Insentif Pengeluaran Padi yang telah melibatkan peruntukan yang begitu banyak juga iaitu hampir kepada RM500 juta. Lain-lain insentif yang diberi oleh kerajaan atau bantuan ialah insentif benih padi, insentif peningkatan hasil, skim subsidi harga padi dan sebagainya yang berjumlah RM528 juta. Jadi semua sekali kerajaan memberi bantuan sebanyak RM2 bilion termasuk di kawasan Bachok. Persoalannya sekarang yang dibawa oleh Yang Berhormat Bachok ialah terdapat beberapa orang pengusaha tanaman padi di kawasan Bachok yang tidak dapat bantuan baja. Kita telah menyelidik.

Masalah yang timbul ialah hanya sebilangan kecil daripada mereka ini, permohonan-permohonan mereka tidak dapat pengesahan daripada JKPP dan juga tidak mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penapis Subsidi Baja Pertubuhan Peladang

Kawasan disebabkan tidak lengkap borang-borang yang diisi itu mengikut laporan yang saya terima. Kenapa tidak lengkap? Itu kita kurang pasti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan. Saya merujuk kepada laporan bertajuk *Assessing Food Security: A Micro Study of 24 Villages in Malaysia* yang dikeluarkan oleh *ERA Consumer Malaysia* yang menyebut bahawa kebanyakan petani di Malaysia ini menjadi mangsa permainan politik. Ini termasuk juga apa yang saya kemukakan pada Yang Berhormat Menteri. Dalam Laporan Audit 2012 juga ada menyebut tentang stok baja yang tidak disahkan, bungkus stok baja yang tidak disahkan secara mingguan dan juga tidak diselenggarakan secara harian. Saya hendak sebut tentang bajet negeri Kelantan yang setiap tahun terpaksa memperuntukkan sejumlah wang tidak kurang daripada RM1.5 juta untuk subsidi baja. Ini juga sebagai salah satu bukti yang jelas bahawa adanya di sana mereka yang dipinggirkan daripada mendapat subsidi baja kerana pelbagai alasan.

Yang Berhormat Menteri sebut tadi kerana borang tidak lengkap. Akan tetapi takkanlah kerana borang tidak lengkap sampai satu musim sebahagian petani di Bachok terlepas daripada menanam padi. Ada beberapa petani dan saya boleh kemukakan bukti kepada pihak kementerian. Soalan saya adakah pihak kementerian boleh bekerjasama dan bersetuju untuk bekerjasama dengan SPRM untuk meneliti tatacara pemberian subsidi baja sebagaimana peruntukan seksyen 7(C), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah iaitu meneliti amalan sistem tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta SPRM dan bagi kajian semula amalan tersebut.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bachok, kita tidak ada main politik dalam membantu rakyat. Sebagaimana yang saya katakan tadi, kita beri kepada semua, tetapi kena ikut peraturanlah. Borang kena isi dengan betul. Kalau semua betul- sebenarnya saya dapat maklumat daripada pegawai tadi, sebelum ini tidak timbul masalah pun. Musim ini sahaja yang timbulnya kerana yang main politik, yang berdendam dalam politik sebelah sana.

Pihak pembangkang, saya hendak beritahu cerita ini. Oleh kerana pergaduhan politik yang begitu teruk, tohmahan-tohmahan daripada pihak PAS kepada UMNO dan Barisan Nasional sehingga selepas pilihan raya berterusan. Mereka yang sawah padinya di bahagian hadapan menyekat bekalan air kepada sawah padi yang dimiliki oleh orang-orang kita di sebelah belakang. Kenapa buat perbuatan yang seperti ini? Kenapa? Adakah Yang Berhormat sedar akan perkara ini berlaku? Orang-orang Yang Berhormat,

penyokong ahli parti Yang Berhormat yang melakukan ini, penganiayaan kepada orang-orang UMNO di belakang sana [*Tepuk*] Ini Yang Berhormat tidak sebut. Bukan politik ini pernah berlaku, saya boleh beritahu.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak menuduh - belum lagi. Saya belum habis lagi. Kenapa bangun?

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Soalnya siapa yang...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak, tadi yang dibangkitkan ialah isu politik. Katanya kita tidak bermain politik. Kita beri. FELCRA umpamanya dulu, saya Pengerusi FELCRA. Kita buka tanah begitu luas di Kelantan. Kerajaan Negeri Kelantan tidak ada buka tanah untuk rakyat. Kita buka tanah untuk rakyat. Kemudian kita minta peserta, tidak diberi. Dia hendakkan tanah balik. Kita bagi tanah yang sudah siap bertanam dengan kelapa sawit, 10,000 ekar bernilai lebih daripada RM300 juta. Kita beri kepada Kerajaan Kelantan. Kerajaan Kelantan tidak bagi kepada rakyat. Mana duit itu?

Duit daripada ladang kelapa sawit itu mana? Selain daripada itu kita bagi RM10 juta lagi duit, hasil daripada keuntungan kelapa sawit itu, pun tidak pergi kepada rakyat. Jadi jangan tuduh Kerajaan Barisan Nasional tidak membela rakyat. Yang tidak membela rakyat adalah Kerajaan Negeri Kelantan. Bukan kita. Jadi soal sekarang ini peraturan jelas...

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Jawab soalan Yang Berhormat, jawab soalan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya lah, saya hendak jawab soalan ini, tadi disoalkan soal politik. Ada sebut tidak soal politik? Yang Berhormat juga yang sebut, bukan saya yang sebut. Saya terpaksa jawab. Salah kah saya menjawab?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat, boleh tambah sedikit tidak?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jadi berhubung dengan ini, isu pemberian baja untuk petani-petani, ikut sahaja peraturan. Serah borang yang lengkap kepada JKPP dan selepas itu JKPP akan mengemukakan [*Disampuk*] Ya lah. Takkanlah pula kita hendak pergi rujuk kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Ini projek-projek Kerajaan Barisan Nasional. Adakah projek Kerajaan Negeri Kelantan mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan. Saya hendak tanya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Zalim, zalim, zalim.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak, saya hendak tanya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. Kes Kerajaan Pakatan Rakyat ini *is double standard*, dengan izin. Apabila berhubung dengan peruntukan daripada Kerajaan Pusat, kita mesti mendapat *endorsement* atau mendapat kelulusan daripada kerjasama daripada mereka. Akan tetapi projek kerajaan mereka, mereka tidak perlu mendapat kelulusan atau *endorsement* daripada Kerajaan Barisan Nasional. *This is hypocrite and double standard. We cannot accept this*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Itu jawapan saya.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Saya berserah kepada Allah atas segala tuduhan melulu yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Allah sahaja yang tahu. Saya bersama dengan rakyat di bawah tahu apa yang berlaku.

#### ■1020

Adakah orang yang lemah yang akan buat zalim kepada orang yang gagah, yang kuat? [*Dewan riuh*] Selalunya yang buat zalim ialah yang kuat kepada yang lemah. Siapa yang kuat dalam isu baja di Kelantan ini? JKPP atau Barisan Nasional atau rakyat di bawah? Apa yang berlaku sekarang, termasuk di tempat saya di Pasir Puteh, ialah penganiayaan kepada petani-petani di bawah yang dilakukan oleh anak buah, anak buah tuan-tuan. Ini yang berlaku di bawah.

Apa yang berlaku sekarang ini, ialah banyak tanah-tanah padi sudah diubah menjadi ditanam dengan getah dan dipelihara dengan lembu, bukan ditanam dengan padi lagi. Kenapa? [*Disampuk*] Tidak lain dan tidak bukan ialah kerana disebabkan oleh penganiayaan tidak diberikan baja padi. Apabila tidak diberikan baja padi, subsidi-subsidi yang lain semua akan dibatalkan juga. Semua. Subsidi baja,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 41, senyap yang lain. Biar saya yang menentukan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** ...Subsidi lain-lain, semua akan dibatalkan. Jadi, rayuan saya, kepada pihak kerajaan ialah berlaku adillah. Inilah rayuan saya dan rayuan rakyat di bawah, yang miskin. Saya minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** ...Soalan saya ialah, apakah yang boleh dilakukan untuk membetulkan kezaliman ini? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih [*Dewan riuh*]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Bintulu, saya dengar suara itu Bintulu  
*[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, bukan kerajaan daripada Barisan Nasional sahaja yang berkuasa. Kerajaan Pas di Kelantan pun berkuasa. Adakah Kerajaan Pas di Kelantan berlaku adil kepada yang lemah? Saya hendak tanya, berapa banyak tanah di negeri Kelantan yang dijual kepada orang asing? Bukan peruntukan untuk rakyatnya.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Kerajaan berlaku adil kepada rakyatnya. Betul, betul.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Berapa kawasan tanah yang kononnya untuk ladang rakyat, yang sebenarnya adalah bukan untuk rakyat tetapi menguntungkan tauke-tauke besar? Adakah Yang Berhormat tahu? Yang Berhormat tidak tahu. Jadi, bercakap dengan tidak ada fakta. Okey.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya tahu. Saya dulu Exco Kerajaan Negeri. Saya tahu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Awak tahu ada kezaliman? *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Itu adalah tuduhan yang melulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Menteri, itu adalah tuduhan yang melulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini soal baja. Jangan lencongkan dari soal baja.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Kalau ada masalah sudah pasti dibangkitkan oleh Audit. Sudah pasti SPRM nampak kerajaan membuat salah  
*[Menyampuk]* Ini tuduhan yang melulu di Dewan ini, cuba buat tuduhan di luar *[Ketawa]*

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Ya, ya buat tuduhan di luar  
*[Menyampuk]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Kalau hendak cerita, di tempat saya di Tanah Merah, padang sekolah pun diambil jadi tanah hak milik individu  
*[Ketawa]*



**3. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sebab-sebab berlakunya kesesakan trafik di KLIA pada 23 dan 25 Ogos 2013, dan apakah punca serta tindakan DCA untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca berlakunya kesesakan trafik di KLIA pada 23 Ogos 2013 adalah kerana disebabkan oleh kerosakan alat pendaratan- *instrument landing system* (ILS) di satu landasan yang menyebabkan hanya satu landasan terpaksa digunakan untuk pendaratan dan pelepasan.

Manakala kesesakan trafik pada 25 Ogos 2013, berlaku kerana pergerakan angin memerlukan pertukaran arah pendaratan. Penukaran ini terpaksa dilaksanakan selepas tujuh pesawat tidak dapat melakukan pendaratan pada permulaan tempoh *peak arrival*, dengan izin, disebabkan arah angin yang tidak mengizinkan. Selain daripada itu, sejak 12 bulan yang lalu telah berlaku peningkatan pergerakan pesawat secara mendadak iaitu dari purata 750 pergerakan sehari kepada purata 950 pergerakan sehari di KLIA.

Faktor-faktor lain juga mempengaruhi kesesakan trafik termasuk keadaan cuaca buruk, keadaan jerebu, perubahan angin kencang melebihi 10 batu nautika/jam yang memerlukan pertukaran landasan arah berlepas dan juga mendarat. Jabatan Penerbangan Awam telah mengenal pasti dua bentuk pendekatan bagi mengatasi masalah tersebut iaitu untuk tempoh jangka masa pendek dan juga panjang.

Bagi tempoh jangka masa pendek, DCA telah menggunakan operasi secara *semi mix mode* apabila diperlukan dengan mengambil kira nisbah pesawat mendarat berbanding pesawat berlepas. Manakala bagi tempoh jangka masa panjang, DCA akan meningkatkan keupayaan dan kapasiti operasi kawalan trafik udara melalui projek *Air Traffic Management Operations Plan* (ATMOC), dengan izin.

Keupayaan pergerakan keluar masuk pesawat dari KLIA sedia ada sebanyak 68 pergerakan pesawat sejam akan ditingkatkan dengan 78 pergerakan sejam termasuk pelaksanaan operasi pendaratan dan pelepasan serentak dari mana-mana dua landasan di KLIA dengan siapnya landasan ketiga di KLIA di bawah Projek ATMOC. Sebagai salah satu elemen peningkatan keupayaan kapasiti pergerakan pesawat, kementerian telah dan *insya-Allah*, akan diperuntukkan sebanyak RM700 juta bagi membina Pusat Kawalan Trafik Udara, *Air Traffic Control Centre* (ATTC) baru di KLIA termasuk peralatan kawalan trafik udara yang diperlukan. Pusat ATTC baru di KLIA ini akan mengambil alih tugas menyediakan perkhidmatan trafik udara untuk seluruh ruang udara Semenanjung Malaysia daripada Pusat ATTC sedia ada di Subang.

Memandangkan ia telah lama beroperasi sejak tahun 1992 dan Sistem Pengurusan Trafik Udara sedia ada sudah lebih 17 tahun beroperasi serta telah melebihi jangka hayat yang disyorkan. Pusat ATTC di Subang juga tidak lagi mampu untuk menampung beban tugas yang timbul akibat peningkatan bilangan trafik pergerakan pesawat yang mendadak.

Kewujudan ATTC yang baru ini dijangka akan dapat meningkatkan keupayaan kapasiti pengendalian pergerakan pesawat untuk sekurang-kurangnya, *insya-Allah* 20 tahun yang ke hadapan. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Rakyat Malaysia amat berbangga bila mana zaman Tun Dr. Mahathir kita bina KLIA. Daripada satu landasan yang agak pendek menjadi landasan yang cukup panjang dan tidak termimpi dek rakyat Malaysia bahawa kita ada sebuah *airport* yang amat canggih ketika itu. Hari ini pun diharapkan seluruh rakyat Malaysia mesti ada rasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Soalan saya, apakah tindakan DCA dalam masa terdekat bagi mengatasi masalah serta langkah DCA dalam operasi *Air Traffic Management Operations Plan* untuk penambahbaikan kawalan trafik udara di KLIA, serta bilakah KLIA 2 akan siap? Kalau siap, bagaimana keadaan kesesakan untuk diatasi oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Dari segi KLIA kedua, saya telah menyatakan sebelum ini bahawa mereka tidak ada pilihan, perlu siap sebelum 2 Mei tahun hadapan. Kena pastikan bahawa tidak ada tambahan jumlah kos kepada pembinaan.

Kedua, tidak ada kelewatan lagi. Dipantau setiap dua minggu dan laporannya kita sediakan untuk pengetahuan Kabinet dan juga untuk kepimpinan tertinggi di dalam kementerian. Kedua-dua pendekatan yang saya umumkan tadi di dalam jawapan asal iaitu pertamanya, menyediakan Projek ATMOC yang mempunyai tiga objektif utama:

- (i) Pelan Operasi Kawalan Trafik Udara bagi menampung peningkatan kapasiti trafik udara. Hasil daripada pembukaan KLIA 2 dan infrastrukturnya.
- (ii) Pelan ATMOC juga akan melibatkan penyusunan semula keseluruhan laluan udara Semenanjung Malaysia mengikut kehendak *International Civil Aviation Organization Performance Based Navigation (ICAOPBN)* yang *alhamdulillah*, baru-baru ini kita telah berjaya mendapatkan tempat - Kerusi di badan antarabangsa ini.

## ■1030

- (iii) Pelan *Admob* yang melibatkan penyediaan dokumen tender sistem *Communication, Navigation, Surveillance/Air Traffic Management* (CNS/ATM) dan bantuan penilaian dalam pembinaan kompleks ATM baru di KLIA.

Bermakna bahawa dengan penyediaan KLIA 2, dan juga penyediaan *Admob*, dasar pelan yang lebih menyeluruh dan juga *KL Air Traffic Center* (KLTCC), *insya-Allah* dasar yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam bajet kali ini memang menekankan bahawa sektor penerbangan dan industri yang berkaitan memberikan fokus yang teramat utama dalam konteks sektor udara di Kementerian Pengangkutan. Perkembangannya akan dimaklumkan ke Dewan yang mulia dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan sebentar tadi bahawa kerajaan memberi jaminan KLIA 2 akan siap sebelum Mei 2014 dan Yang Berhormat Menteri juga telah memberi jaminan tidak ada tambahan kos di dalam pembinaan KLIA 2 ini. Persoalan saya ialah adakah Yang Berhormat sedia maklum bahawa pihak MAB atas desakan *Air Asia*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, duduk Yang Berhormat Gombak. Duduk sekejap. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai masih lagi digantung dan tidak berhak untuk hadir.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** Saya boleh keluar Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila keluar Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** Biasanya dua hari termasuk hari penggantungan Tuan Yang di-Pertua. Maknanya hari ini boleh masuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat keluar dahulu Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** Boleh saya tunjuk Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat keluar dahulu Yang Berhormat [*Dewan Riu*]

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** *It is two days*. Termasuk hari ini. Ada, ada dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, boleh Ahli Yang Berhormat senyap. Ahli Yang Berhormat, keluar dahulu Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, menurut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, boleh Ahli Yang Berhormat keluar dahulu Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K.Nagarajan [Padang Serai]:** Baik, baik Tuan Yang di-Pertua. Hanya saya hendak sebut dahulu usul termasuk hari yang saya digantung. Maknanya hari ini saya boleh masuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, keluar dahulu Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, perkara-perkara seperti begini tidak harus timbul kalau kita semua berpegang kepada Peraturan Mesyuarat. Jangan pandang saya sebagai individu. Pandang saya sebagai Speaker Dewan Rakyat. Ketua institusi. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak hormat kepada saya, bermakna tidak hormat kepada Parlimen di mana Ahli Yang Berhormat sebagai ahli. Sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ulang soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa pihak MAB atas desakan AirAsia telah bersetuju untuk mengenakan caj perkhidmatan bagi KLIA 2 sama kadarnya dengan LCCT dan ini sudah tentulah menjadi perkara yang menuntut penjelasan daripada pihak kementerian sedangkan MAS terpaksa membayar kadar yang begitu tinggi di KLIA yang sedia ada. Sedangkan AirAsia mendapat sebuah *airport* baru yang nilainya lebih RM4 bilion tetapi kadar yang dikenakan oleh kerajaan adalah jauh lebih rendah daripada KLIA sekarang. Kadarnya saya dimaklumkan adalah pada kadar LCCT.

Jadi saya pohon penjelasan, bagaimana perkara ini boleh berlaku dan bagaimana kerajaan boleh memberikan kemudahan dan subsidi yang begitu besar kepada pihak AirAsia? Terima kasih.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussien:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Gombak. Pertamanya, *airport* baru ini bukan semata-mata untuk AirAsia. Keduanya, perkara-perkara yang timbul sebelum ini banyak berkisar kepada kepentingan am syarikat-syarikat penerbangan yang perlu kita pastikan sekurang-kurangnya di peringkat kepentingan nasional atau seperti ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sektor udara, usaha yang lebih besar, agenda yang lebih besar memastikan kepentingan syarikat-syarikat tertentu sahaja diberi keutamaan akan dapat kita tangani.

Saya sendiri telah pun berjumpa dengan kepimpinan syarikat-syarikat berkenaan termasuk juga isu berhubung kait dengan caj perkhidmatan tadi dan semua perkara ini saya harap dapat kita bincang termasuk dengan Malaysia, Malindo dan dengan syarikat-syarikat yang lain di mana sekurang-kurangnya dari peringkat asas dan pokoknya sebagai hak penerbangan KLIA 2 ini mesti ada persefahaman dan konsensus daripada syarikat-syarikat berkenaan. Sebab itu persetujuan daripada syarikat-syarikat berkenaan telah pun di kecap, cuma *detail* perinciannya dalam konteks satu-satunya ialah caj perkhidmatan belum kita putuskan. *Insyallah*, saya percaya bahawa sebelum hujung tahun ini satu fahaman di antara ke semua yang terlibat, yang ada kaitan dengan KLIA 2 ini akan dapat diumumkan pada khalayak orang ramai, *insyaAllah*.

*[Soalan No. 4 – YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) tidak hadir]*

**5. Tuan Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Pertanian dan Asas Tani menyatakan:

- (a) mengapakah permit import dan eksport bahan makanan di bawah Akta Binatang 1953 diperlukan untuk kemasukan ke Labuan dari Sabah yang dikuatkuasakan oleh pejabat MAQIS Wilayah Persekutuan Labuan sehingga banyak diperkatakan mengganggu kelancaran dan meningkatkan kos; dan
- (b) bolehkah ianya dikecualikan untuk pergerakan antara Sabah dan Labuan memandangkan saiz Labuan yang kecil dan banyak bergantung kepada Sabah untuk bekalan bahan berkaitan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Labuan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum perwujudan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], Penyeludupan Haiwan dan Produk Haiwan dikawal di bawah Akta Binatang 1953 [Akta 647] (semakan 2006). Akta binatang ini di kuatkuasakan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk kawalan kemasukan haiwan dan produk haiwan ke Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

Oleh itu permit import dan eksport diperlukan bagi kemasukan haiwan dan produk haiwan misalnya dari Sabah ke Wilayah Persekutuan Labuan bagi tujuan kawalan penyakit haiwan. Apabila Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 diwujudkan, Akta Binatang 1953 [Akta 647] (Semakan 2006) telah dipinda agar selaras

dengan penubuhan Agensi Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Akta Binatang (Pindaan) 2013 ini telah diwartakan pada 19 Ogos 2013 dan dikuatkuasakan pada 20 Ogos 2013 bagi mengawal selia pengimportan dan pengeksportan haiwan dan produk haiwan serta menjalankan pemeriksaan dan perkhidmatan kuarantin.

Pada 1 Oktober 2013, pihak MAQIS telah mengambil alih sepenuhnya fungsi yang berkaitan dengan import dan eksport haiwan dan produk haiwan serta perkhidmatan kuarantin. Walau bagaimanapun, pihak MAQIS telah mengecualikan keperluan permit import dan eksport haiwan dan produk haiwan dari Sabah ke Labuan dan hanya mengenakan permit untuk pengimportan dan pengeksportan dari luar negara. Terima kasih.

#### ■1040

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih. Soalan tambahan, memandangkan Labuan sebuah kawasan yang kecil dan pembangunan pertanian mungkin terhad, adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk membantu membesarkan ataupun mengukuhkan industri perikanan seperti ikan sangkar dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan daripada Yang Berhormat Labuan itu akan kita pertimbangkan dan sekiranya ianya wajar dilakukan kita akan buat sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, perkara ini merupakan projek yang melibatkan peruntukan kewangan dan berbagai-bagai lagi. Jadi, saya perlu bawa kepada pihak kementerian untuk dibincangkan. Terima kasih.

**6. Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar oleh peminjam PTPTN dan senaraikan nama yang di senarai hitamkan oleh PTPTN.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September 2013 seramai 1.32 juta peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM9.51 bilion.

Daripada jumlah tersebut, seramai 903,920 peminjam atau 68% telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM4.82 bilion iaitu 50.7%. Manakala sebanyak RM4.69 bilion adalah merupakan jumlah tunggakan oleh seramai 425,792 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan juga tunggakan oleh peminjam yang dibenarkan membayar ansuran lebih rendah daripada ansuran sebenar. Bagi tempoh yang sama

seramai 132,801 peminjam telah di senarai hitam di Jabatan Imigresen Malaysia yang melibatkan amaun pinjaman sejumlah RM2.11 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peminjam yang telah di senarai hitam boleh disemak melalui laman sesawang PTPTN iaitu [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Daripada jumlah yang sebanyak RM2.11 bilion yang tidak dibayar yang mana peminjam-peminjamnya seramai 132,000 kalau tidak silap saya yang telah di senarai hitamkan, adakah pihak kementerian telah berusaha untuk meneliti latar belakang kewangan peminjam-peminjam berkenaan? Adakah mereka merupakan golongan yang tidak mahu membayarnya atas sebab ingkar semata-mata atau pun atas sebab kesempitan ekonomi yang dialami oleh mereka?

Saya juga ingin tahu apakah respons pihak kementerian terhadap cadangan, kaedah pembayaran yang berdasarkan kaedah ujah di mana jumlah bayaran itu dikira balik berdasarkan formula yang baru di mana bunganya tidak setinggi seperti mana yang pada asalnya. Saya yakin Yang Berhormat Menteri memahami kaedah ujah yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum kita menyenaraihitamkan peminjam-peminjam ini, kita beri tempoh masa 16 bulan sebelum kita dapat menyenaraihitamkan peminjam-peminjam ini. Selama 16 bulan pihak PTPTN akan menghubungi, berurusan surat dengan peminjam untuk memaklumkan kepada mereka tentang pembayaran balik.

Malah bukan sahaja melalui surat, kita juga benarkan mereka menghantar *email* kepada PTPTN untuk memberitahu kita masalah yang dihadapi oleh mereka. Pihak PTPTN dan kementerian sedia mendengar masalah kerana kita sedar apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi benar. Mungkin ada kesusahan dan kita sedia menerima kalau mereka memberitahu kita masalah pembayaran kerana ada masalah pembayaran, tidak dapat membuat bayaran dan sebagainya, kita sedia menerima dan kita boleh buat satu unjuran kembali untuk meringankan beban mereka. PTPTN satu badan yang sedia mendengar denyutan nadi peminjam. Kita sedia mendengar. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tidak beri laluan. Tolong Yang Berhormat, tolong.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia bukan denyutan nadi yang penting.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak ada. Yang Berhormat tolong ya tolong. Biar saya jawab dahulu. Sabar sedikit. Kesabaran ini separuh dari iman. Sabar, sabar. Baik, Yang Berhormat jangan khuatir. Kita sedar, kita tidak akan menyukarkan dan membebankan peminjam. Tentang cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat, kaedah pembayaran itu kita sentiasa sedia mendengar. Sekiranya boleh dipraktikkan, kita akan cuba mempraktikkan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Allah! Pagi, pagi tengok orang masuk air... Allah!

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak ambil kesempatan dan bertanya tentang pinjaman balik. Ini pun calon Timbalan Presiden PAS ya, calon Naib Presiden? Ini di belakangnya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hormat lah Tuan Yang di-Pertua pilih dia tetapi saya rasa silap orang *[Ketawa]*

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bukan apa, *campaign manager* dia ada di sini.

**Seorang Ahli:** Jawab sahaja soalan.

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi saya kadang-kadang dengan Yang Berhormat Shah Alam banyak masa yang tidak bersetuju, hari ini boleh setuju. Dari segi pembayaran balik ini, walaupun kita ada 16 bulan, adakah kita ambil juga pandangan sama ada mereka ini belum mendapat lagi pekerjaan yang tetap. Oleh sebab apa, kita mungkin kata baguslah kerajaan menetapkan asasnya 16 bulan ke 18 bulan tetapi adakah asas-asas lain?

Sebagai contohnya kita hanya meminta anak-anak kita ini membayar kembali bila ada kemampuan membayar. Sebagai contoh tidak mungkin ada kemampuan kalau mereka itu tidak ada pekerjaan yang tetap. Itu yang pertama.

Keduanya saya ingin bertanya, dari segi pinjaman ini adalah juga kita timbangkan dari segi kemampuan ibu bapa mereka? Sekarang ini kita bagi pinjaman tidak kisah sama ada bapa itu mampu untuk membiayai anak-anak mereka. Macam di luar negara ada



model-model digunakan. Sebahagian ibu bapa mereka membantu, membiayai, sebahagiannya kerajaan. Adakah kita ambil juga dari segi kaedah-kaedah seperti yang saya katakan tadi?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat seorang Ahli Parlimen yang begitu prihatin kepada keperluan remaja-remaja. Terima kasih.

Kementerian sentiasa mengambil isu-isu ini. Contoh kerja. Kalau belum dapat kerja, maklumkan kita, maklumkan pada PTPTN. Kita boleh berbincang dan mencari penyelesaian. Sama juga dengan kaedah kemampuan ibu bapa, kita juga boleh berbincang. Dalam dunia ini Yang Berhormat tidak ada perkara yang tidak boleh kita cari penyelesaian. Tentang perbincangan, kita boleh berbincang. Tidak perlu buat rusuhan di jalan raya. Kita bincang di meja perbincangan, kita boleh mencari penyelesaian. Perbincangan demonstrasi, rusuhan jalan raya, semua tidak perlu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maknanya 132,000 orang mengikut Yang Berhormat Menteri langsung tidak bincang, langsung tidak berhubung dengan kementerian? Adakah ini yang disebut? Saya merasakan ini merupakan satu tuduhan yang tidak tepat kerana ramai orang membuat rayuan tetapi terus di senarai hitam.

#### ■1050

7. **Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejak memperkenalkan keterbukaan mendapat pandangan dan idea dalam kalangan rakyat sebelum pembentangan bajet di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, nyatakan berapa jumlah pandangan dan idea yang telah diguna pakai dan menepati kehendak pembangunan ekonomi negara dan keperluan rakyat semasa.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran. Seperti mana Dewan sedia maklum pembentangan Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah dibentangkan pada 25 Oktober yang lepas. *Alhamdulillah* maklum balas yang diterima sama ada dari masyarakat, industri swasta, penjawat awam ramai yang menyambut baik dan positif terhadap langkah dan inisiatif yang telah diumumkan.

Dalam proses penyediaan bajet negara, Kementerian Kewangan sememangnya memperhalusi setiap cadangan dan input dari semua pihak. Ini termasuk mengambil kira *input* dan pandangan pelbagai pihak dari sektor swasta, kementerian dan agensi, pihak media, NGO, Ahli-ahli Yang Berhormat serta individu perseorangan melalui beberapa

platform seperti Majlis Konsultasi Bajet, perbincangan *focus group* dan termasuk input daripada *Blog 1Malaysia*. Sebagai tambahan, Kementerian Kewangan juga telah mengadakan konsultasi bajet secara khusus di Sabah dan Sarawak yang melibatkan penyertaan lebih 400 orang serta perbincangan bersama Setiausaha Kerajaan Negeri termasuk negeri pembangkang bagi mendapatkan pandangan dan *input* mereka.

Secara rekod, sebanyak 104 memorandum telah diterima semasa Majlis Konsultasi Bajet yang dihadiri oleh 497 orang peserta yang mewakili sektor swasta, badan profesional, ahli akademik, *think tank*, NGO dan agensi kerajaan. Ini merangkumi isu dan cadangan dari aspek ekonomi makro, *sectoral* dan sosial. Jumlah ini tidak termasuk 15 mesyuarat *focus group* yang telah diadakan dan cadangan-cadangan lain melalui *Blog 1Malaysia*, Facebook Kementerian Kewangan dan pelbagai saluran media yang lain.

Secara keseluruhan, Bajet 2014 memberi tumpuan dan penekanan dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus kukuh antaranya dengan langkah merencanakan pelaburan, meningkatkan eksport dan memajukan sektor-sektor yang berpotensi. Di samping itu melalui inisiatif Bajet 2014, kerajaan komited untuk terus mengutamakan kesejahteraan rakyat dari sudut meringankan beban kos sara hidup, menyediakan kemudahan perumahan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk terutama di kawasan luar bandar, memperkasa pembangunan modal insan serta memastikan kedudukan kewangan terus kukuh termasuk mengurangkan defisit fiskal hutang negara yang terkawal dan perbelanjaan mengurus yang berhemah. Terima kasih.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Begitu jelas menjawab soalan saya pada pagi ini. Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, saya kira telah disediakan hasil proses penyediaan yang mantap dan terperinci. Bagi pihak rakyat Libaran, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih. Mudah-mudahan limpahan daripada bajet ini sampai juga ke kawasan saya.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan jelaskan apakah fokus yang diberikan untuk rakyat Sabah dan Sarawak dalam bajet kali ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat. Penyediaan bajet ini mengambil masa lama antara 8 ke 9 bulan dalam setiap tahun. Ia bukan mengambil masa 8 ke 9 hari atau 8 ke 9 minggu Tuan Yang di-Pertua, lama. Bermula daripada bulan Februari, seawal bulan Februari sehinggalah hari-hari terakhir sebelum 25

Oktober ataupun Jumaat yang terakhir pada bulan Oktober. Khusus untuk Sabah dan Sarawak sebenarnya apabila kita menyatakan rakyat dapat BR1M, itu keseluruhan Sabah dan Sarawak juga apabila kita kata Indeks Kesejahteraan Malaysia juga untuk Sabah dan Sarawak, apabila kita kata pembangunan luar bandar pastinya Sabah dan Sarawak dengan menaik taraf 437 kilometer jalan itu kebanyakannya Sabah dan Sarawak Pan Borneo RM500 juta itu Sabah dan Sarawak. Bekalan air, tangki-tangki air di Sarawak RM75 juta bekalan air 8,000 rumah, RM457 juta itu pun kebanyakannya Sabah dan Sarawak termasuklah elektrik mengukuh sistem penjanaan, penghantaran.

Kemudian dari segi pengukuran tanah adat, pengesanan hak pemilikan tanah adat misalnya RM50 juta untuk Sabah dan Sarawak. Penubuhan tiga *Rural Transformation Centre*, Pusat Transformasi Luar Bandar yang baru di antara tiga itu Negeri Sembilan, kemudian satu lagi di Sabah dan satu lagi di Sarawak. Ini antara perkara pengkhususan selain daripada kita ingin meneruskan projek seperti di Sipitang, Samur dan juga di Babangan sebagai pusat *oil and gas*. Itu antara projek-projek khusus yang telah disebut.

Ada 100 *touch point* dalam bajet ini dan kita akan mengedarkan 100 *touch point* ini, 100 pengumuman Tuan Yang di-Pertua. Banyak, bukan satu, dua tetapi 100 ada di tangan saya ini dan kita akan edarkan maklumat ini untuk makluman. Terima kasih.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sebenarnya mengalu-alukan tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk terlebih dahulu mendapat pandangan umum sebelum membentangkan Bajet 2014 tempoh hari. Sebenarnya ini memang menjadi amalan kebiasaan dalam proses pembentukan dasar-dasar awam bagi sebuah negara yang demokrasi cuma apa yang saya kesalkan ialah tindakan ini tidak dilakukan pada semua perkara.

Sebagai contoh sewaktu melibatkan kepentingan awam seperti kenaikan harga barang dan juga harga barang kawalan seperti bahan bakar, gula dan seumpamanya termasuk juga dengan isu TPPA dan juga GST tidak terlebih dahulu dibincang ataupun dibawa kepada pengetahuan awam untuk mendapat pandangan daripada masyarakat.

Jadi soalan saya, apakah pihak kerajaan boleh bersetuju untuk membuat satu ketetapan dan juga kriteria yang khusus supaya apa sahaja dasar-dasar penting yang melibatkan kepentingan rakyat diapung terlebih dahulu untuk pengetahuan dan juga penjelasan ataupun *respons* balas daripada rakyat sebelum membuat satu ketetapan. Jadi mohon penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah diberikan kepada rakyat untuk ditarik balik

adalah suatu yang amat sukar dilakukan oleh mana-mana kerajaan. Itu yang berlaku apabila kita mengurangkan subsidi 20 sen untuk petrol dan diesel dan juga 34 sen penghapusan subsidi gula. Tetapi sebelum itu ramai tidak maklum pun, rakyat tidak tahu pun ada 34 sen subsidi gula sebagaimana rakyat sekarang ini amat kurang maklum ada subsidi untuk tepung, subsidi untuk beras, ada subsidi untuk gas memasak, ada subsidi untuk minyak masak.

Akan tetapi apabila kita telah berikan, kita hendak tarik balik ia adalah satu proses yang sukar dan apabila kita tanya kepada rakyat adakah rakyat setuju untuk kita tarik subsidi ini jawapannya mestilah tidak. Tetapi kebijaksanaan kita mengatur dan memberikan penjelasan selepas itu, itu adalah perkara yang lebih penting. Misalnya apa yang kita lakukan daripada ratusan juta pengurangan RM340 juta pengurangan subsidi gula misalnya kita gunakan itu untuk membina 50 Klinik 1Malaysia yang baru, 30 klinik desa, memperbaiki kesihatan rakyat dan juga kita menarik 20 sen subsidi itu juga tujuannya untuk kita mengurangkan apa yang diberikan kepada mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke atas. Ini kerana mereka yang berpendapatan RM3,000 dan ke atas ini menggunakan 70% daripada subsidi petroleum dan yang berpendapatan RM3,000 ke bawah hanya menggunakan 30% daripada subsidi petroleum, RM2,000 juta sebulan itu.

Jadi apabila kita membuat keputusan, kalau kita tanya kepada semua, mereka tidak bersetuju. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Temerloh, di hadapan kita ialah kesejahteraan rakyat. Apa yang kita fikir baik untuk rakyat tentunya kita akan melaksanakan walaupun ia kurang popular bagi sesetengah keputusan itu.

#### ■1100

Bahagian Bajet, Bahagian Cukai, Bahagian Ekonomi, Bahagian Kewangan, Bank Negara Malaysia semua terlibat untuk merumuskan bajet setiap tahun. Begitu juga Yang Berhormat Menteri-menteri dan juga Ketua Setiausaha kementerian-kementerian. Ini kita dengar pandangan-pandangan mereka. Kita pergi ke kementerian-kementerian, dua bulan dalam masa setahun, bertanya kepada pegawai yang menguruskan bajet di kementerian masing-masing yang dikepalai oleh Ketua Setiausaha kementerian, bertanya dua bulan kepada semua kementerian, apakah yang terbaik untuk dilakukan oleh kementerian itu kepada rakyat.

Ini adalah kerja Kementerian Kewangan dan pegawai-pegawainya setiap tahun tanpa henti untuk memastikan bajet dapat dilaksanakan dengan baik dan saya mengambil pandangan Ahli Yang Berhormat Temerloh itu dengan fikiran yang positif untuk dasar-dasar yang lain. Terima kasih.

**8. Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah kerajaan ingin meningkatkan produktiviti, integriti serta imej positif jabatan-jabatan penguatkuasaan seperti jabatan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah agar ianya dihormati dan dihargai rakyat

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**  
*Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan produktiviti, integriti serta imej positif dalam sistem tadbir urus sektor awam, kerajaan telah mewujudkan Unit Integriti di Kementerian Dalam Negeri dan jabatan di bawahnya iaitu Polis Diraja Malaysia dan serta Jabatan Imigresen Malaysia. Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata tertib kelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras iaitu:-

- (a) tadbir urus - memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;
- (b) pengukuhan integriti - memastikan kebudayaan penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- (c) pengesanan dan pengesahan – satu, pengesanan dan pengesahan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. Kedua, melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- (d) pengurusan aduan – menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan maklumat mengenai semua salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi;
- (e) pematuhan – memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan;
- (f) tata tertib – melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tata tertib.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM khasnya pelbagai usaha telah dilakukan bagi meningkatkan lagi imej dan integriti PDRM seperti mewujudkan perancangan strategik PDRM dengan mengunjurkan guna tenaga yang diperlukan menjelang tahun 2015 iaitu 40% terdiri daripada pegawai kanan dan 60% terdiri daripada anggota pangkat rendah bagi mencapai objektif transformasi modal insan ke arah menjadikan PDRM sebagai *World Class Policing* dan mencapai *Government Transformation Programme (GTP)*.

Bagi mengatasi masalah integriti dan penyalahgunaan kuasa, PDRM mengambil pendekatan tidak tolak ansur ke atas warganya yang melakukan kesalahan tata tertib dan rasuah malah akan memastikan amalan disiplin yang tinggi dipatuhi. Mana-mana anggota yang didapati melakukan apa-apa pelanggaran peraturan dan mengamalkan rasuah dan salah guna kuasa, tindakan yang tegas akan dikenakan kepada mereka termasuk diambil tindakan tata tertib, buang kerja dan mendakwa di mahkamah.

PDRM melalui urus setia KPN, Ketua Polis Negara tata tertib sentiasa melaksanakan tindakan-tindakan positif untuk memastikan warganya mematuhi peraturan dan undang-undang melalui aktiviti tersebut:

- (i) pemeriksaan proaktif iaitu pemeriksaan mengejut ke atas *frontliners* di hadapan;
- (ii) melaksanakan *mystery shopping* iaitu penyamaran secara fizikal atau melalui telefon untuk memastikan penugasan di lapangan adalah mengikut peraturan dan arahan yang telah ditetapkan;
- (iii) menjalankan ujian kencing untuk memastikan warga PDRM tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah yang mungkin akan berkaitan dengan perlakuan rasuah;
- (iv) pelancaran poster 'Jauhi Rasuah' dengan bertemakan '*Membudayakan Amalan Integriti Dalam PDRM*' telah dilancar pada 14 Mac 2012. Sasaran pengagihan poster adalah bahagian yang sering dikunjungi oleh orang awam seperti kaunter pejabat pertanyaan, bilik pegawai penyiasat, Cawangan Trafik dan sebagainya bagi memberi kesedaran kepada orang awam agar tidak menawarkan rasuah kepada anggota PDRM;
- (v) pemeriksaan ke atas pelaksanaan Sistem Kawalan Disiplin Dadah (SKDD) dengan matlamat membantu anggota polis menjauhi diri dari aktiviti penyalahgunaan kuasa; penyalahgunaan dadah termasuk pengawalan berlakunya aktiviti rasuah. SKDD meliputi butiran peribadi, kerjaya, pendapat dan harta dan laporan penyelia, perjumpaan secara *personal* penyelia dengan anggota yang diselia wajib dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu bulan. Perjumpaan adalah bagi menyampaikan teguran, nasihat dan arahan dan prestasi diri serta bahagian keluarga;
- (vi) PDRM juga mengamalkan pendekatan *corrective* dengan penubuhan Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) yang

bertanggungjawab dalam membantu mengatasi mana-mana anggota yang memerlukan bantuan daripada segi kaunseling dan pembentukan sikap yang lebih berintegriti dan berhemah tinggi;

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Begitu baik jawapannya cuma persoalannya ialah dalam keadaan semasa, jenayah meningkat begitu ketara, indeks rasuah tidak menurun dengan *significant*, peningkatan PATI begitu berleluasa, kad pengenalan palsu dan juga kalau kita tengok persepsi orang ramai mengenai korupsi dalam kalangan orang-orang politik dan polis juga didapati tinggi.

Jadi persoalannya, dalam keadaan semasa yang berlaku begini, seolah-olahnya kerajaan gagal dari sudut pelaksanaannya. Adakah ia disebabkan oleh tiada kesungguhan politik ataupun pimpinan atau ia disebabkan oleh campur tangan politik yang begitu berleluasa atau juga kerana tahap kompetensi pegawai-pegawai kita yang lemah yang boleh diambil perhatian? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, selepas PDRM melaksanakan Ops Cantas baru-baru ini, banyak penurunan daripada semua sudut kesalahan sama ada kesalahan *serious crime* ataupun kesalahan-kesalahan lain. Akan tetapi, persepsi masyarakat kepada pelaksanaan operasi PDRM ini sebenarnya adalah pendapat segelintir sahaja. Kebanyakan masyarakat di luar sana mendapati bahawa tindakan yang telah dibuat oleh pihak polis dan juga KDN ataupun Kementerian Dalam Negeri mendapat penerimaan yang amat positif.

Jadi kalau kita lihat daripada imbasan lain, juga menunjukkan fakta-fakta ini adalah benar dan betul. Saya juga bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut bahawa ada penglibatan politik. Politik yang saya sebut di sini bukanlah mengatakan ahli politik yang kita di sini Yang Berhormat. Kebanyakan masyarakat tidak memahami apa ertinya politik. Kadang-kadang, umpamanya saya bagi satu contoh Yang Berhormat. Apabila kubu benteng *prison* di Medan ditembusi oleh pihak pelarian daripada banduan, 200 lebih banduan keluar dari sana, baru seminggu selepas itu, orang di Sarawak dihebohkan mengatakan di Matang dan di Putrajaya telah ramai pelarian dari Medan itu sudah sampai ke sana.

#### ■1110

Apabila pihak polis mengadakan satu patrol menerusi udara dan juga menguji alat-alat penggunaan malam dan juga menjalankan pengesanan jenayah mereka

mengatakan betullah perkara ini bahawa polis mencari pelari daripada Medan itu sudah sampai di Kuching.

Jadi, persepsi ini semua orang di Kuching mengatakan benar perkara ini berlaku oleh kerana blog, *Twitter*, *Facebook* melaksanakan perkara yang tidak mungkin orang daripada Medan boleh sampai ke Kuching dalam satu minggu. Lari di sana dan dicari oleh polis Malaysia di Sarawak. Jadi, persepsi ini saya cukup yakin memang benar Yang Berhormat. Masalahnya kita kadang-kadang apabila dengar sahaja, masuk dalam *Facebook*, masuk dalam *Twitter* akhirnya menjadi satu persepsi. Walau secara realitinya perkara ini tidak pernah berlaku.

Jadi, untuk membaik pulih ini berterusan akan dilaksanakan oleh pihak kementerian dan juga polis itu sendiri. Dalam sudut ini juga kita masih berbincang macam mana mekanisme yang terbaik supaya kita *respond time* kepada apa sahaja persepsi negatif ini boleh kita buat dan jawab dengan secepat mungkin untuk memberi penjelasan kepada masyarakat umum bahawa apakah perkara yang sebenarnya. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi, soal persepsi dan imej positif PDRM. Sejak kebelakangan ini nampaknya kes-kes yang menggunakan senjata api begitu kerap sekali berlaku dan ini sedikit-sebanyak memberi tekanan kepada pihak polis. Ditambah pula dalam Laporan Audit Negara mengatakan ada pistol yang hilang. Oleh sebab itu persepsi rakyat ini lebih negatif kepada PDRM.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil oleh kementerian supaya memastikan imej polis ini pulih? Kedua, bukan sahaja sekadar indeks jenayah itu turun bagaimana rakyat dapat merasainya bahawa jenayah itu memang dapat dikurangkan. Yang *feeling* itu sangat penting Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, apabila seseorang mengkaji daripada sudut pentadbiran salah satu daripada kajian yang dibuat termasuk kajian yang saya buat Yang Berhormat ialah termasuk macam mana mengatasi persepsi masyarakat apabila berlaku sesuatu perkara. Jadi, dalam keadaan sedemikian ada diperuntukkan dalam bajet yang kita ada sekarang ini sejumlah wang yang mana kerajaan amat peka persepsi rakyat kepada tindakan polis itu adalah amat penting dan menyediakan peruntukan yang sepatutnya. Jadi, *insya-Allah* kita akan laksanakan kehendak kerajaan untuk mengubah persepsi rakyat ini menggunakan mekanisme secara yang menyeluruh.



Jadi, soalan Yang Berhormat berhubung dengan senjata yang hilang. Sebenarnya berlakunya senjata yang hilang ini dalam satu jangka masa yang panjang iaitu tiga tahun dan kehilangan ini bukanlah kehilangan daripada dalam stor, almari ataupun sesuatu tempat simpanan tetapi berlaku pada anggota-anggota polis yang membawa senjata. Dalam situasi yang tertentu, saya mempunyai banyak pengalaman sendiri merentas sungai, dalam bot, karam dan sebagainya tetapi ada juga yang dilaporkan menjadi *sensationalize news* dengan izin iaitu pistol dijumpai dalam tandas, pistol dijumpai di tempat-tempat tertentu.

Saya faham kenapa perkara ini berlaku. Sebagai orang yang pernah membawa senjata ini selama 13 tahun dalam polis dahulu macam mana ia boleh berlaku. Kadang-kadang kelemahan manusia ini memang kita terima tetapi dalam masa yang sama polis tidak berdiam diri. Kita akan mencari cara-cara SOP yang terbaik untuk mereka yang memegang dan membawa senjata ini untuk diperbaiki lagi supaya persepsi ini yang menerusi perkhabaran rasmi umpamanya Laporan Ketua Audit Negara ini boleh kita atasi tetapi fahamilah bahawa ia bukan berlaku dalam satu tempat, satu masa tetapi dalam jangka masa yang panjang iaitu tiga tahun.

Maknanya, kelemahan ini berlaku bukanlah kelemahan seluruh masyarakat PDRM tetapi ada segelintir pegawai yang mungkin daripada sudut latihan, kecuaiian berlaku tetapi ada kecuaiian tidak boleh dielak, seperti merentas sungai masa beroperasi, tertinggal senjata atau termasuk sungai atau di laut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor sembilan dan sebelum itu saya minta izin Tuan Yang di-Pertua saya telah diminta oleh Yang Berhormat Tebrau untuk mengalu-alukan kunjungan rombongan daripada *Young Malaysians Movement* (YMM) negeri Johor atas jemputan Yang Berhormat Tebrau. Terima kasih. *[Tepuk]*

**9. Datuk Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah langkah dan kaedah yang berkesan dalam mengendalikan pengaliran trafik untuk mengelakkan kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan dalam musim perayaan dan percutian.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Malim di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik di Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) khususnya pada musim perayaan tertentu dan pada cuti hujung minggu. Sehubungan itu, untuk mengurangkan kesan kesesakan jangka pendek di Lebuh Raya PLUS kerajaan telah bersetuju untuk menaik taraf beberapa lokasi Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) yang dikenal pasti mengalami kesesakan akibat pertambahan bilangan trafik. Skop projek bernilai RM1.437 bilion ini melibatkan cadangan pembinaan lorong tambahan keempat dengan jarak keseluruhan sepanjang 63.3 kilometer iaitu pertamanya di lokasi antara Rawang ke Sungai Buloh sepanjang 13 kilometer, Shah Alam ke Sungai Buloh 16 kilometer, Bukit Lanjan ke Jalan Duta tujuh kilometer dan persimpangan Nilai Utara Seremban 27 kilometer.

Pada masa kini kerja-kerja pembinaan sedang giat dijalankan dengan kemajuan kerja-kerja fizikal di tapak ialah 35%. Berdasarkan perancangan, projek ini dijangka akan siap keseluruhannya pada akhir tahun 2014. Di samping itu, kerajaan telah meluluskan projek Lebuh Raya Pantai Barat ataupun Taiping ke Banting atau WCE yang sejajar dengan Lebuh Raya PLUS di bahagian Perak dan Selangor. Lebuh raya sepanjang 316 kilometer ini akan dibina menerusi gabungan kaedah penswastaaan dan konvensional. Pembinaan fizikal WCE dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2014 dan siap sepenuhnya dalam tempoh 60 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan kesan kesesakan jangka pendek di Lebuh Raya PLUS pula kementerian ini dengan kerjasama syarikat konsesi PLUS telah melaksanakan beberapa langkah dan tindakan proaktif. Antaranya ialah seperti mengeluarkan jadual waktu perjalanan untuk musim perayaan tertentu, menambah bilangan lorong di plaza-plaza tol, membuat hebahan menerusi media massa dan media elektronik dan bekerjasama dengan pihak polis untuk melancarkan aliran pergerakan trafik. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baik tetapi di sini saya cuma hendak bangkitkan tentang kesesakan terutamanya di tempat kutipan tol. Pada saya sistem elektronik yang digunakan seperti Touch'nGo, *fast track* dan sebagainya telah ketinggalan zaman. Saya rasa mungkin PLUS boleh gunakan sistem imbasan generasi yang lebih baru, lebih berkesan, lebih cekap.

■1120

Jadi soalan adakah kerajaan sedia mengarahkan PLUS untuk kaji supaya sistem yang lebih canggih dalam sistem kutipan tol itu digantikan dengan sistem yang sedia ada,

supaya mengelakkan kesesakan di tempat-tempat kutipan tol di Lebuhraya Utara-Selatan itu. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, memang benar di peringkat kementerian bersama dengan syarikat konsesi memang membincangkan dan meneliti opsyen-opsyen untuk sistem imbasan yang lebih baik, daripada apa yang diamalkan pada ketika ini, Yang Berhormat. Dengan sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan juga melihat kepada inovasi-inovasi untuk memperbaiki lagi sistem yang sedia ada.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kerajaan juga memperkenalkan selain daripada penggunaan pembayaran secara elektronik, kerajaan juga melalui kementerian dan hasil perbincangan dengan syarikat-syarikat konsesi memperkenalkan kadar pembayaran diskaun dan rebat tertentu agar pengguna menggunakan perjalanan di luar waktu puncak. Ini sekali gus membantu dalam meminimumkan potensi kesesakan yang berlaku pada masa-masa tertentu.

Selain daripada itu Yang Berhormat, saya juga suka untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat pada masa yang sama juga pihak PLUS sedang merancang bagi melaksanakan cadangan untuk membina lorong mendaki di laluan di antara Slim River ke Sungkai iaitu arah utara sepanjang 4.56 kilometer. Cadangan kerja ini dijangka akan dilakukan pada suku kedua tahun depan, untuk pengetahuan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Duduk, Ahli Yang Berhormat. Saya akan keluar sekejap lagi. Oleh kerana sesi pertanyaan-pertanyaan ini berakhir pada 11.30 pagi. Akan tetapi ada perkara yang perlu saya selesaikan sebelum saya keluar. Ini kerana sebelum ini usul kerajaan mengenai dengan hal Yang Berhormat Padang Serai perlu diselesaikan. Jadi saya tidak akan duduk di sini untuk mampengerusikan. Jadi sekarang ini saya akan menyelesaikan hal saya dengan Yang Berhormat Padang Serai.

Begini Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai masuk tadi, saya kata keluar dulu, Yang Berhormat. Alasan saya atas sebab-sebab seperti berikut.

Peraturan mesyuarat kita ini semuanya tertakluk kepada tafsiran Tuan Yang di-Pertua. Kalau tafsiran Tuan Yang di-Pertua itu salah, maka peraturan mesyuarat kita juga membenarkan untuk dikaji, tetapi dengan usul. Apabila dikaji dengan membawa usul, itu merupakan kritik kepada Tuan Yang di-Pertua. Bukan bermakna Tuan Yang di-Pertua

tidak boleh dikritik, tetapi ada cara. Akan tetapi kalau kritik Tuan Yang di-Pertua di luar, itu bermakna menghina Majlis kerana menghina Tuan Yang di-Pertua. Ingat ini. Tadi saya tidak membenarkan beliau untuk masuk dulu kerana ada pertikaian tafsiran. Menurut beliau, tafsiran ialah kalau tidak dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua secara jelas, apabila mengatakan bahawa Yang Berhormat keluar. Bermakna secara automatik dua hari.

Pertikaian di sini ialah pendapat saya ialah dua hari itu apa sebenarnya? Ini kerana hari persidangan adalah daripada jam 10 pagi hingga 5.30 petang. Ada rehat di tengah hari. Jadi kalau sekiranya seseorang itu disuruh keluar pada jam lima petang, ada lagi setengah jam. Jadi adakah dua hari itu bermula daripada bila? Ini kerana kuasa Tuan Yang di-Pertua dalam Peraturan Mesyuarat 99, dari semasa ke semasa kalau tidak ada jelas definisi itu, Tuan Yang di-Pertua sendiri boleh mengatakan ini definisinya. Kalau juga Ahli-ahli Yang Berhormat tidak setuju, *then* boleh juga diambil.

Jadi bagi saya dua hari ini ialah apabila Yang Berhormat itu saya arahkan keluar lebih kurang 11.30 pagi. Maka dia boleh masuk definisi saya selepas nanti 11.30 pagi pada hari ini. Itu sebab saya kata jangan masuk dulu, Yang Berhormat. Akan tetapi dia masih mengatakan bahawa saya boleh masuk kerana ini hari yang kedua. Jadi ini cuma tafsiran-tafsiran Tuan Yang di-Pertua. Tidak payahlah bawa saya gaduh, Ahli-ahli Yang Berhormat. Selepas itu hentam saya. Ada cara kita buat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Tidak apa. Silakan.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini sangat jelas. Kalau tidak jelas, barulah kita pakai Peraturan Mesyuarat 99. Akan tetapi perkara ini sangat jelas bahawa Peraturan Mesyuarat 44(2) mengenai perkara ini. Jika Pengerusi tidak menentukan tempoh Ahli diminta keluar, tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai selama dua hari termasuk hari kejadian berkenaan, sama ada pukul 10, pukul 4, pukul 5. Itu tidak kira, tetapi hari kejadian itu. Itu bererti hari ini Yang Berhormat daripada Padang Serai tidak lagi digantung. Langkah ini sangat jelas dan saya rasa dalam perkara ini khususnya, oleh kerana usul di hadapan kita bahawa prinsip plaintif ialah bahawa Speaker bukan sahaja harus *fair* tetapi *seen to be fair*. Dalam perkara ini, *Speaker* tidak *fair* dan *seen to be unfair*. Saya rasa itu perlu dibetulkan dan kita semua manusia. Kita boleh buat kesilapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya harap bahawa dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, boleh mengakui itu satu kesilapan dan tidak perlulah kita merujuk usul untuk mahu kaji semula dalam perkara ini, khususnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa jelas. Kalau isu-isu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah, tidak apalah. Sudah jelas.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak apalah, tidak apa. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sedikit tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sebab tidak apalah menggunakan alasan pukul 11.30 pagi, tetapi maknanya itu satu yang baiklah maknanya. Hendak menutup kesilapan pentafsiran terhadap peruntukan peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Selepas Yang Berhormat Gombak, tidak ada lagi. Yang Berhormat Sepang, tidak ada lagi. Saya cuma dengar sama Yang Berhormat Gombak dan selepas itu saya respons. Sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Gelang Patah sebentar tadi. Cuma yang hendak saya tegaskan ialah Peraturan Mesyuarat 44(2) ini tidak perlu sebarang pentafsiran, sebab nyata di situ peraturan itu membenarkan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk masuk semula ke dalam Dewan setelah dua hari termasuk hari kejadian. Jadi saya setuju ada peruntukan lain yang membenarkan Tuan Yang di-Pertua untuk memberi tafsiran, tetapi ini terlalu jelas. *Crystal clear*. Tidak perlu lagi sebarang tafsiran di mana Yang Berhormat Padang Serai wajib dibenarkan masuk mulai jam 10 pagi tadi kerana dua hari persidangan telah berlalu.

Walaupun sekarang Tuan Yang di-Pertua telah membenarkan Yang Berhormat Padang Serai masuk jam 11.30 pagi ini, tetapi saya tidak mahu *ruling* Tuan Yang di-Pertua tadi menjadi *precedent* untuk kes-kes yang akan datang. Maknanya, akan datang kita kena lihat pukul berapa dia dihalau keluar. Pukul 3.23 minit dan 40 saat petang dan berapa saya tidak tahu lagilah. Jadi saya ingat tidak perlu itu dijadikan *precedent* untuk kes-kes yang akan datang. Kita gunakan Peraturan Mesyuarat 44(2) ini secara nyata dan terang di mana sekiranya Pengerusi tidak menentukan tempoh Ahli diminta keluar,

tempoh tersebut hendaklah disifatkan sebagai selama dua hari termasuk hari kejadian berkenaan.

Oleh kerana hari kejadian berlaku pada hari Isnin dan semalam Yang Berhormat Padang Serai menghormati keputusan tidak hadir dalam Dewan, maka Yang Berhormat Padang Serai ada hak di bawah peraturan mesyuarat untuk menyertai persidangan Dewan mulai jam 10 pagi tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebenarnya beliau telah dinafikan haknya selama satu jam setengah iaitu daripada 10 pagi sampai 11.30 pagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jadi siapa yang bertanggungjawab yang menafikan hak Yang Berhormat Padang Serai di hari persidangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Beliau juga harus dihukum dalam perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, itu sebab apabila saya dengar hujah daripada Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Gombak, saya senyum. Saya senyum Yang Berhormat, bukan apa-apa. Ini kerana dalam soal ini, yang mentafsir peraturan mesyuarat ialah Tuan Yang di-Pertua ataupun Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Selama ini pun saya tidak mengatakan bahawa segala tafsiran saya itu betul atau tidak. Cumanya Yang Berhormat, untuk memperbetulkan kesilapan Speaker, bukan dikritik di luar. Mesti ada peraturan mesyuarat tertentu iaitu mesti usul. Ini mesej saya, Yang Berhormat.

#### ■1130

Tafsiran saya melalui juga peraturan-peraturan mesyuarat. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah, itu tafsiran Yang Berhormat Gelang Patah, dia kata *crystal clear*. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak, itu adalah tafsiran Yang Berhormat Gombak yang dia kata *crystal clear*. Tafsiran saya, walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa silap, itu tafsiran saya. Jadi, kalau tidak puas hati dengan tafsiran saya, boleh buat usul. Bermakna, saya *open to criticism through the* usul, itu mesej saya, Ahli-ahli Yang Berhormat. *See?*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dulu Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, itu adalah keputusan saya. Jadi, bermakna saya sekarang ini, apabila saya suruh dia keluar kerana itu interpretasi saya dengan Peraturan Mesyuarat, maka Ahli Yang Berhormat boleh masuk selepas saya keluar. Ini kerana pada ketika waktu dia saya halau keluar adalah lebih kurang jam 11 lebih. Itu tafsiran saya, Ahli Yang Berhormat. Mungkin saya salah, itu tafsiran saya. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju dengan itu, buat usul seperti dalam Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Penjelasan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You are not in the liberty to speak.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sesi-sesi pertanyaan jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada keputusan yang dibuat tadi berkaitan dengan tafsiran.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, kena jelaskan. Kita kena faham. Tafsiran Tuan Yang di-Pertua pun kita kena faham. So, kita minta penjelasan ke atas tafsiran Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah itu bermaksud kita tidak boleh kritik melainkan dengan masukkan usul? Itu yang saya nak jelaskan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kena faham. Kalau tak faham, nanti kita buat salah lagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita kena tahu kerana kalau tidak *there will be a problem*. Adakah ianya bermaksud kalau tidak ada usul, kita tak boleh kritik langsung? Tuan Yang di-Pertua, perlu jawablah Tuan Yang di-Pertua. Itulah masalah dia, itu masalah dia. Tak nak jawab.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Why* sejak semalam semua lari?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kalau tahu tafsiran salah, boleh akui tafsiran salah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itulah, tak boleh ambil kritikan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sejak semalam, semua lari?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tak berani nak ambil kritikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dah selesai dah Yang Berhormat ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh kita minta penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### **PENGGANTUNGAN AHLI PARLIMEN PADANG SERAI SELAMA ENAM BULAN DI BAWAH P.M. 27**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengemukakan usul di bawah Peraturan 27 iaitu;

“Bahawa pada Selasa, 12 November 2013, Yang Berhormat N. Surendran, Ahli Parlimen Kawasan Padang Serai telah mengeluarkan suatu kenyataan semasa sidang media di lobi Parlimen yang telah disiarkan di dalam beberapa media”.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sikit sahaja, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya minta diam Yang Berhormat, yang lain diam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Penjelasan. Berhubung dengan apa yang telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, adakah ianya bermakna ....

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, saya rasa perkara itu dah selesai Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Peraturan Mesyuaratlah. Apa menteri jaga undang-undang tak tahu Peraturan Mesyuarat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan bercakap semua sekali, seorang-seorang.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *See, how many?* Seorang-seorang. Peraturan Mesyuarat?



**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya nak dapatkan penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, adakah kita dah nak buat satu *precedent* di mana kalau ada apa-apa isu yang kita tak setuju dengan Tuan Yang di-Pertua, yang kita hendak buat teguran, tak boleh dalam Dewan, kena buat usul sahaja. Adakah itu cara dia? *[Dewan riuh]*

Maknanya, adakah ini cara yang hendak diamalkan di Parlimen di sini di mana kalau kita hendak tegur Tuan Yang di-Pertua ataupun kita nak buat cadangan, kita nak buat komen tentang sesuatu kaedah yang sedang diamalkan, tak boleh cakap, kena buat usul sahaja. *Is that the one and only way?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sila duduklah, dah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam, undang-undang ini kita gubal *[merujuk kepada buku Peraturan Mesyuarat]* bukan siapa-siapa yang gubal. Kalau ia tidak dihormati,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kenapa tak nak ikut undang-undang?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kinabatangan tak hormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang lain duduk.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ha itulah masalah sendiri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *He's on point of order, he's on point of order.* Yang lain duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang lain duduk, yang lain duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam dalam *point of order*, yang lain duduk.

[Tepuk]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia masuk *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, *point of order* Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya rasa jelas tadi. Dah jelas tadi bahawa Speaker, Yang di-Pertua katakan mana-mana keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua yang difikirkan salah, yang difikirkan melanggar peraturan mesyuarat, mengikut peraturan mesyuarat, itu hanya boleh dirujuk melalui satu usul, *very clear*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yes tapi kenapa kita tak boleh bahas? *Why can't he explain to us?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Apa yang nak dibahas? Nak bahas apa Yang Berhormat?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Why can't he explain to us?* Kenapa tak boleh dijelaskan? Kenapa tak boleh *debate? I mean*, kalau kita ada benda yang kita tak setuju, *debate* dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Memang pun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lepas dah *debate*, barulah kita *revert to usul*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak apalah Yang Berhormat, peraturan mesyuarat kata yang bersetuju...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Usul itu *is the last* tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of order*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila dah habis bahas, *you have debated it and you have discussed it*, then baru buat usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *That is very clear* dalam *standing order* kita, *you don't like the Speaker* punya keputusan, buat usul, buat usul.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *There's so many peraturan, there's so many peraturan.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *No, the Speaker can defend his position!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I'll take Yang Berhormat Puchong, the rest sit down please.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dua perkara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, dalam peraturan-peraturan yang sedia ada, memang dinyatakan bahawa kalau kita tidak bersetuju dengan keputusan, *interpretation* oleh Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bawa usul tapi tidak disebut di situ bahawa kita hanya boleh bawa usul. *[Dewan riuh]* Ini menunjukkan dan ini membawa kita kepada...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...persoalan, *if I can finish?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, *please*. Yang lain duduk, yang lain tolong dengar Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Why are you shouting?* Menteri ini, Timbalan Menteri *shouting*. *What is all this?* Mahu cakap, bangun!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Tak boleh pakai! *Alright, that is one*, itu satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Continue, continue please.*

*[Seorang Ahli menjerit]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I see*, siapa itu?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa ini Tuan Yang di-Pertua? Siapa yang jerit-jerit ini? Mengapa dia jerit-jerit ini?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya berdiri kerana dijemput.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dengar dahulu. Tak ada *ruling* dekat sana? Mengapa tak ada *ruling* dekat sana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat teruskan, teruskan. Yang Berhormat Kapar, duduklah Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Pengecut semua. Apa ini?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau berani, bangun. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, so itu persoalan yang pertama. Kalau kita dah...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]:** Apa pengecutnya?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *If there is an interpretation* di mana keputusan Speaker hanya boleh dikritik melalui usul, saya rasa kita tidak boleh berfungsi sebagai satu Parlimen yang berdemokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, baik Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh. Saya nak tahu di bawah peraturan mana usul ini dibawa. Oleh kerana usul ini memang jelas menyatakan bahawa ianya melibatkan perkara yang berlaku di luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Usul mana? Usul mana Yang Berhormat?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Usul yang akan kita bincangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *As a point of order* kerana ianya melibatkan isu yang berlaku di luar Dewan. Kalau di luar Dewan Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menilaikan fakta dahulu. Fakta perlu diperolehi sebelum satu keputusan boleh dibuat. Untuk perkara itu, kita ada prosedur di mana seseorang itu harus dirujuk kepada Jawatankuasa. Jadi, saya nak tahu bagaimana kita ada satu keadaan di mana tidak ada satu penilaian fakta, *no finding of fact*. Kita tidak tahu sebenarnya apa fakta yang berlaku tetapi satu keputusan telah pun dibuat bahawa dia akan digantung. Isu yang di hadapan kita sekarang hanya untuk soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik. Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...hukuman iaitu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *point of order* tidak perlu berhujah, Yang Berhormat. Okey, *I understand*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of Order* di bawah 88A untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, cukup Yang Berhormat. Saya minta yang lain semua dengar. Saya minta Yang Berhormat duduk, cukup.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, dengar! Dengan dulu! Bodoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat. Saya minta mereka dengar keputusan saya nanti Yang Berhormat. Yang lain tidak perlu bangun. Cukuplah Yang Berhormat, satu orang buat usul cukuplah. Dia tidak perlu pencadang usul, penyokong usul, tak perlu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya bukan nak bawa sokongan, saya juga nak bawa peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya kena *address* usul, saya kena jawab usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Puchong terlebih dahulu. Saya minta yang lain semua dengar. Okey, dua perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puchong. Satu, sama ada Speaker tidak boleh ditegur, tidak boleh dibawa berbahas, tidak boleh membuat pandangan oleh Ahli-ahli kecuali melalui satu usul. Saya mendengar dalam *Ante Chamber* tadi. Yang Berhormat Tan Sri telah pun memberi peluang kepada Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Gombak untuk menyuarakan sesuatu sebelum dibuat keputusan. Keputusan Tan Sri, saya dengar tadi, jika keputusan itu tidak dihormati dan disenangi, boleh buat secara usul.

Maknanya, dua Ahli Parlimen telah pun, [*Seorang Ahli bangun*] ...please. [*Menunjukkan isyarat supaya Ahli berkenaan duduk*] ...telah pun diberi peluang oleh Tan Sri untuk berbahas.

#### ■1140

Maka itu, usul *point of order* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puchong mengatakan Tuan Yang di-Pertua tidak memberi peluang, Ahli-ahli tidak mendapat peluang untuk membahas mengkritik keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah tidak tepat. Tidak tepat Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Sorry*, bukan itu. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya katakan tadi adalah *ruling* yang dibuat. Peraturan Mesyuarat memang benar menyatakan kalau kita hendak mempertikaikan keputusan Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bawa usul. Akan tetapi perkataan di situ bukan kita hanya boleh pertikaikan melalui usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Walaupun...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jadi itu menjadi persoalan kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya mendengar tadi Yang Berhormat Gelang Patah telah mengemukakan pandangan beliau.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak pun telah mengemukakan pandangan. Kalau pun diberi ruang oleh Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Di luar misalnya, di luar daripada Dewan, bukankah kita boleh kritik? Saya hendak tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Itu lain. Isu kedua yang dibawa oleh Yang Berhormat, kenapa dibawa usul ini di bawah perkara 27?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** 88A.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, perkara 27. Perkara sekarang apa? Perkara 27? Usul di bawah perkara 27?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak disebutkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak disebutkan. Okey, tidak disebutkan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada, peraturan mesyuarat mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dahulu Yang Berhormat. Perkara 27, dibawa usul di bawah perkara 27. Okey, kenapa tidak di bawah perkara 80?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi tidak ada di dalam usul. Tidak ada dalam usul.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita perlukan masa.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak ada dalam usul yang dibentangkan kepada Ahli.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bagaimana usul dibawa tidak ada peraturan mesyuarat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak ada. Mana ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tengah menjelaskan *point of order* yang dibuat oleh Yang Berhormat Puchong. Sebentar, *let me finish. If you respect the standing order, let me finish*. Kenapa usul ini dibawa secara begini, dalam bentuk begini? Dalam peraturan mesyuarat, usul boleh dibawa melalui beberapa peruntukan. Peraturan Mesyuarat 80, boleh digunakan apabila seorang Ahli Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, boleh.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Sorry.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *When I speak, you have to sit down because kita semua respect standing order. Semua angkat standing order. Okey, Peraturan Mesyuarat 80 boleh dirujuk kepada Hak dan Kebebasan. Rujukan yang dibuat melalui Peraturan Mesyuarat 80 ini dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, dibuat apabila terdapat isu atau fakta yang menjadi pertikaian yang memerlukan siasatan, okey.*

Selepas itu Peraturan Mesyuarat 80A. Peraturan Mesyuarat 80A mengambil tindakan kepada orang luar, yang melibatkan orang luar. Kita pernah melakukan ini apabila ada sekumpulan yang menghalang Ahli Parlimen Bukit Gelugor suatu ketika, Peraturan Mesyuarat 80A. Selepas itu kerajaan boleh buat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. *Let me explain.* Kerajaan boleh buat di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 27. Tindakan menggunakan usul peruntukan Peraturan Mesyuarat 27 dibuat kalau Dewan mendapati bahawa tindakan mengenai seorang Tuan Yang di-Pertua itu mengendalikan urusan Dewan adalah satu perbuatan yang sangat serius. Peraturan Mesyuarat 27(3), *“Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 43 dalam perenggan (5) dalam Peraturan Mesyuarat 86 dan 26(1), apa-apa usul hendaklah dikeluarkan pemberitahu tidak kurang daripada lima belas hari terlebih dahulu tetapi jika usul itu dengan nama Menteri, maka memadailah dengan dikeluarkan pemberitahu tujuh hari sahaja terlebih dahulu...”*. Ayat seterusnya, *“...dan pula jika Tuan Yang di-Pertua puas hati setelah diterangkan kepadanya oleh seseorang Menteri iaitu bagi faedah orang ramai, sesuatu usul itu mustahak dibahaskan dengan seberapa segeranya. Maka memadailah dikeluarkan pemberitahu itu satu hari.”*

Inilah yang dilakukan oleh kerajaan, usul ini adalah usul kerajaan yang datang membawa usul ini berjumpa dengan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ... Berpuas hati bahawa usul ini adalah usul yang akan memberi faedah kepada orang ramai.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita hendak tahu faedah orang ramaikah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Oleh sebab itu, usul ini dibenarkan untuk dibahas.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Apa faedah orang ramai dalam kes ini?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *One by one.* Seorang selepas seorang.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Dengarlah dahulu Yang Berhormat Batu, kita bahas untuk tahu apa faedahnya. Saya bahas, baru *you* tahu apa faedahnya kepada orang ramai.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Puchong, yang lain duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Ahli yang tidak mahu dengar itu, tutuplah telinga, balikkah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau yang melibatkan satu perkara di mana fakta-fakta perlu pertamanya dinilai, diberi keputusan. *Where we have to ascertain the facts*, bila perkara berlaku di luar Dewan. Kalau berlaku sedemikian, apa yang harus dibuat adalah ia harus dirujuk kepada satu jawatankuasa supaya fakta-fakta dapat - pertamanya, kita ketahui. *Then, the facts are table in Parliament.* Bukan begini di mana kita memang tidak tahu apa berlaku tetapi usul dibawa ke Dewan ini dan kita seharusnya menerima sahaja. *[Dewan riuh]*

Ini adalah suatu - kalau kita lihat, kenapa ada wujudnya jawatankuasa? *Why do we have the Committee Of Privileges...*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini satu *shortcut*lah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Kalau kita akan bertindak sebegini?

**Seorang Ahli:** Nasiblah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu satu. Kedua, kalau ikut tafsiran Tuan Yang di-Pertua tadi, kalau satu hari itu maksudnya satu hari betul-betul. Ini, *if you stay table yesterday, afternoon.* Sekarang memang belum satu hari lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapa Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *It is nonsensical interpretation given by the Speaker.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I address the issue with that phrase.* Isu itu telah pun saya jawab Yang Berhormat.



**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Soal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai pun sudah masuk di sini. Tidak mengapalah, Yang Berhormat padang Serai pun sudah masuk.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *We are .....* Kita hendak tahu 44 .... macam mana ceritanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soal mengapa isu ini dibawa sekarang, saya telah katakan...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Di bawah Peraturan Mesyuarat 27.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat 27, Speaker berpuas hari usul kerajaan yang cuma memerlukan satu hari notis. *That is fulfilling* peraturan mesyuarat Yang Berhormat. *Fulfill*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Satu hari daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *He cannot decide* kerana ini adalah isu yang melibatkan beliau. *How can the Speaker make a decision on something that affects him?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *That is why I chair here now.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *No.* Untuk usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *That is why I preside.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, untuk usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sebab itu kita *preside*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Apabila saya *preside*, apabila saya duduk di sini, bererti saya memutuskan isu ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik, saya...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, yang mengeluarkan notis ini, yang membenarkan satu hari notis di bawah Peraturan Mesyuarat 27.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak minta yang pertama Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu masalah dia.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan layanlah. Teruskan usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak. Saya minta Yang Berhormat Gombak, selepas itu saya minta Menteri membawa usul.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ada peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak buat peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak. Tidak mengapalah, boleh wakil. Barisan Nasional pun tidak bangun. Ini ada wakil.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak boleh. Ini...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan definisi satu hari sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapa. Itu tidak dapat bantu.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti. Dengar dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak hendak ulang lagi Yang Berhormat. Itu tidak berbangkit. Jika Yang Berhormat tidak bersetuju dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua tadi...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Betul. Cuma...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *We peel soal his decision. We peel have decision.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita kena konsisten. Tidak mungkin tadi satu keputusan, sekarang keputusan lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua telah pun – Yang Berhormat, tidak mengapa!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Berdasarkan definisi Tuan Yang di-Pertua tadi sepatutnya *one day* belum cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu sudah selesai. Jangan bawa isu itu dalam perbahasan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Belum. Tuan Yang di-Pertua, belum selesai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana selesainya. Apa yang selesainya?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mana boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *We have given you to speak or given to Yang Berhormat Gelang Patah to speak?*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Based on the definition given by Speaker*, satu hari tidak cukup. Satu hari tidak cukup sebab semalam diberi petang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapalah. Itu perkara yang berbeza, perkara yang lain.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, belum selesai sebab sekarang ada dua definisi dalam tempoh setengah jam. Peraturan mana kita hendak pakai?

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Itulah masalahnya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tadi kata definisi waktu itu kena tengok, pukul 11.30 pagi digantung, 11.30 pagi boleh masuk. Sekarang...

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Gombak, akhirnya definisi Tuan Yang di-Pertua juga dipakai.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dengarlah dahulu!

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Kalau semua kita buat definisi, susahlah! Kita tidak peduli Speaker.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Mana peraturan hendak pakai? Peraturan mana hendak pakai?

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah. Cukuplah Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sekarang Tuan Yang di-Pertua kata satu hari sudah cukup. Mana cukup? Notisnya pukul 6 petang semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Saya jelaskan Yang Berhormat. Saya jelaskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tangguhlah dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Mana definisi hendak pakai? Ada dua peraturan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan bawa isu ini sekarang untuk mengganggu usul. Tidak boleh lagi. Tidak boleh.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak, bukan untuk mengganggu usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh. Isu ini isu yang berbeza.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Keputusan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ini keputusan Speaker.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Usul, kalau usul tidak memenuhi peraturan mesyuarat, macam mana boleh bawa usul?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mana tidak memenuhi? Kenapa tidak mematuhi peraturan mesyuarat?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, perlu *comply* dengan peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak dilayan, tidak dilayan langsung.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau definisi waktu itu kena pukul berapa, jam berapa, saat berapa, ikutlah. Mengapa tidak ikut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu isu lain. Itu isu lain Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peraturan mesyuarat, ikutlah peraturan mesyuarat.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Baca usul! Baca usul!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ikutlah peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peraturan mesyuarat!

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Kalau dia mahu keluar, semua keluar!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Soalnya kita mahu jawapan sahaja!

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Lagi aman kita kalau dia keluar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mahu minta jawapan pun tidak boleh! Inilah Parlimen Barisan Nasional!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Sekarang ini Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat saya minta duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Baca usul! Baca usul!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak, inilah masalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, tolong duduk Yang Berhormat. Tolong duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, besar akal.

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Gangguan! Gangguan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan bawa usul 11.30 pagi itu. Itu sudah selesai. Itu tidak masuk pun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi kita kena ada satu konsistensi. Kita kena konsisten.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekarang ini usul daripada Menteri. Jangan ganggu.

*[Dewan riuh]*

#### ■1150

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kenapa macam ini Yang Berhormat?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, kenapa macam ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, tidak dia *started*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia *started*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:**...*I thought you want to follow the standing order.*

**Beberapa Orang Ahli:** *[Bangun] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I thought you want to follow* Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ya, ikut peraturan. Jangan buat macam ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa ini?

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Bila buat macam ini... [*Dewan riuh*]

**Beberapa Orang Ahli:** [*Bangun*] [*Dewan riuh*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita minta untuk keputusan. Tuan Yang di-Pertua *must be consistent* lah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [*Bangun*] [*Menyampuk*] Tidak betul. Betulkan sahajalah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Cukuplah, berhenti duduklah!

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] *Stop!* Cukuplah! Berhenti, duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Bandar Kuching duduklah! [*Dewan riuh*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [*Bangun*]

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** [*Bangun*] [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak ingin melihat...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Kinabatangan duduk. Jangan bisinglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cuma Yang Berhormat, saya melihat tindakan begini cuma melengah-lengahkan usul. [*Dewan riuh*] Pasal *this is out. This is out of order.* Tindakan begini bangun beramai-ramai tidak mengendahkan Tuan Yang di-Pertua, *out of order.*

**Beberapa Orang Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua [*Dewan riuh*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua patut tahu rang undang-undang ini.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan melengahkan usul Yang Berhormat Menteri. Baik, yang lain duduk [*Dewan riuh*] Ahli yang lain duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak , tidak hormat Yang Berhormat Gombak ke Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak hormat ketua ke?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Gombak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak hormat ketua? Tidak hormat ketua Yang Berhormat? Duduklah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan lengahkan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jika perbuatan begini Yang Berhormat, saya anggap ini sebagai melengahkan Dewan ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tidak boleh.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, *I will answer him* tetapi tidak boleh bangun serentak semua. [*Dewan riuh*]

**Beberapa Orang Ahli:** [*Bangun*] [*Dewan riuh*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ...Kalau mereka salah [*Dewan riuh*] tidak membuat kebenaran.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bila kita buat ini... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk [*Dewan riuh*]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [*Bangun*] Barisan Nasional bangun dua orang dekat sini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*] Ini pun jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak *please*.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ini pun jelas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang itu berdiri apa hal? Tuan Yang di-Pertua kena pandang sana!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Hei, Yang Berhormat Kinabatangan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat Gombak. Boleh tidak kita berbincang secara hormat, secara baik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, boleh *no problem*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh bincang tidak? Okey saya bagi Yang Berhormat Gombak lagi sekali. Baik-baik Yang Berhormat Gombak, yang lain diam, yang lain diam.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tengok, tengok. *[Dewan riuh]* Pandang sana Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain diam.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Pandang sana!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Keputusan kena konsisten juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah bangun, tidak payah bising.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Menyampuk]* Dia bangun kita pun bangun. Itu sahaja!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain diam Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Duduk, duduk bukan *your floor*. Bukan *your floor*. Yang Berhormat Kinabatangan, duduk! *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan duduk Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan. *[Dewan riuh]* Baik saya minta Ahli yang lain diam Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat diam, kita berbahas secara baik dan teratur.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Selepas Yang Berhormat Gombak, saya minta Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya cuma dengar Yang Berhormat Gombak

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ...Dan selepas itu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ...Saya akan buat minta Yang Berhormat Menteri jawab,

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Mana boleh, saya ada Peraturan Mesyuarat juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ada Peraturan Mesyuarat juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya berhak untuk membawa Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak. Ahli yang lain dengar Yang Berhormat. Kita dengar Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Baik Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ahli yang lain diam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Beberapa Orang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Kita boleh bincang secara sopan dan teratur kalau UMNO dan Barisan Nasional hormat kepada ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah begitu Yang Berhormat, *direct to the point of order, point of order, direct.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tegnok itu, tengok itu. Tidak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Direct* kepada Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam Bahasa Inggeris, *point of order.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, *directly.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Atau Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya,

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Baik. Pertama...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** UMNO, UMNO itu tidak perlu cakap dulu sekarang.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Baik.

**Beberapa Orang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Diam!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ....Pertama, usul ini dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat yang mana? Itu yang pertama. Nanti dahulu, jangan jawab. Bagi saya habis dahulu *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, baik . Saya dengar, saya menulis.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Walaupun saya tidak jawab tadi tetapi saya tulis.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Okey terima kasih. Kalau kami yang mengemukakan usul tanpa merujuk kepada peraturan mesyuarat yang mana, sudah lama

sudah kena buang. Persoalannya sekarang bagaimana Tuan Yang di-Pertua boleh menerima usul ini dan diedarkan kepada semua ahli tanpa merujuk pun kepada Peraturan Mesyuarat yang mana. Ini tidak sah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang diam, tidak perlu sokong-sokong. Ahli yang lain diam.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Ini adalah usul haram yang diedarkan oleh sekretariat secara haram. Tidak boleh diterima. Itu yang pertama. Kedua, bagi sesuatu usul yang boleh diterima dalam Dewan setelah memenuhi syarat-syarat peraturan mesyuarat. Syarat-syarat yang dibacakan oleh Tuan Yang di-Pertua ialah sekurang-kurangnya satu hari. Baik, apa definisi satu hari? Mengapa Tuan Yang di-Pertua yang sama, bukan soal batang tubuh tetapi kerusi yang sama membuat dua definisi dalam tempoh setengah jam? Sebentar tadi definisinya tempoh itu mesti merujuk kepada waktu, jam berapa, minit berapa dan saat berapa. Ini kerana itu terkena kepada Yang Berhormat Padang Serai. Akan tetapi apabila kena kepada Yang Berhormat Arau, yang tidak berani membawa usul serah kepada Yang Berhormat Batang Sadong ...

**Beberapa Orang Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya tahu apa permainan di belakang Tuan Yang di-Pertua, mengapa Yang Berhormat Arau tidak berani membawa usul ini dan hukum Yang Berhormat Batang Sadong untuk membawa usul ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu tidak masuk Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Mengapa tidak. Baik. Mengapa tidak Tuan Yang di-Pertua tentukan juga waktu bila usul ini diletakkan di atas meja? Kalau usul ini diletakkan jam enam petang, tidak sah dibawa dan dibahaskan sekarang pada pukul 11.56 pagi. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah cukup.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Maknanya kerusi yang sama menggunakan dua peraturan mesyuarat. Untuk Pakatan Rakyat lain, untuk UMNO lain. Di mana keadilannya? *[Tepuk]* Jadi bila Yang Berhormat Padang Serai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain diam Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Mengeluarkan kata-kata bahawa Tuan Yang di-Pertua *bias*, tidak adil, ada asasnya. Kerana ini yang terbukti hari ini sekali lagi. Dalam setengah jam dua definisi yang berlainan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ... Sebab itu saya sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu sudah menjadi sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat, yang itu cukup.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Sebab itu saya tegur...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu tidak perlu sentuh.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Tadi, jangan *set a new precedent*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Ikut Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Kalau kerusi Tuan Yang di-Pertua tidak menghormati Peraturan Mesyuarat, bagaimana kami Ahli Dewan hendak menerima peraturan mesyuarat?

**Seorang Ahli:** Tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Maka sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan usul ini tarik balik sebab ini adalah usul yang haram, yang tidak memenuhi syarat-syarat peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tidak ada. Tidak ada. Tidak disebut Peraturan Mesyuarat mana.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Saya minta Yang Berhormat Batang Sadong bangun tarik balik, bentangkan semula usul yang baru yang memenuhi Peraturan Mesyuarat. Kalau tidak, tidak boleh. Kami tidak benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan yang di-Pertua bertanggungjawab membenarkan usul yang haram dibacakan dalam Dewan ini. Saya minta *ruling*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain diam Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun].

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kes yang sama. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, usul ini ada menyalahi Peraturan Mesyuarat atas tiga sebab. Pertama bukan

sahaja tidak ada satu hari, *one day notice*, tidak memenuhi. Kedua, bahawa *public interest requires that a motion should be debated as soon as possible*. Apa *public interest* dalam perkara ini? *Public interest* bahawa memerlukan usul seperti ini dirujuk kepada *Committee Of Privileges* supaya siasatan diadakan. Satu proses yang *due* proses diadakan. Itu *public interest*. Ketiga, ada *conflict of interest*. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua yang memberikan keizinan ada terlibat di dalam perkara ini. Bagaimana Tuan Yang di-Pertua boleh memberikan keizinan untuk usul ini dikemukakan. Oleh sebab itu tiga sebab kenapa usul ini melanggar Peraturan Mesyuarat dan menjadikan Parlimen ini *laughing stock*.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kenapa kita mahu menjadi *laughing stock*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik,

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Adakah oleh sebab UMNO – BN begitu *desperate*. Kita tidak mahu buat apa-apa tuduhan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Bahawa Pengerusi, Tuan Yang di-Pertua, *Deputy Speaker* mereka boneka kepada kerajaan pemerintah. Kita tidak mahu membuat tuduhan seperti itu. Akan tetapi membangkitkan *due* proses.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri mempersetujui kalau mahu meneruskan perkara ini merujuk kepada *Committee Of Privileges* supaya satu siasatan yang adil diadakan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih. Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain diam Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik. Saya bagi Yang Berhormat Sepang. Pendek sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih. Tadi Tuan Yang di-Pertua – minta tolonglah jangan kacau ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain diam Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa - Saya minta tolonglah jangan ganggu.

■1200

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat lain diam, Yang Berhormat lain diam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya minta pertamanya kalau kita lihat oleh kerana *motion* ini dibawa, tidak dinyatakan peraturan, jadi Tuan Yang di-Pertua mengatakan kita boleh bawa 27(3). Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gelang Patah tadi, saya menyatakan bahawa bukan sahaja 27(3) perlu dipatuhi, tetapi Peraturan Mesyuarat 14(h) sendiri. Oleh sebab 14(h) mengatakan "*Permintaan hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat kerana perkara berkepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan*".

Ini adalah peraturan kita bermesyuarat. Jadi, kalau berdasarkan 14(h) ini, yang dilihat kepada pemberitahuan usul ini tidak ada dinyatakan dalam usul ini kenapakah perkara ini berkepentingan ramai? Itu yang pertama. Keduanya, tidak juga dinyatakan kenapa ia perlu berkehendak bersegera. Jadi, kedua-dua elemen ini adalah elemen yang penting bagi satu usul. Jadi, Peraturan Mesyuarat ini telah dilanggar oleh Yang Berhormat Menteri yang buat usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ketiganya, perkataan 27(3) jelas Tuan Yang di-Pertua, makna oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sebagai *subject matter* dalam kes ini, bagaimanakah *motion* dibawa kepada beliau? Jadi, ini adalah satu *conflict interest* yang jelas. Jadi, berdasarkan ini, ia bukan sahaja haram, ia lebih-lebih lagi teruk daripada haram ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah. Samalah usul itu. Cukuplah. Sama usul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat ya. Yang lain dengar. Saya ulang lagi balik. Kita menerima surat daripada kerajaan untuk membuat usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3). *That is*

*clear*. Kerajaan tidak perlu bagi kepada Ahli Parlimen. Ia bagi kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bila? Bila?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kerajaan bagi kepada Tuan Yang di-Pertua, kemudian di bawa usul. Jadi soal usul ini, usul mana – di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3).

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Mesti dimasukkan dalam usul yang diedarkan kepada Ahli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup. Sebentar Yang Berhormat! Saya bercakap sekarang. Ya. Okey, isu kedua. Jadi, isu kedua...

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia kata kritikan daripada Yang Berhormat Gombak, maknanya kenapa usul ini didahulukan? Usul ini adalah usul kerajaan. Jika Ahli mengemukakan usul, dia perlu patuh kepada kehendak berapa hari daripada Ahli – 14 hari. Jika kerajaan boleh tujuh hari, tetapi jika difikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua, ianya perlu disegerakan, ianya cuma perlu memenuhi satu hari. Jadi, soal kenapa usul ini didahulukan, disegerakan memenuhi Peraturan Mesyuarat 27(3).

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa itu satu hari?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Usul kerajaan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa itu satu hari? Apa itu satu hari?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada. Dalam peraturan 27 (3)... Yang Berhormat, tidak boleh berbahas macam ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Apa kriteria yang diperlukan?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kena, kena. Kena tunjukkan sebab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam Peraturan Mesyuarat 27(3)...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kena tunjuk sebab. Kena tunjuk sebab.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa definisi satu hari?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tunggu Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Apa kriterianya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam Peraturan Mesyuarat 27(3), ia kata “*Jika Tuan Yang di-Pertua puas hati*”, ia tidak sebut pun “*Tuan Yang di-*

*Pertua harus mengemukakan sebab-sebab ia perlu disegerakan kepada Ahli Parlimen dalam Dewan".* Tidak ada pun. Jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Maksud satu hari...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Maknanya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua berpuas hati, usul ini cuma boleh dikemukakan dalam notis satu hari mengikut Peraturan Mesyuarat 27(3).

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bantu sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You cannot talk when I talk. Please.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No public interest* Tuan Yang di-Pertua. *Tiada public interest.*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Baik, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *No, please.*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya setuju. Saya setuju. Cuma...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya *address* isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, tiga Yang Berhormat tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Betul...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat. Habiskan dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua habiskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak, saya hendak sambung sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kenapa tidak suka dengar jawapan ini? Dengar jawapan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begini sampai esok pagi sama juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada pertanyaan, ada jawapan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tolong, tolong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Buat *ruling*, buat *ruling*.



**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun sambil mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya hendak habiskan dahulu Yang Berhormat. Saya hendak habiskan dahulu. Sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak perlu. Maknanya, soal kenapa harus, kenapa isu ini perlu disegerakan? Ianya memenuhi 27(3). Tuan Yang di-Pertua berpuas hati, memenuhi perkara 27(3).

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Okey, jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, soal *conflict of interest*. *That is not arise at all.*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *National interest.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Huh? *National interest.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua tidak di sini. Yang putuskan usul itu adalah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Bukan. *Conflict of interest* apabila memberi keizinan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam Dewan ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You read the full text.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam Dewan ini, semua *prepared* - sesi pagi ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Apa itu beri keizinan *conflict of interest*.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudahlah. Tidak berbangkit pun *conflict of interest*. *He stills the Speaker.*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kalau bukan Tuan Yang di-Pertua, tetapi Tuan Yang di-Pertua *conflict of interest* untuk memberi keizinan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Bolehkah jawab?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Macam mana? BR1M, BR1M?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Ini bukan kes yang pertama. Bukan kes pertama. Kes yang lalu pun ada. Kita ada *precedent*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *We use the same* peruntukan, peraturan mesyuarat. *It's the same*.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Faedah orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, faedah orang ramai. Satu usul mustahak dibahaskan. Ini bererti bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada memberi sebab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Apa sebab itu? Apa *public interest* dari saya *request immediate leave it*.

**Seorang Ahli:** Ini peraturan mesyuarat mana ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu tidak sesuai. Dia tidak perlu untuk berbahas...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Bukan saya tanya peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Atas kepentingan orang ramai.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Sekarang Dewan yang mulia. Dewan *is a supreme, more supreme than Speaker*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** No.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *We have the right* kena buat keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini keputusan kami pun punya suaralah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Dewan Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dewan itu, siapa yang membenarkan usul di bawah 27(3)?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu yang kita hendak tahu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mampus punya si tua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat! Di hadapan saya sekarang ini...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Di hadapan saya sekarang ini adalah isu sama ada usul ini memenuhi syarat peraturan mesyuarat atau tidak.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak boleh kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya putuskan ianya memenuhi Peraturan Mesyuarat 27(3).

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini kerana yang membuat keputusan itu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua masih belum menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak apa itu satu hari.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Tiada lagi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa itu satu hari? Apa itu satu hari?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak kan kerusi Speaker diturunkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah Cukuplah Yang Berhormat. Tidak perlu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua yang buat keputusan. *How can you make the decisions?*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Adakah Yang Berhormat melanggar *ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, *ruling* yang dibuat itu kena dibuat dalam Kamar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Ruling* apa?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Ruling* mengatakan tempoh satu hari mesti bermula daripada satu!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Cara ianya dibawa ke Dewan ini mesti bermula daripada itu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:**  
*[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang *ruling* itu jika tidak puas hati buat usul.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Macam mana? Usul pula.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** No. Mana boleh usul.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak puas hati buat usul.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** No! Mana boleh. *This is not true. Bias!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang *ruling* jam 11.20, 11.30, 11.25 buat usul. Tuan Yang di-Pertua sudah kata tadi buat usul.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *This is the reason why we... this way.*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Ruling* sudah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Buat usul.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagaimana...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Di bawah 27(3)...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada. Jangan lambatkan. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk bacakan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak katakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan halang pembacaan usul.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat telah melanggar *ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**12.06 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya dengar.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua tidak kuasa untuk membuat keputusan 27.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tengok, tengok mana ada tulis.

*[Beberapa Ahli Yang Berhormat Pembangkang bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27 iaitu bahawa pada...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini menunjukkan bahawa Speaker salah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Orang ketawa juga kalau kita tidak ikut peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri di bawah usul...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ....Bahawa pada Selasa 12 November 2013...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan ganggu Yang Berhormat, jangan ganggu. Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ....Yang Berhormat N. Surendran Ahli Parlimen kawasan Padang Serai...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tarik balik, tarik balik.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** .....Telah mengeluarkan satu kenyataan semasa sidang media di lobi Parlimen yang telah disiarkan di dalam beberapa media.

**Seorang Ahli:** Tarik balik. Tidak dengar. Tidak dengar.

*[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Di Dewan, Ahli Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak boleh.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Kenyataan itu merupakan satu tuduhan kepada Dewan Rakyat kerana menolak usul Yang Berhormat berkenaan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) pada 12 November 2013.

*[Semua Ahli Parlimen Pembangkang bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Usul haram.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuduhan itu menyatakan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk antara lain memberi fakta yang “*complete and utter*”, fakta yang tidak benar dan yang Berhormat Padang Serai juga....

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tarik balik! Tarik balik! Tarik balik usul.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...membuat tuduhan bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah Speaker yang *bias*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Usul haram! Usul haram! Usul haram! Usul haram!

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Bahawa tuduhan-tuduhan itu adalah merupakan satu penghinaan kepada Tuan Yang di-Pertua yang menjalankan tugas...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tarik balik! Tarik balik! Tarik balik!

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...sebagai Pengerusi Dewan ini dan demikian bererti penghinaan juga kepada Dewan Rakyat yang turut mencemarkan nama baik dan prestij Dewan Rakyat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *This is* kurang ajar, kurang ajar. Kurang ajar dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Maka inilah dipersetujukan bahawa yang Berhormat N. Surendran, Ahli parlimen Kawasan Padang Serai hendaklah digantung....

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini usul haram.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Peraturan mesyuarat...

*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat...

**Seorang Ahli:** Kurang ajar, kurang ajar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah ganggu mesyuarat. Tidak payah ganggu mesyuarat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...selama enam bulan daripada keputusan usul ini diluluskan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Kita mesti jaga martabat Parlimen.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, yang tersebut tadi merupakan usul saya yang mana menjelaskan mengapa usul tersebut dibuat adalah seperti berikut:

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tarik balik untuk jaga martabat!

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Pada 12 November 2013 selepas sesi soal jawab lisan. Yang Berhormat Padang Serai telah bangun untuk mengemukakan usul beliau di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) berkenaan isu struktur sebuah rumah ibadat.

*[Beberapa Ahli Parlimen Pembangkang bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dengarlah, dengar Yang Berhormat Menteri. Mana boleh tidak hormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri jangan ketawa.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Berdasarkan kepada rekod *Penyata Rasmi* bertarikh 12 November 2013 adalah jelas bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah memberikan alasan mengapa usul Yang Berhormat Padang Serai telah ditolak....

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tarik usul, buat usul balik. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ini jelas usaha untuk menggagalkan pembacaan usul.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *This is bias.* Kena berlaku adil. Kena dengar dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ini satu usul yang memalukan Dewan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ... iaitu atas sebab bahawa format usul tersebut adalah di luar bidang kuasa Peraturan Mesyuarat 18 (1). Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada rekod *Penyata Rasmi* pada tarikh yang sama, Yang Berhormat Padang Serai telah diarahkan keluar daripada Dewan oleh Tuan Yang di-Pertua Setelah Yang Berhormat Padang Serai tidak mengendahkan arahan Tuan Yang di-Pertua supaya duduk.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tarik balik, tarik balik.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Seterusnya, selepas itu Yang Berhormat Padang Serai telah membuat satu kenyataan semasa sidang media di lobi Parlimen yang mana kenyataan tersebut telah disiarkan dalam beberapa media.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Usul sedang dibaca.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Buanglah, buang. Buang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Apa pun tidak boleh dengar macam ini. Kecoh.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Okey, kita gumpal, gumpal usul haram.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Padang Serai telah mengatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah mengeluarkan fakta yang *complete and utter lies*....

■1210

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, inilah nilainya, nilai usul [*Sambil menunjukkan usul*] [*Dewan riuh*] UMNO, Barisan Nasional. Inikah usulnya? Malulah. Tidak nilai. Apa yang ikut peraturan Yang Berhormat Menteri?

**Seorang Ahli:** Gubal, gubal.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...iaitu dalam bahasa mudahnya, Tuan Yang di-Pertua dikatakan telah membuat suatu kenyataan yang tidak benar di dalam Dewan ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Padang Serai juga telah mengeluarkan kenyataan bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah Speaker yang *bias*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri kata peguam, peguam tidak ikut undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat [*Dewan riuh*].

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Batang Sadong, mana boleh.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ....Yang memberi maksud bahawa Tuan Yang di-Pertua adalah seorang yang berat sebelah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini, [*Sambil menunjukkan kertas usul*] baling, boleh? Apalah [*Dewan riuh*].

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Kenyataan-kenyataan ini yang dibuat oleh Yang Berhormat Padang Serai merupakan tuduhan yang serius kepada kerusi Tuan Yang di-Pertua Dewan atau dengan izin, *a serious allegation towards the chair of the presiding officer* [*Dewan riuh*].

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Inikah – ini Parlimen apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. [*Dewan riuh*].

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peguam.. [*Dewan riuh*]



**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Semua Ahli Dewan ini tahu bahawa Tuan Yang di-Pertua telah melakukan tugas beliau dengan mematuhi segala prinsip keadilan berdasarkan kepada Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini usul haram! Usul haram!

**Ahli-ahli Pembangkang:** Ini usul haram! [*Dewan riuh*]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Berdasarkan kepada rekod rasmi Dewan ini telah membuktikan bahawa kerap kali pihak pembangkang telah diberikan hak yang lebih dalam perbahasan.

**Ahli-ahli Pembangkang:** Usul haram! Usul haram! Usul haram! [*Dewan riuh*]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuduhan seperti yang dilemparkan oleh Yang Berhormat Padang Serai merupakan suatu tindakan yang tidak berhemah, tidak bertanggungjawab, mencemarkan nama baik Dewan Rakyat, mencemar nama kesemua ahli Dewan Rakyat dan merupakan suatu penghinaan kepada prestij Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk lah..

**Ahli-ahli Pembangkang:** Usul haram! Usul haram! Usul haram! [*Dewan riuh*]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sebagai seorang Ahli Dewan Yang Berhormat Padang Serai sepatutnya tahu bahawa sekiranya beliau mahu mencabar keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan sesuatu ketetapan, maka Yang Berhormat Padang Serai boleh menggunakan Peraturan Mesyuarat 43 iaitu dengan dikemukakan suatu usul tersendiri yang mana usul itu hanya berkehendakkan notis tidak lebih daripada dua hari sahaja. [*Dewan riuh*].

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** [*Mengoyak kertas usul*] [*Dewan riuh*]

**Ahli-ahli Pembangkang:** [*Mengoyak kertas usul*] [*Dewan riuh*] UMNO Haram! Usul haram! Usul haram!

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, perlu dinyatakan juga bagi tujuan duluan atau dengan izin, *precedent* yang pernah dibuat di dalam Dewan ini, pada 11 Disember 2001, Yang Berhormat Batu Gajah dikenakan tindakan digantung enam bulan kerana membuat kenyataan dalam akhbar menghina Tuan Yang di-Pertua Dewan. Oleh yang demikian, tindakan sebegini pernah diambil bagi memelihara keutuhan dan prestij Dewan yang mulia ini. [*Dewan sangat riuh*]

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang sebegini perlulah diambil tindakan pembedahan atau dengan izin, *corrective measures* iaitu dengan mengenakan penalti atas tindakan membuat tuduhan yang sedemikian rupa. Penalti enam bulan yang dikemukakan adalah berbentuk pembedahan iaitu diharap Yang Berhormat Padang Serai dan semua

Ahli Dewan Rakyat akan lebih berhemah di masa hadapan sebelum membuat sebarang kenyataan berhubung urusan Dewan Rakyat ini. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan [*Dewan riuh*].

**Ahli-ahli Pembangkang:** Usul haram! Usul haram! Usul haram! [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Penyokong.

**Ahli-ahli Pembangkang:** Usul haram! Usul haram! Usul haram! [*Dewan riuh*]

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Ahli-ahli Pembangkang:** Usul haram! Usul haram! Usul haram!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat..

**Ahli-ahli Pembangkang:** Usul haram! Usul haram! Usul haram! [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, inilah yang jelas sekali melanggar Peraturan Mesyuarat.

**Ahli-ahli Pembangkang:** Usul haram! Usul haram! Usul haram! [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Satisfied*. Duduk! [*Dewan riuh*]. Ya, saya ada jelaskan. Masalahnya Yang Berhormat tidak mahu terima penjelasan. *All the issues raised, saya sudah perelaskan. You choose not to accept very sure, very..*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Usul dan penjelasan yang tidak boleh diterima akal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, tidak. Itu isu berbeza. Itu isu berbeza Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sekarang, usul ini adalah usul Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas [*Dewan riuh*]. Yang Berhormat, saya akan panggil tiga pembahas daripada kerajaan dan tiga pembahas daripada pembangkang. Sepuluh minit seorang. Selepas itu, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, mana adil? Tidak ada ruling [*Dewan riuh*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak perlu bahas lagi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar-sebentar Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya memang seronok kalau saya berhujah ada orang berdiri macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tiada bahas? [*Bertanya kepada blok pembangkang*]. Tiada bahas, okey.

**Ahli-ahli Pembangkang:** Tidak payah hujah, tidak payah hujah [*Dewan riuh*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Diam Yang Berhormat, diamlah. Yang Berhormat.

**Ahli-ahli Pembangkang:** Usul haram! Usul haram! [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I said you sit down.*

**Beberapa Ahli Kerajaan:** Duduk, duduk, duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dengar saya baik-baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, sebentar Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bahawa saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Saya akan ambil Peraturan Mesyuarat daripada Yang Berhormat Gombak jika semua duduk. Kalau tidak, kita tidak ambil Peraturan Mesyuarat. [*Dewan riuh*]. Saya minta semua duduk. Okey. Duduk. Mengapa memekik di sana? Tidak perlu memekik. Kita ada Peraturan Mesyuarat. Ini yang bukan Zimbabwe. Begini macam Zimbabwe sudah ini. Ya, Yang Berhormat Gombak.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain duduk. Yang Berhormat Gombak, okey. Berucap sekarang adalah Yang Berhormat Kinabatangan, ada *point of order* daripada Yang Berhormat Gombak. Ya, sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga perkara yang hendak saya kemukakan dalam Peraturan Mesyuarat. Pertama, Peraturan Mesyuarat 27(3). Untuk Tuan Yang di-Pertua berpuas hati dengan keputusan dan tafsiran yang dibuat, ia mestilah memenuhi beberapa syarat termasuk kepentingan orang ramai. Dalam hal ini, beliau membuat keputusan kerana ada *conflict of interest*, kepentingan dirinya sendiri, bukan kepentingan awam dan kepentingan rakyat. Itu yang pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah. Okey, ringkaskan Yang Berhormat, sebab isu ini sudah di ulang-ulang sudah. Ulang lagi balik sekali ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Pertama, maksud saya ialah keputusan yang dibuat untuk membenarkan usul ini dibawa, bukan berdasarkan

kepentingan awam, tetapi kepentingan peribadi Speaker dan ia didahulukan daripada usul-usul yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik. Cukuplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau sebelum ini, Yang Berhormat Padang Serai bawa satu usul bagi kepentingan orang-orang India, usul itu ditolak sebulat, dengan mudah. Bila bawa bagi kepentingan rakyat, Tuan Yang di-Pertua tolak. Bila bawa ada usul kerajaan yang memenuhi cita rasa dan kehendak dan kepentingan dirinya sendiri, ia didahulukan. Saya minta perkara ini mesti diperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kedua, adalah soal berpuas hati mesti memenuhi syarat satu hari sekurang-kurangnya. Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah bagaimana orang yang sama, kerusi yang sama, buat dua definisi yang berlainan? Hari yang sama, dalam tempoh 30 minit, dia boleh buat dua definisi. Jadi ini yang disebut 'kongkalikung'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah berucap ini. Ini berucap namanya Yang Berhormat. *Point of order, point of order. I have take you on point of order.*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, *point of order* saya begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tidak payah berucap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Maknanya, saya hendak bertanya, minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, bagaimana perkara ini boleh dibenarkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, cukuplah, duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti dulu. [*Dewan riuh*] Nantilah. Ada lagi satu. Ada tiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Satu lagi Peraturan Mesyuarat 99. Kami bercadang hendak gantung Tuan Yang di-Pertua. Saya minta 15 orang bangun untuk bersetuju, sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Bukan hari ini bawa usul, bukan hari ini. Tidak ada macam ini. Mana Peraturan Mesyuarat gantung Tuan Yang di-Pertua macam ini.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Gantung! Gantung! Gantung!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Gantung Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini tidak perlu usul, ini tidak perlu usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup, duduk! *Point of order*, duduk. Jangan macam ini. Kita bukan JKKK, jangan buat macam ini [*Ketawa*].

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [*Bangun*] [*Sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat*]. Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Standard* JKKK saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya ada tiga Peraturan Mesyuarat, tiga perkara, saya minta penjelasan dan *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Lenggong, sudah jadi Menteri? Hendak jadi Menteri, boleh saya *support*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *Point of order*,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun cakap *point of order*. Saya hendak baca *Point of Order* 27(4). Yang Berhormat Gombak kena dengarlah di sini. Janganlah bising selepas ini. Dengar saya cakap. Yang Berhormat Gombak, dengar dulu. Okey 27(4), [*Disampuk*] dengarlah saya cakap. Tadi Yang Berhormat cakap, kita diam. Hormatlah sikit. Tadi Yang Berhormat cakap, kita semua senyap. Diamlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Perkara 27(4), "*Semua pemberitahu, sekiranya dapat, hendak dicap, cyclostyle...*". [*Dewan riuh*]. Baca dulu, dengar dulu. "*...atau ditaip dan dihantar kepada Ahli-ahli tidak lewat daripada hari sebelum hari persidangan mesyuarat yang hendak dibawa perkara-perkara yang telah dikeluarkan pemberitahu itu*".

Sekarang ini kita sudah diberitahu sehari sebelum...

#### ■1220

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah cukup Yang Berhormat ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini dalam 27(4). Jadi, bermakna apa yang diusul ini ialah mengikut peraturan daripada 27(4), definisi. Satu hari tadi mesti dibaca bersekali dengan 27(4).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kedua, ini bermakna Yang Berhormat Gombak telah *jumped the gun*. Sama ada dia kepentingan awam ataupun tidak, kita tunggu perbincangan. Ini bahas pun belum lagi terus buat *conclusion* kata tidak ada kepentingan awam. [*Dewan riuh*] Kita kena bahas dahulu.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat. Saya katakan sekali lagi Yang Berhormat. Cukup...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam usul, kalau kita dalam usul, ini maruah kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga dia membabitkan negara luar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ahli Parlimen...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini institusi Parlimen, ini lebih penting daripada segala-galanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau kita tidak hormat kepada Tuan Yang di-Pertua, jadi macam inilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Lompat-lompat macam sarkas. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Hormatlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tegaskan lagi untuk sekian kalinya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau tidak... bagi menang, duduk atas.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak hormat langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan usul ini...

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, hendak dengar atau tidak? *[Disampuk]* Okey, peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat tadi, dengarlah. Saya katakan lagi peraturan mesyuarat ini memenuhi syarat peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3). *[Tepuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa alasannya? Apa alasannya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kenapa tidak suka ini? Bila saya katakan memenuhi syarat, Yang Berhormat tidak suka. *[Dewan riuh]* Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa alasannya?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya teruskan hujah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, saya belum habis, duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa alasannya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soal perlu disegerakan bagi pihak orang ramai Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Orang ramai mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita Ahli-ahli Parlimen.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa definisi 'orang ramai' Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Antara Yang Berhormat Padang Serai dan Tuan Yang di-Pertua, orang ramai mana?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa definisi 'orang ramai' Tuan Yang di-Pertua? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita Ahli Parlimen. Soal yang melibatkan Tuan Yang di-Pertua bukan Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, *the Speaker of the House the institution*. Apakah itu bukan melibatkan kepentingan awam? *[Tepuk]* Integriti Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Habis kuil orang India, bukan kepentingan orang ramai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You are out of order sit down!* *[Dewan riuh]* Integriti Speaker yang dikecam sedemikian rupa. Bukankah itu kepentingan ramai?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita belum ada bukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Bukankah kita sebagai Ahli Parlimen harus perhatikan bahawa *Speaker, the institution of this Parliament* harus kita pertahankan. *[Disampuk]* Oleh sebab itu usul yang dibawa oleh Menteri di bawah 27(3) yang dikemukakan oleh kerajaan melalui seorang Menteri diluluskan untuk dibahas pagi ini dan memenuhi syarat 27(3).

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *No more question on this please. [Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Seorang Ahli:** Minta penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan Riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I have to...* Yang Berhormat cuma ingin melengahkan perbahasan cukuplah. Cukup.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Kepentingan sama ada Speaker dihina atau tidak belum lagi dikenal pasti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hantar keluarlah Yang Berhormat Shah Alam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mana peruntukan mesyuarat yang perlu kita perjelaskan? Baca surat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Don't do that!*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Laporan itu bukan dituju pada institusi. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan lengahkan perbahasan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau hendak berucap, berucap selepas ini 10 minit seorang. Tiga wakil daripada Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Laporan itu bukan dituju kepada institusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan teruskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Ingin menyokong usul daripada kerajaan. Iaitu usul untuk...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Teguran itu bukan dituju kepada institusi. Teguran itu dituju pada peribadi Tuan Yang di-Pertua, bukan pada institusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *So, you... [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah bagi banyak masa kepada Yang Berhormat dan peluang untuk berbahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan riuh]*

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Apa hujah-hujah? Apa ini?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, teguran ini... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau tidak minat membahaskan perkara ini, saya minta Yang Berhormat diam.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada *point*. Saya hendak jelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau tidak minat membahaskan, kalau tidak ingin melibatkan diri dalam perbahasan, Yang Berhormat duduk diamlah, diam. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah itu yang benar?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apa ini?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, mana surat? Mana surat? *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah Speaker yang tulis surat kepada Menteri, panggil Menteri buat usul.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua bagi penjelasan. Bagi rehat, bagi rehat, bagi rehat!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, diam Yang Berhormat. Yang Berhormat Lenggong diam!

**Tan Sri Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya hendak ambil soal dari segi peraturan mesyuarat, soal kepentingan awam. Apabila Parlimen ini disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Serai sebagai Robert Mugabe Parlimen, saya tidak terasa kah? *[Disampuk]* Ini disebut. Jadi, sebab itu Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal tuduhan kritikan kepada Tuan Yang di-Pertua tetapi tuduhan dan kritikan kepada Parlimen. *[Tepuk]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi perlu mematuhi peraturan mesyuarat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu tidak ada... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya cuma... *[Dewan riuh]*  
Yang Berhormat, Yang Berhormat!

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jika Yang Berhormat tidak berminat untuk membahaskan saya akan kemukakan usul untuk diputuskan. Saya akan kemukakan usul. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat minat untuk membahaskan isu ini. *[Disampuk]* Tidak payah duduk! *When the Speaker speaks, you all sit down.* Kalau tidak ada minat untuk membahaskan kita akan buat keputusan dan saya akan kemukakan kepada Majlis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak penjelasan terlebih dahulu. Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey. Tidak payah bahas, tidak minat bahas, saya akan kemukakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada keraguan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, soalnya sudah banyak kali katakan perkara yang diperuntukkan dalam peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua berpuas hati. Saya katakan bahawa Tuan Yang di-Pertua berpuas hati, Yang Berhormat tak nak terima. Soal dia sekarang, Yang Berhormat tidak terima penjelasan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jadi, Yang Berhormat kerana tidak ada yang berminat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Bolehkah tahu apa peringkat perbahasan ini? Tadi Yang Berhormat Menteri cakap, tiada seorang pun dengar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak, kerana...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]**[Dewan riuh]* ...Rekod, boleh dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You choose...*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua saya perlukan penjelasan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan penjelasan, saya sudah lama sudah minta. Sudah 10 minit saya minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Tiada orang tahu apa Menteri cakap. Ini semua satu *laughing-stock*. Lebih teruk daripada Robert Mugabe Parlimen, bukan? Usul, tidak tahu siapa. Apa peringkat perbahasan ini? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Janganlah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Menteri sudah baca usul.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Itu dia baca, tiada orang dengar. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat memilih untuk tidak mendengar usul, walaupun itu melanggar peraturan mesyuarat. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Tidak tahu apa yang Menteri cakap. Apa sebab dia berdiri? Apa hujah-hujah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan pusing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih berdiri untuk penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Oleh kerana tidak ada yang ingin untuk mendengar...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Bukan, saya mahu tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada yang ingin mendengar ...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kita mahu tahu... Kalau kita mahu bahas perkara ini. Kita mahu dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada yang berminat untuk membahas.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Sebenarnya, apa yang Menteri cakap? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita akan putuskan.

**Tan Sri Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya rasa kita semua sudah tahu apa usulnya. Kalau tidak ada minat hendak bahas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita putuskan.

**Tan Sri Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Kita putuskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan penjelasan sebelum dibahas. Saya perlukan penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya akan kemukakan untuk diputuskan usul ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua sekejap. Ini bukan soal kita tahu atau tidak tahu...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu penjelasan, sudah lama saya berdiri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya pun teruskan perbahasan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat, saya tidak ada laluan untuk orang seperti ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Kinabatangan sekejap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita putuskan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua sekejap, sekejap.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kinabatangan duduk, duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak tahu...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya ada penjelasan yang diperlukan sekarang. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau pembangkang tidak minat hendak berbahas, keluar. Kita buat keputusan, jangan buang masa Dewan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya minta penjelasan,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita putuskan Yang Berhormat. Kita putuskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nanti sekejap Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, kita putuskan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Kita halau keluar, keluar, keluar! *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya masih bercakap dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah. Yang Berhormat, Yang Berhormat! *[Dewan Riuh]* Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Pergi buat *business* sendirilah. Apa ini? *[Dewan Riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua saya cadangkan tangguh. Kita tangguh kita berbincang. *[Dewan Riu]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih menunggu penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita putuskan. Tak apalah kita putuskan. Saya mengambil cadangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Tanjong Karang dan juga Yang Berhormat Johor Bahru kita putuskan usul ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalah ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah perkara 1 hendaklah disetujui. *[Dewan riuh]*

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

■1230

*[Dewan riuh] [Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tahniah Yang Berhormat Padang Serai. Dah mula rehat. Tahniah, ucap tahniah pada Padang Serai kerana rehat enam bulan.

**Seorang Ahli:** Betul-betul, Robert Mugabe, tak bahas, buat keputusan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ucap tahniah Yang Berhormat Padang Serai, boleh rehat enam bulan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *Speaker bias! Speaker bias!* *[Dewan riuh]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *Standing order, standing order.* Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Padang Serai, keluar, keluar, keluar. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak belah bahagi? Seorang bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Keluar! Yang Berhormat Padang Serai keluar, keluar, keluar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat! Yang Berhormat!

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Keputusan dah buat, keputusan dah buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya mendengar permohonan untuk belah bahagi. Siapa yang pohon untuk belah bahagi? Ada?

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, belah bahagi.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, *Standing order* dahulu, *standing order*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey, sokong belah bahagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tak boleh, tak boleh, tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Bolehlah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak ada apa-apa keputusan, *Speaker bias!* Halau keluar!

**Seorang Ahli:** Saya memohon belah bahagian.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya kata dalam Dewan kata *Speaker bias!* *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, tak sokong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya cadangkan untuk belah bahagi. *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Tak sokong.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Belah bahagi, belah bahagi. Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan belah bahagi.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Siapa pohon untuk belah bahagi? Yang Berhormat Johor Bahru? Okey, Yang Berhormat Tanjong Karang. Sudah, duduk Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih 15 orang bangun untuk meminta dibelah bahagian. Yang Berhormat Tanjong Karang.

*[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Belah bahagi! Belah bahagi!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Loceng! Loceng! Loceng belah bahagi! loceng!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintah supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing dan jalankan tugas Yang Berhormat. Baiklah Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

*[Pengundian dijalankan]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, minta duduk Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan belah bahagi kepada usul yang dibawa oleh Jabatan Perdana Menteri.

Ahli-ahli yang bersetuju 92 undi, Ahli-ahli yang lain tidak mengundi.

*[Tepuk][Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat maka usul yang dibawa oleh Jabatan Perdana Menteri disetujui.

*[Tepuk] [Dewan riuh]*

#### ■1240

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cadang tangguhkan. *[Disampuk]* Tak apa, kita boleh tangguh. Tangguh Dewan, 10 minit tangguh. Tangguh 10 minit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Proses apa ini Speaker?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, tangguh Dewan 10 minit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang dituduh tak dibenarkan bela diri.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa punya proses ini?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak apa. Tak apa.

*[Dewan riuh]*



**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You* buat usul, *you* tendang saya keluar dari Parlimen, rakyat Shah Alam tetap undi saya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan risaulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini Robert Mugabe punya Parlimen! Di Shah Alam tetap kita menang!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tambah lagi majoriti, selamba kita menang!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis, sudah Yang Berhormat. Cukuplah, cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tambah lagi kerusi! UMNO tutup kedailah Selangor!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, ada peraturan mesyuarat lagi Yang Berhormat Gombak?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, tidak salah, tidak salah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Ini yang memalukan institusi Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada lagi Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Gombak, Gombak sebelum itu Gombak. Sendiri usul, sendiri undi, sendiri menang. Sendiri tepuk tangan. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Syok sendiri.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Inilah syok sendiri! Syok sendiri!

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Angkat bakul, masuk sendiri!

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Kongkalikung! Syok sendiri Bintulu!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak minta penjelasan!  
Saya ada bukti!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Syok sendirilah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua tidak hendak dengar saya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain, diam Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini Peraturan Mesyuarat 27(3). Tadi itu dengar sudah dengar tetapi belum beri penjelasan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan. [*Dewan riuh*] Nantilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bila saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Selepas ini usul Yang Berhormat Kuantan hendak potong gaji.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak apalah. Itu yang berlainan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, yang itu sudah selesai sudah Yang Berhormat. 27(3) itu sudah selesai.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bila usul ita bawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah. Kalau saya buat keputusan salah, boleh buat usul untuk kemukakan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Eleh, ini taktiklah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu bukan taktik Yang Berhormat. Itu peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Itu taktik lamalah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat.

**Seorang Ahli:** Hoi!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sejak bila usul yang dibawa oleh Pakatan ini diluluskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Itu peraturan mesyuarat. Sebahagian daripada Yang Berhormat duduk dalam Jawatankuasa Dewan. Boleh buat perubahan peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jangan bawa alasan itu. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, saya hendak respons tadi. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua beritahu walaupun kenyataan ini dibuat di luar, ianya menuju kepada Dewan. Akan tetapi yang disebut oleh Shah Alam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Teguran tersebut tidak ada kena mengena dengan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, selesai sudah ini Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini tentang perwatakan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah selesai Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu *personal* rentetan antara mereka berdua!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi bila Johor Bahru bangkit, nanti dulu, nanti dulu. Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah selesai dah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bila Johor Bahru bangkit mengatakan walaupun teguran dibuat daripada Tuan Yang di-Pertua tetapi bila Padang Serai menyebut ini Parlimen Robert Mugabe, beri peluang kepada beliau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat tadi gunakan ruang untuk membahas.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak dibenarkan, tidak dibenarkan.  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat memilih tidak hendak membahas.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak diberi ruang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dia jadi pengecut sebetulnya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, saya jangkakan itu jadi bahan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tolong hormat, ini peraturan mesyuarat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Masa *standing order*, apa mereka buat? Masa *standing order*, apa mereka buat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Anak-anak betina, betul?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mana *ruling*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini *complete bias*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini pondan namanya!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini yang dimaksudkan *complete bias*. Ini definisi *complete bias*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pengecut!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Setiausaha, kita jalankanlah, kita selesaikan masalah ini. Yang Berhormat, kita kena teruskan agenda dalam urusan mesyuarat hari ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...tidak hendak berdiri, pengecut!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dengar hujah kita! [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, ya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sudahlah, sudahlah. Duduklah, duduklah. Okeylah, okeylah. Duduk dulu, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Ya Setiausaha. Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Nantilah, belum habis lagi. Tuan Yang di-Pertua, mana boleh begitu!

[*Dewan riuh*]

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Duduk, duduk. Cukup, cukup, Duduk. Semua sudah dengar. Semua sudah dengar. Duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Mahu jadi Speaker bawah pokok lagikah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, bagilah. Ini *floor* saya. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita *adjourn 15 minutes*, kita sambung. *[Berbincang dengan Setiausaha Dewan]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, itu *standing order*. Itu *standing order*, orang boleh mencelah, tidak ada *ruling!* Kalau saya mencelah, macam-macam *ruling!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Gombak, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak habis. Bagi saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Apa pasal bergaduh ini? Apa pasal bergaduh di belakang? *[Ketawa]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, orang lain mencelah boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kalau Pakatan mencelah, *ruling!*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kena keluar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Batu Gajah, Kapar, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, Timbalan Presiden bangun, sedang bercakap. Duduk yang belakang itu ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya tetapi yang kacau-kacau...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak adalah. Dia cakap benda yang sama Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tahu. Timbalan Presiden bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu boleh, itu boleh!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Buang masa. Ulang, ulang, ulang! *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Gombak, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Cakap poin yang sama! Buang masa!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kalau dia sedang bercakap, suruh dia duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tanjong Karang, duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah! Naik jumlah dengar!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia duduk, saya duduk! Tanjong Karang duduk, Kapar duduk!

**Seorang Ahli:** Tidak ada siapa halang nak keluar, boleh keluar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sana duduk, sana duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk. Duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Buatlah cara lain! Ini sama pusing-pusing, belit-belit! Memang patutlah cakap belit-belit!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Tanjong Karang. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sebut Tanjong Karang! Jangan masuk *Hansard* macam Kapar sahaja jahat! Tanjong Karang pun jahat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kapar duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya ingat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Gombak, cukup Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Lebih baik balik bela udang lagi eloklah. Tidak usah kacau rasanya. Baik. Tuan Yang di-Pertua, sebab usul peraturan mesyuarat yang kita bawa tadi ialah minta penjelasan dan panduan daripada Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*] Belum ada penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak cakap benda yang sama, suruh dia cakap...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa ni? Usul yang sama!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar duduk! Tanjong Karang bangun!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Cakap pusing-pusing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. *Please.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar sentiasa duduk selamanya! *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, cukuplah Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Bertenang, duduk, duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Hendak jadi loyar buruk kah apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang duduklah. Dua-dua duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita bercakap sebagai Ahli Parlimen.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Lepas ini bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini cakap!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peguam apa tidak tahu peraturan mesyuarat?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk apa?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Patutlah sudah tidak jadi Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa. Pirah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Setiausaha. Tanjong Karang! Gombak! Duduk!

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Selangor pun kalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Suruh dia duduk Tuan Yang di-Pertua! Suruh dia duduk!

*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jaga undang, jaga undang.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa ini?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Undang pun mati!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Gombak, Gombak. Duduklah Gombak. Cukuplah Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak mahu duduk! Ini *floor* saya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskanlah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Beri itu suruh duduk! Nampak itu!  
[Menunjuk ke arah Tanjong Karang]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tengok. Tengok Tuan Yang di-Pertua!

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Dia sudah tidak boleh *control*. [Ketawa]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Inilah yang dimaksudkan sebagai *bias*!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Gombak sedang dalam *point of order*. Cuba kita dengar apa *point of order* lagi Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Inilah... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa. Kita dengar *point of order*. Kalau tidak relevan, kita *proceed*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Itu yang sepatutnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebagai Ahli Parlimen, kena tahu peraturan mesyuarat. [Dewan riuh] Sebagai peguam, kena tahu undang-undang. Ini undang-undang pun tidak tahu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau tahu undang-undang, tidak jadi ini macamlah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa ini? Tanjong Karang bangun, Kapar bangun! Ini syarat! *Standing order* baru!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tanjong Karang duduk.  
[Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Undang pun tak boleh bela! Hendak jadi pemimpin macam mana? Undang mati, rakyat mati, ahli UMNO mati. Tuan Yang di-Pertua...



**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Gombak, Gombak ini cakap mak dia pun tak dengar Tuan Yang di-Pertua! [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ini *floor* saya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Susah!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tanjong Karang bangun!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Gombak, cukup Yang Berhormat. Tolonglah Gombak, tolonglah. *Please*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Suruh ikut peraturan! Peraturan keluarga pun tak boleh ikut! Peraturan Dewan pulak nak ikut!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, tengok, tengok, tengok itu! Contoh Ahli Parlimen UMNO ini. Tengok!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau dah mak pun tidak hormat, apatah lagi Tuan Yang di-Pertua! Lagi dia tidak hormat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak buat *ruling* suruh dia duduk?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya hormat Yang Berhormat *on point of order*. *Please*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya tetapi hormat peraturan mesyuarat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *I respect you and you respect me*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Supaya dia duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Please*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *With your point of order, betul-betul point of order, because I will decide on the point of order you are invoking. Please*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *Allright*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Peraturan Mesyuarat 80A. Tuan Yang di-Pertua sebut tadi dengan terang dan jelas bahawa 80A ini hanya untuk orang luar.

## ■1250

Tidak benar Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bacakan Peraturan Mesyuarat 80A, “*Kiranya pada hemat Majlis telah berlakunya sama ada oleh seorang ahli atau oleh mana-mana orang lain*”. Jadi Tuan Yang di-Pertua tadi ambil bahagian yang kedua sahaja. Sedangkan dalam Peraturan Mesyuarat jelas, “*Sekiranya pada hemat Majlis telah berlaku sama ada orang seorang ahli atau mana-mana orang lain apa-apa perbuatan, Majlis boleh melantik suatu Jawatankuasa untuk terus menyiasat hal itu dan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut ordinan tersebut*”.

Ini yang hendak kami tegaskan tadi. Mengapa tidak diguna pakai Peraturan Mesyuarat 80A untuk seorang ahli yang kononnya telah melakukan kesalahan sebab apa juga kritikan yang dibuat oleh Yang Berhormat Padang Serai, untuk mengesahkannya, kena ada bukti, kena ada saksi, kena ada pendengaran. Baru ada keadilan terhadap Yang Berhormat Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *point of order*.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *National justice*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat macam sudah berbahas ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi perkara ini tidak dilakukan oleh Majlis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sepatutnya itu jadi perbahasan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab Tuan Yang di-Pertua sebut tadi kerana kritikan itu terhadap Tuan Yang di-Pertua maknanya terkena juga pada Majlis. Akan tetapi tidak perlu dikaitkan dengan Majlis sebab kita tidak mengkritik Majlis walaupun sebahagian besar daripada ahli Majlis ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Memang Robert Mugabe punya wakil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tengok perangai, sikap mereka dan cara mereka tidak menghormati Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

*[Dewan Riu]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Berilah peluang, beri peluang supaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Perangai pembangkang tidak habis-habis. Dia yang salah, kita pula yang salah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Supaya Yang Berhormat Batang Sadong membawa usul yang mengikut peraturan mesyuarat. Kalau usul yang dibawa oleh kerajaan itu tidak memenuhi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, saya minta Yang Berhormat cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau inilah sifat-sifat pemimpin pembangkang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Usul ini sudah tidak dibahas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah!

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Keluar, keluar, keluar...

*[Dewan Riu]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Rubbishlah*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, cukuplah Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Itu yang pertama, Peraturan Mesyuarat 80A. Kedua, Tuan Yang di-Pertua belum lagi jawab Peraturan Mesyuarat 27(3)

**Timbalan ang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tidak melihat sebarang relevansi, tidak melihat sebarang keberkaitan usul Yang Berhormat dengan usul. Sudah selesai itu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah banyak kali perelaskan Peraturan Mesyuarat 27(3), 80 dan 80A.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Akan tetapi penyelesaian secara haram Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa, itu tanggapan Yang Berhormat. Sebab itu saya katakan tadi, kalau saya buat salah, buat usul terhadap saya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Macam Yang Berhormat Gelang Patah sebut, kita tidak dengar pun usul apa yang dibawa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sepatutnya apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat ini, apa yang diangkat oleh Yang Berhormat melalui Peraturan Mesyuarat sepatutnya dijadikan perbahasan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebelum perbahasan sebab usul itu mesti usul yang sah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebab itu Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Usul yang mengikut peraturan, baru boleh kita bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau usul itu usul haram, bagaimana kita hendak bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudahlah! Saya sudah perelaskan banyak kali, *I be lenient, I have been giving your order permission* Yang Berhormat, cukup!

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, usul cadangan ini tidak bererti. *It is empty talk only, not usul.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *We have decided! We have decided!*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Oleh kerana tidak pernah dalam sejarah Dewan ini di mana usul untuk kaji keputusan dibenarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Apa yang kita katakan tadi ialah *kangaroo court*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Parlimen Malaysia menjadi *kangaroo court*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nanti semua *shooting*.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua menjadi presiden *kangaroo court*.

*[Dewan Riu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ini semua *shooting*. Yang Berhormat, ya.

*[Dewan Riu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *No more, no more, no more.* Saya minta setiausaha untuk teruskan. Saya tidak benarkan lagi peraturan mesyuarat *over the matter. Please sit down!*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, *what do you say about this?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak benarkan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tidak benarkan lagi Yang Berhormat. Saya hendak teruskan urusan mesyuarat. *What have you say about me tidak apalah, buatlah.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kondemlah tetapi jangan kondem di luar nanti Yang Berhormat masuk semula dalam Dewan.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Boleh kata dalam Dewan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak!

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Kangaroo Court?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You made another press statement outside, you can to get it again.*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Keluar tidak boleh? *I repeat inside, kangaroo court,* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You are wrong. That is what you think. You are been suspended over the same Peraturan Mesyuarat!*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya, *Kangaroo Court.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Do you understand that?*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya. Akan tetapi kita tidak patut menjadi *kangaroo court.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You have to see the young MP's from your side.*

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Mana ada usul yang ada pencadang? Kenapa tidak cakap? Tidak ada orang tahu.

*[Dewan Riu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup. *I have record. You have been suspended over the same Peraturan Mesyuarat.*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Kangaroo court.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You should learn that!*  
Cukup!

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Kangaroo court.* Peraturan mesyuarat.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Setiausaha.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Padang Serai digantung berdasarkan peraturan mesyuarat. Tidak ada peraturan mesyuarat pun.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Cukuplah!

*[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Hormatlah keputusan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, setiausaha.

**Seorang Ahli:** Peraturan Mesyuarat

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tindakan begini sudah memperlekehkan saya, tahu? *I am seeing this.*

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Memperlekehkan saya.  
Cukuplah!

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu buat penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita sama-sama ada *respect* juga *each other*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan memperlekehkan!  
Cukup!

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *No more, no more. I do not want point of order for this matter. Same!*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014****DAN****USUL  
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" **[Hari Pertama]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**12.55 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih dari RM174,807,709 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2014 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1 sehingga B.13, B.20 hingga B.25, B.27 hingga B.32, B.40 hingga B.43, B.45 hingga B.48, B.60 dan B.62 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM46,499,999,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2014 bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13, P.20, P.25, P.27 hingga P.32, P.41 hingga P.43, P.45 hingga P.48, P.60, P.62 dan P.70 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Lampiran A dan Lampiran B, Kertas Perintah 41 Tahun 2013 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2014 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2014 telah pun dibentangkan. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran ini adalah juga diberi dalam Kertas Perintah 41 tahun 2013 dan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2014 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2013. Oleh itu, saya tidak berhasrat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi Tuan Pengerusi. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Point of order.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peraturan Mesyuarat 27(3).

**Maksud B1 hingga B9 dan B.40 [Jadual] –  
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Jabatan Perdana Menteri. Kepala B.1 hingga B.9 dan Kepala B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila ada ahli yang mengemukakan peraturan mesyuarat, patutnya dengarlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Point of order.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *This is good for give us.* Setiausaha nanti dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah cukuplah Yang Berhormat, ya.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, mana boleh macam ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peraturan mesyuarat 27(3).

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, *please...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah selesaikan isu itu. *I do not entertain anymore* Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sekali sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sekali sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru, hendak buat usul? Cukup Yang Berhormat!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa, apa yang disampaikan yang mengatakan bahawa Yang Berhormat Padang Serai menghina institusi, Speaker tidak betul!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *speaker have made the decision. If you do not like the decision,* buat dalam usul. Itu sahaja!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak betul! *That was not true!*



**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh lagi. Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *It was personal criticism to the personality of the Speaker, not the institution of the Speaker.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *You are not consistent of standing order. Speaker have made the decision.* Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Manivannan a/l Govindasamy [Kapar]:** *Speaker was never consistent.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru, sila Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *The institution of the Speaker tidak pernah dipertikaikan. Apa yang dipertikaikan peribadi Speaker yang tidak membenarkan usul beliau dibahas. Saya rasa itu perlu diperbetulkan.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru, *please*. Yang Berhormat Batu Gajah duduklah Yang Berhormat, *please*. Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

### USUL

#### **MEMINDA JADUAL DI BAWAH P.M. 66(9) – MENGURANGKAN RM980,179.20 DARIPADA PERUNTUKAN KEPALA B.6**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 66(9), dengan ini saya ingin mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membahas di peringkat jawatankuasa Rang Undang-Undang Perbekalan 2014 bagi Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin memohon mencadangkan;

“Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM980,179.20 atau bersamaan dengan RM27,227.20 kali tiga orang kali 12 bulan, daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah Kepala Pembangunan B.6 di bawah Butiran 010100 - Program atau Aktiviti Jabatan Perdana Menteri di bawah objek sebagai 29,000 Perkhidmatan Ikhtisas Jabatan Perdana Menteri.”

Mereka yang dimaksudkan adalah:-

- (i) Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Ir. Jamaluddin bin Mohd. Jarjis, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri dan Duta Khas ke Amerika Syarikat;
- (ii) Tun Ong Ka Ting, Duta Khas ke Republik China; dan

- (iii) Dato' Seri Samy Vellu Sangalimuthu, Duta Khas ke India dan *South India* dalam Bahagian Infrastruktur.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya minta agar usul itu disambung selepas ini. Pukul 2.30 petang nanti.

*[Majlis mesyuarat bersidang semula]*

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

*[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] mempengerusikan mesyuarat]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya menjemput Yang Berhormat Bayan Baru.

### **2.32 ptg**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 66(9) saya ingin mengusulkan, mencadangkan bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM980,179.20 (RM27,227.20 x 3 orang x 12 bulan) daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah Kepala Bekalan/Pembangunan B.6 di bawah Butiran 010100 Program/Aktiviti Jabatan Perdana Menteri di bawah Objek Sebagai 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas, Jabatan Perdana Menteri. Mereka yang dimaksudkan adalah:

- (i) Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis- Penasihat Khas Kepada Perdana Menteri dan Duta Khas Ke Amerika Syarikat;
- (ii) Dato' Seri Ong Ka Ting- Duta Khas Ke Republik Rakyat China;
- (iii) Dato' Seri S. Samy Vellu- Duta Khas Ke India dan *South India* dalam bahagian infrastruktur.

Saya mohon usul ini dibincangkan seperti hujah-hujah di bawah.

Nombor satu, saya ingin memulakan dengan takrifan “duta”, atau dalam bahasa Inggeris, “*Ambassador extraordinary and plenipotentiary*,” yang bermaksud, “*A head of*

*mission formally representing the head of state with plenipotentiary powers...”, iaitu full authority to represent the government.*

Malaysia mempunyai duta yang sah ke negara-negara tersebut. Duta Malaysia ke Amerika Syarikat adalah Datuk Othman Hashim. Duta Malaysia ke China adalah Datuk Iskandar Sarudin. *Malaysia High Commissioner to India* adalah Dato' Naimun Ashakli bin Muhammed. Kedutaan di Amerika Syarikat, China dan India merupakan kedutaan yang lengkap dengan pelbagai perkhidmatan.

Hubungan Malaysia dengan ketiga-tiga negara agak stabil dan sudah cukup dengan duta masing-masing. Mereka menjalankan tugas dengan baik dan profesional. Dengan adanya tugas duta khas, timbul kekeliruan siapa yang mempunyai kuasa lebih, siapakah *the real boss*? Juga timbul persoalan bahawa ...

**Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]:** Boleh minta penjelasan Tuan Pengerusi peringkat ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini baru peringkat dibentangkan. Ya, usul.

**Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum dibuka untuk perbahasan.

**Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak, tidak perlu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey. Ya. Juga timbul persoalan bahawa kerajaan tidak percaya kepada duta-duta profesional yang merupakan pakar dalam hubungan luar negeri. Malaysia mempunyai hubungan yang erat dengan Amerika Syarikat, China dan India sejak merdeka lagi. Persahabatan dengan negara-negara tersebut erat disebabkan oleh faktor sejarah hubungan rakyat dan kedua-dua pihak melalui pelancongan, pendidikan dan perdagangan.

Hubungan dua hala antara Amerika Syarikat-Malaysia, India-Malaysia, China-Malaysia berjalan dengan lancar tanpa apa-apa isu besar. Malaysia tidak ada konflik atau krisis dengan ketiga-tiga negara. Maka, tidak timbul perlu melantik duta khas ke negara-negara tersebut. Pelantikan duta khas ke negara Amerika Syarikat, China, dan India sejak 2011 tidak membawa keuntungan yang besar, yang luar biasa kepada Malaysia. Pertumbuhan perdagangan dan FDI tidak melonjak tinggi. Apakah rasionalnya melantik duta-duta khas ini?

Kita mulakan dengan Duta Khas Ke India dan *South Asia*. Mengikut jawapan daripada Timbalan Menteri, Datuk Liew Vui Keong apabila menjawab di Dewan Negara Disember 2011, jawatan ini diwujudkan untuk meningkatkan pembabitan syarikat Malaysia dalam pembangunan infrastruktur di India dan Asia Selatan. Beliau turut menjawab sejak pelantikan beliau iaitu duta khas ke India mulai 1 Januari 2011, nilai kontrak yang dijangka, diraih oleh Malaysia adalah dalam anggaran RM10 bilion yang meliputi tujuh projek infrastruktur di Bangladesh sahaja. Hebat betul.

Selain itu, Kerajaan Bangladesh juga telah pun menawarkan kepada Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan sebuah projek jambatan berharga RM6 bilion dalam satu *MoU* tambahan dijangka dimeterai. Pelbagai projek lagi sedang diusahakan melalui syarikat kerjasama G2G di India dan negara-negara Asia Selatan lain. Hebat betul. Maka, total projek yang akan menjangkau RM16 bilion. Syabas kepada Dato' Seri S. Samy Vellu. Adakah jambatan RM6 bilion yang diumumkan oleh kerajaan itu sebenarnya menjadi kenyataan?

Mengikut berita terkini, *Global Times*, September 15, 2013 dengan izin, "*The Bangladeshi Government sign a deal with Bangladesh-Malaysia Joint Venture to construct an 11 km approach road link-up with Padma Bridge in June...*" Abu Nasir Spokesman of Bangladesh Ministry of Communications said, *that 11 billion* pakar iaitu bersamaan dengan RM141 juta- *agreement was in between Bangladesh- Abdul Manim Limited* atau AML dan Malaysia HCM Engineering Sdn Bhd.

Mengikut *Telegraf* India, Jun 18, 2013, *Padma River Bridge in Bangladesh* dengan izin, *the Malaysian offer was not consider as attractive as Chinese one.*

Mengikut *Financial Time Express*, September 16, 2013, *the pre qualified joint venture companies for Padma RTC where from Netherlands, Belgium, Japan, Denmark, US, South Korea, and China.* Tidak ada Malaysia. Di manakah jambatan RM6 bilion yang akan dibina oleh Malaysia di Bangladesh atau usaha duta khas kita itu?

Rupa-rupanya jambatan RM6 bilion yang diheboh-hebohkan oleh kerajaan akhirnya cuma menjadi *contract approach work* yang hanya berjumlah RM141 juta sahaja. Di manakah tujuh projek lagi yang dianggarkan RM10 bilion duit Bangladesh? Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab.

Mengikut kata Perdana Menteri, pelantikan duta khas ke China adalah sebagai sokongan tambahan untuk memupuk perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan China termasuk Projek Taman Perindustrian Qinzhou.

Apakah perkembangan terkini Taman Perindustrian Qinzhou? Mengikut *Bernama* pada 6 Mei 2012, Perdana Menteri menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman usaha sama antara dua syarikat Malaysia Rimbunan Hijau Group dan SP Setia Berhad dengan dua syarikat China, Chian Guangxi Beibu Gulf International Port Group dan Qinzhou Jingu Investment Company di Nanning bagi menjayakan projek Taman Perindustrian Qinzhou. Itu sahaja. Hanya dua syarikat sahaja yang *sign* MoU. Adakah ini satu kejayaan yang besar untuk Duta Khas Amerika Syarikat. Kerajaan tidak memberi tugas spesifik dan rasional melantik beliau sebagai duta khas...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bayan Baru baca usul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sedikit lagi. Ya beliau cuma adalah Penasihat Khas Kepada Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nampak lari sangat, banyak lari daripada teks usul ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey jadi cuma adalah Penasihat Kepada Perdana Menteri. Adakah kejayaan beliau dalam tugasnya sebagai duta khas? Jadi saya ingin mengusulkan bahawa...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Perbelanjaan diluluskan, baca yang itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey. Jadi perbelanjaan yang saya ingin cadangkan adalah duta-duta khas ini diberi gaji dan elaun sebanyak RM27,227.20 sebulan. Gaji mereka dua kali ganda lebih besar daripada Menteri yang hanya RM14,907.20. Mereka berstatus Menteri diberi keistimewaan dan elaun Menteri. Okey mereka juga dibekalkan Pejabat Duta Khas India contohnya di tingkat 25 Plaza Central-lokasi yang eksklusif. Duta-duta khas diberi setiausaha kanan, pegawai khas, pembantu khas dan pegawai pengiring PDRM. Mereka sentiasa menjelajah ke seluruh...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru, baca usul sahaja. Sudah siap?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya. Jadi saya ingin duta-duta khas ini kesemua ini memakan belanja yang besar tetapi pulangan daripada pelantikan duta khas tidak begitu besar kepada Malaysia. Jadi ini seolah-olah memberi satu jawatan kepada pemimpin-pemimpin Kabinet yang telah bersara. Adalah lebih baik sejumlah wang RM980,179.20 ini dijiatkan untuk kebajikan rakyat yang susah. Sekian, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul Peraturan Mesyuarat 66(9) oleh Yang Berhormat Bayan Baru sebagaimana yang dikemukakan tadi bagi Maksud Bekalan 6 Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan. Satu, dua dan tiga. Sila jemput Yang Berhormat Ayer Hitam. Kalau boleh 10 minit.

**2.43 ptg.**

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang terkilan Yang Berhormat Bayan Baru sebagai orang baru telah membaca usul dan menyimpang pula memasukkan perkataan-perkataan yang tidak dibawa dalam usul. Saya rasa itu orang baru, mungkin tidak ada pengalaman kita maafkan tetapi pada hari ini saya ingin membicarakan apa Yang Berhormat Bayan Baru kemukakan tadi sebenarnya ada unsur politik.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh melantik sesiapa sahaja yang di fikir ada pengalaman untuk menguruskan hubungan kita dengan negara lain. Saya bagi satu contoh ketika saya di China, saya bersemuka dengan duta kita. Saya bertanya macam mana kerja di China? Dia akan beritahu saya di sini ada 160 *mission*. Bermaksud setiap hari *alternately* dia kena menghadiri hari kebangsaan sahaja. *Every alternately*, bermaksud kalau untuk China keluasannya begitu besar sekali, sudah tentunya ditambah pula kerja-kerja G2G, *working committee* dan sebagainya. Beban adalah sangat berat.

Jadi saya ingin mengatakan di sini bahawa untuk negara-negara besar di mana kita telah mencapai satu angka yang agak besar iaitu mencecah USD100 bilion *trade* kita dengan China. Ini bermaksud perlu ada satu tugas spesifik dipikul oleh seorang yang berpengalaman. Ini adalah untuk manfaat negara dan bukan semata-mata untuk bagi gaji buta. Jadi saya rasa itu kita kena betulkan pertama [*Tepuk*]. Begitu juga negara Amerika Syarikat. Kita tahu kita juga adalah *trading partner* dengan US dan begitu besar pasaran di US dan baru-baru ini *Secretary of States* dari Amerika datang ke Malaysia dan bukan senang untuk mereka memberi pujian kepada Malaysia kalau tidak ada kerja-kerja diplomatik yang dijalankan. Ditambah pula kita tengok dari segi mantapnya perdagangan kita dengan Amerika Syarikat.

Saya rasa kita berdepan dengan krisis kita perlu meletakkan orang yang betul untuk membantu, untuk memperlengkapkan *mission* kita yang ada di Amerika Syarikat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Beruas bangun.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap. Masa tidak ada. Saya habiskan dahulu apa yang saya hendak cakap. Ketiga kalau di China kita lihat Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu sebagai bekas menteri dia memang pakar dalam kerja raya. Apa yang diberi tugas ini adalah tugas untuk mencari projek-projek infrastruktur. Saya bagi satu contoh beliau pernah membawa satu kumpulan *Sujay Construction* jumpa dengan Bangladesh. Jumlahnya USD2.87 bilion dan apabila mereka berbincang begitu teknikal sekali, akhirnya seperti Yang Berhormat katakan mungkin ada projek yang tidak boleh berjalan disebabkan mereka perlukan *financial* daripada tempat-tempat lain.

Jadi saya rasa kalau tidak ada duta khas seperti ini untuk mencari kaedah untuk selesaikan masalah, saya rasa kita belum cuba belum tahu. Kita kena berikan peluang ini kepada orang Malaysia untuk menduduki pasaran kita di sana. Jadi secara ringkasnya untuk ketiga-tiga memang sudah ada keperluan untuk kita lakukan itu. Jadi saya bagi satu contoh Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri mungkin sebagai seorang yang fasih dalam tiga bahasa, saya yakin Yang Berhormat membaca surat khabar Cina. Baru-baru ini kita tengok surat khabar pun sudah tulis Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting berapa ganjaran diterima. Beliau sebelum kita bincang di Dewan ini pada 1 November beliau jumpa Perdana Menteri kata saya tidak akan mengambil satu sen daripada kementerian mulai 1 November.

Tuan Pengerusi, ini adalah seorang pemimpin berjiwa rakyat untuk memberi *national service* kepada negara [*Tepuk*] Saya rasa apa Yang Berhormat buat itu tidak betul kerana untuk tempoh dua tahun sebelum diperbaharui kontraknya, beliau hanya ambil RM20,000 malahan dengan rendah diri dia tolak, tidak payah pemandu, tidak payah kereta, tidak payah pengawal peribadi untuk kes Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting.

Jadi kalau saya hendak mengatakan di sini seorang yang hendak membantu sebagai mantan Menteri membantu kita dan apa tugasnya? Banyak peranan duta khas memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan ekonomi strategik kepada PRC dan apa yang penting ialah memberi tumpuan khas kepada projek-projek pembangunan usaha sama antara Malaysia dengan China. Apa yang dilakukan selama ini Yang Berhormat sendiri yang kata mungkin Yang Berhormat tidak baca habis. Memainkan peranan penting dalam membolehkan pelabur-pelabur Malaysia melabur dalam China-Malaysia Suzhou Industrial Park CSIP di *Zhuang Autonomous Region China*.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Penjelasan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ini jumlahnya berapa? Ditarik pelabur-pelabur kita ialah RM2.306 bilion bermaksud kalau orang Malaysia kita hendak cari pasaran di China kita kena bawa orang kita pergi sana supaya kita ada *advantage*. Dulu Lee Kuan Yew di Singapura pun buat di Suzhou, kenapa di Malaysia kita tidak boleh buat?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** [Bangun]

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Pandan sahaja.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kedua, sekejap. Saya habiskan yang *content issue* saya cakap. Nanti saya bagi peluang.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Minta penjelasan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak mengapa, ada masa. Kedua kalau ada masa saya tidak lari tengok.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum bagi lagi.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Memainkan peranan penting dalam perwujudan penyelarasan projek Malaysia-China Kuantan Industrial Park. Ini saya hendak beritahu surat khabar sudah tulis begitu besar sekali, *modern steel mill* oleh Guangxi Beibu, Iron & Steel Investment Company Limited sebanyak RM3.5 bilion. Kuantan Port *expansion* oleh KPCIJN dan Guangxi Beibu Gulf International Port Group sebanyak RM3 bilion. Kedua-dua campur ini RM6.5 bilion. Tuan Pengerusi adalah orang Pahang tahu apa perkembangan di Kuantan. Pada waktu yang sama aluminium *processing plan* oleh Guangxi Beibu Gulf International Port Group sebanyak RM360 juta. Yang Berhormat sendiri kata *oil palm refinery* pelan oleh Guangxi Beibu Gulf International Port Group dan Rimbunan Hijau sebanyak RM637 juta.

#### ■1450

Apa yang saya katakan tadi, jumlah besar pelaburan di Malaysia-China Kuantan Industrial Park setakat ini ialah RM7.49 bilion, Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kata orang ambil gaji buta RM20,000 sekadar pemandu kena bayar sedikit, kereta dan minyak keluar sendiri, saya rasa tidak patut, tidak berbaloi...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [Bangun].

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Akan tetapi disebabkan *national service* kepada negara yang tercinta ini, saya rasa beliau telah melakukan dengan terbaik. Ini sebagai contoh.



**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Satu lagi, Yang Berhormat sendiri tahu bukan, susah dan bukan mudah untuk kita hendak mendapatkan, hendak meyakinkan pihak China untuk mereka menubuhkan universiti di luar China...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Ayer Hitam, hendak bagi laluan? Ada tiga yang bangun.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap. Saya habis ini, saya bagi. Habis ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, okey. Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Kedua, tadi saya hendak kata *Xiamen University*- sekejaplah. Oleh kerana duta khas kita berjumpa dengan pihak China, akhirnya kita dapat kelulusan untuk kita membina satu kampus berjumlah RM1.2 bilion di Salak Tinggi, di Sepang, Yang Berhormat. Pelaburan ini datang dari China. Saya hendak maklumkan apa kandungannya. Pihak China akan meletak satu per tiga daripada enrolmen masuk ke Malaysia untuk menuntut di sini. Pada waktu yang sama, satu per tiga enrolmen ini dibagi pada negara-negara ASEAN dan selebihnya barulah bagi orang-orang tempatan.

Ini bermaksud, impaknya kepada negara kita memang tinggi, memang besar. Jadi saya hendak menyatakan bahawa Yang Berhormat sengaja melontarkan hujah yang bukan-bukan oleh kerana Yang Berhormat tidak membuat *homework*. Lagipun jumlah RM27,000 itu tidak betul.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Saya hendak maklumkan, kalau Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting sudah kata, satu sen pun dia tidak ambil, ini soal hendak tolak RM27,000 x 12, jadi bukan satu isu. Jadi saya rasa, tolonglah rakan pembangkang, kalau hendak cakap, mestilah berasas. Jangan sebarang buat tuduhan. Hah! Silakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu? Yang Berhormat Beruas?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Beruas dahulu.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat tiga penjelasan. Nombor satu, adakah Yang Berhormat Ayer Hitam sekarang ini menyokong usul bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting ini kerana dia tidak inginkan apa-apa imbuhan atau gaji patut dikeluarkan daripada bajet ini? Itu nombor satu.

Nombor dua, berkenaan dengan negara China, harap Yang Berhormat Ayer Hitam pun mesti tahu bahawa sebenarnya adalah polisi yang telah diumumkan oleh Presiden Negara China yang datang ke Malaysia dalam masa lima tahun ini hendak dipertingkatkan hingga dua kali ganda *investment* dan perniagaan di antara Malaysia dan negara China. Itu polisi yang telah dibuat oleh negara China. Adakah sebenarnya ini akibat daripada kerja Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting ini ataupun ini polisi yang telah ditetapkan oleh negara China?

Apa yang lebih penting lagi, tadi dikatakan negara China besar, saya pun setuju. Bukankah lebih baik kalau kita menghantar seseorang sama ada duta khas kah, duta tambahan atau nombor dua, tetapi mereka sepenuh masa di negara China dan bukan *part time politician* yang juga hanya melawat negara China sekali-sekala. Begitu juga dengan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis yang Ahli Parlimen sini tetapi menjadi Duta Besar ke Amerika Syarikat. Bukankah lebih baik untuk mereka yang menjadi duta yang sepenuh masa. Begitu juga Yang Berbahagia Datuk Seri S. Sammy Vellu. Saya hendak mendapat penjelasan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab secara *detail*. Pertama, Yang Berhormat bertanya tentang *trade* untuk kita melipat gandakan *trade* kita dengan China. Betul, disebabkan polisi kita antara Kerajaan BN di Malaysia dengan China. Hubungan akrab itu yang membawa, menjana kepada kekayaan kepada negara. Itu yang pertama [Tepuk]

Kedua, kalau kita lihat setiap kali Duta China di Malaysia, beliau akan kata, "*Pada tahun ini, kita akan ada pertumbuhan*". Saya masih ingat, tahun lalu USD93 bilion. Kali ini sudah mencecah USD100 bilion. Bermaksud, ada peningkatan secara konsisten. Apa yang hendak saya maklumkan, oleh kerana kita ada Duta iaitu Datuk Iskandar di sana, untuk menjaga *G-to-G policy*, pendidikan dan semua dia akan jaga. Akan tetapi untuk soal pelaburan strategik dan perdagangan, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting diberi tanggungjawab. Bermaksud, kita ada dua orang memperjuangkan untuk

kebaikan negara kita. Tidak akanlah pembangkang rasa cemburu. Jadi saya rasa Yang Berhormat kena tengok secara makro ya.

Kedua, Yang Berhormat tanya, sepenuh masa. Kalaulah Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting sebagai seorang duta, beliau melihat, kalau tidak perlu menghadiri mesyuarat, buat apa beliau duduk di Beijing. Apa yang penting ialah kita ada Malaysia-China Kuantan Industrial Park di Kuantan. Bermaksud, bila hendak menarik pelaburan, beliau berada di Kuantan. Kalau perlu ke China ke Guangxi, beliau akan pergi ke sana untuk menarik pelaburan. Bermaksud, kita melindungi pelabur kita. Pada waktu yang sama, kita menarik syarikat-syarikat gergasi untuk datang ke Malaysia melabur. Jadi saya rasa secara *flexible* dan dengan satu tugas secara spesifik, beliau telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik sekali, itu pertama.

Kedua, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, mungkin tadi Yang Berhormat Bayan Baru sebut, Datuk Othman Hashim mungkin *outdated*. Datuk Othman Hashim sudah menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri betul atau tidak? Dia tidak jadi duta lagi. Jadi, tolonglah *update*. Kalau tidak tahu *information* terkini, jangan sebarang cakap. Bermaksud, kita kena tengok yang terkini. Saya memang tahu beliau tidak lagi jadi duta dan sudah kembali ke Malaysia.

Pada waktu yang sama, saya hendak maklumkan, kita tengok China dengan US. Saya sudah kata *trading* kita dengan US bukan sekadar kita lihat daripada segi perdagangan dan kita lihat kalau perlunya kita hantar, kita ada *permanent wrap* kita berada di New York, untuk *permanent wrap* kita menjaga UN. Apa perlu kita letak *alternate wrap* untuk kita mempertahankan kepentingan Malaysia? Kadang-kadang kita ada dua *wrap* di sana. Apa silapnya? Jadi, kalau seorang *ambassador* duduk di sini, kalau tugas boleh berjalan dengan baik, saya anggap itu selagi perkara itu dapat kita selesaikan...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** [Bangun].

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Produktiviti itu yang kita pentingkan. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Penjelasan Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Silakan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Hitam kerana sudi untuk berkongsi betapa mulianya jiwa Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting sehingga sanggup melakukan semua tugas ini tanpa mengambil satu sen. Bagus. Saya minta satu Dewan,

kita rakamkan di dalam *Hansard*, “Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting”.

Kalau sebelum ini beliau sanggup buat semua ini tanpa mengambil wang atau imbuhan, maka saya kira sekarang pun dalam keadaan negara perlu potong defisit, perlu jimat perbelanjaan, sudah tentu beliau tidak bermasalah untuk terus tidak mengambil elaun. Sebab itu, saya kira kenyataan-kenyataan Yang Berhormat Ayer Hitam tadi sebenarnya menyokong Yang Berhormat Bayan Baru bahawa perlulah kita keluarkan peruntukan ini daripada belanjawan supaya boleh digunakan untuk perkara-perkara lain. Bagi kepada Tuan Pengerusi lebih baik daripada bagi kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting. Terima kasih [*Tepuk*]

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Pandan membuat andaian yang tidak tepat. Saya kata *entitlement* itu bermaksud, seseorang itu berhak mendapat apa *perksnya* atau kebajikan yang sepatutnya dinikmati dan tidak bermaksud seseorang itu kalau dia hendak serah, serahlah. Kalau dia hendak terima pun, itu hak dia. Sama juga kalau Ketua Menteri Pulau Pinang, tidak akan kita tidak suruh dia ambil gaji, ambil elaun, betul?

Baru-baru ini, rombongan dari Pulau Pinang pergi melawat China pun sama juga bawa keluarga. Jadi macam-macam sudah kita tengok. Kita tengok Pakatan Rakyat sendiri pun ke China, bawa keluarga. Lagipun Yang Berbahagia Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting pergi seorang, bawa dengan mana-mana pelaburan, pelabur-pelabur untuk melabur di sana.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini isu duta, bukan isu keluarga.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** [*Bangun*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini isu duta. Jangan putar belit Dewan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jangan putar belitkan Dewan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** [*Bangun*].

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jangan marah, jangan melenting. Jadi duta pun dia tidak bawa isteri. [*Dewan riuh*].

**Tuan Pengerusi [Dato’ Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukuplah kita pagi tadi. Cukuplah pagi tadi. Kita baru lepas makan tengah hari ini. Okey, cukuplah [*Dewan riuh*]

Yang Berhormat, saya akan bagi peluang jika bangun seorang-seorang dan saya panggil setelah Yang Berhormat Ayer Hitam bagi kebenaran, ya. Okey.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya kata, kalaulah Yang Berhormat Bandar Kuching sebagai ADUN dapat RM20,000, kita tidak cemburu sebab Sarawak bagi RM20,000. Hendak ambil, tidak ambil, itu soal dia. Betul? Kalau seseorang ada *entitlement* dia tidak ambil, mungkin dia rasa dia boleh, tidak ada masalah.

■1500

Kalau kita hendak melantik seseorang CEO pun, mungkin gajinya lebih tinggi. Jadi, apa yang saya hendak katakan seseorang pernah menjadi Menteri, dia tidak boleh jadi sebagai duta khas. Selagi dia boleh dan berkemampuan untuk menarik lebih pelaburan kepada negara kita, saya rasa itu adalah demi kepentingan kita. Kalau kita tengok RM7.49 bilion yang komited oleh pelabur-pelabur ini di Malaysia-China Kuantan Industrial Park, berapa GDP yang akan dijana? Berapa peluang pekerjaan yang akan dijana? Saya rasa Yang Berhormat kena tengok ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pandan kerana merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting. Begitu juga kena ucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu dan kepada Yang Berhormat Rompin juga kerana saya yakin apa yang dilakukan demi kebaikan negara.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Jadi, apa yang disebut tadi seolah-olah Yang Berhormat Bayan Baru kata Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting tidak buat apa-apa. Saya cuma menolak hujah itu membidas sahaja, sebab itu satu contoh. Kalau saya diberi masa lebih, saya boleh cakap panjang lagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Kapar bangun. Mana satu?

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Okey, saya bagi sini dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar, sila *[Disampuk]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Tadi bercakap tentang spesifik Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu, apa pelaburan yang dia telah bawa kalau dibandingkan dengan Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting. Itu satu.

Yang kedua, berbalik kepada Yang Berhormat Pandan tadi, tidak jelas bahagian yang pertama. Bila Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting menarik balik dengan rela hati,

itu saya pandang dari sudut yang berlainan. Di sini ada usul untuk menindakkan peruntukan yang diberi so seolah-olah sokong tetapi bila kita bawa isu ini macam tidak sokong. Ada benda yang berlainan so itu yang kita kena... [Dewan riuh]

Ada lagi satu, ada lagi satu, ada lagi satu! [Disampuk] Sabar. Itu yang kedua. Yang ketiga, yang ketiga penting. Yang Berhormat, yang ketiga penting.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, saya benarkan dua sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tiga, tiga! Ini penting Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dengan izin, yang ketiga. Adakah Yang Berhormat tadi bermaksud duta kita yang biasa ini tidak mempunyai kepakaran dalam bentuk *investment* yang boleh bawa *investment* kepada negara? Sila ulas [Dewan riuh] Biarlah dia ulas.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Pertama-tamanya saya ingin...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekejap, saya habiskan yang ini sebab saya tidak tahan kena jawab tiga soalan ini. Pertama, dia kata seolah-olah duta kita ini diperlekehkan. Dia tidak berkemampuan. Itu satu andaian yang ada niat jahat. Saya sudah kata, untuk tiga buah negara yang besar ini bukan sahaja keluasan. Kedua, kita lihat dari segi nilai dagangan kita dengan negara-negara ini. Kalau kita perlukan lebih daripada satu, kenapa tidak? Kalau ia memberikan manfaat kepada negara kita.

Saya bagi contoh tadi Yang Berhormat Bayan Baru seolah-olah kata Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting tidak buat apa-apa. Oleh sebab itu saya tunjukkan dengan justifikasinya dan selepas itu Yang Berhormat Kapar pula setuju Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka ting ada buat kerja. Kemudian Yang Berhormat Pandan pun rakamkan terima kasih. Baiklah. Akan tetapi pada waktu yang sama juga Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu, beliau juga membawa banyak syarikat konsesi yang hendak buat lebuhraya di Selatan India, di Bangladesh dan apa masalah ialah mereka perlu dapatkan dana daripada antarabangsa.

Saya difahamkan sebelum saya mempertahankan hujah-hujah ini, saya juga bertanya kepada syarikat. Dia kata sebenarnya itu bukan silap Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu sebab apa yang mereka perlukan ialah jaminan kewangan dana yang

mereka laburkan. Jadi, saya rasa Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu juga mencari satu kaedah untuk membantu Malaysia mendapatkan dana asing. Itu tidak boleh kita abaikan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat tanya, yang pertama kata, tiga-tiga perlu atau tidak? Yang Berhormat silap. Apa yang saya kata...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Bagi sesiapa yang menjalankan kerja, mereka ini wajib ataupun boleh menerima ganjaran seperti mana yang telah diluluskan.

Untuk kes Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka ting, oleh kerana Yang Berhormat Bayan Baru dalam tuduhan dalam kertas ini kata kita patut potong walhal dalam surat khabar sudah nyata dengan jelas dia tidak akan terima lagi. Bermaksud ini adalah satu perkara yang dilakukan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting. Bagi dua kes itu terpulang kepada mereka. Ini ganjaran yang kita sediakan khidmat yang mereka tawarkan. Maka saya tidak nampak apa masalah dengan itu. Jadi, jangan buat tuduhan liar, jangan buat andaian bukan-bukan. Saya bagi kepada Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, sudah lebih 20 minit. Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih. Yang Berhormat Ayer Hitam, saya bekas pegawai diplomat yang bertugas di kedutaan. Dengar, semua pegawai, semua *ambassador are professional*. Di kedutaan ada pegawai MITI, di kedutaan ada pegawai pelajaran, di kedutaan kita ada MATRADE. Pegawai-pegawai inilah yang melaksanakan tugas... *[Disampuk]* Dengar, dengar ini! Yang Berhormat Bintulu mungkin tidak pernah jadi pegawai PTD *[Dewan riuh]* Dengar, dengar. Kita cuma mendapat arahan daripada kementerian. Menteri-Menterilah yang akan memberi arahan kepada kita, daripada Kuala Lumpur ke sana. Kalau kita sudah ada orang politik mengambil tugas *ambassador*, tugas MATRADE, tugas MIDA, tugas MITI, nampaknya kerajaan sendiri tidak yakin dan percaya dengan pegawai-pegawai yang dia lantik *[Tepuk]*

Maknanya apa guna Menteri-Menteri rasmi, apa guna? Yang Berhormat Arau bekas pegawai PTD, tanya dia. Dia pun tidak setuju. Oleh sebab itu, pegawai-pegawai yang bekerja kuat. *Politician come and go* Yang Berhormat Ayer Hitam, *politician come and go*. Oleh sebab itulah kita rasakan bahawa boleh tetapi untuk itu, setuju kah Yang

Berhormat Ayer Hitam mengatakan bahawa ini adalah satu penghinaan kepada Menteri-Menteri yang ada dalam Kabinet kita? Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sambungan. Ada kaitan, kaitan.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ada kaitan, ada kaitan. Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lepas jawab Yang Berhormat Sungai Petani boleh gulung ya.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya akan gulung untuk penghabisan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Oleh sebab itu saya tidak hairan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...Pakatan Rakyat melantik Ketua Pembangkang selaku Penasihat Ekonomi [*Ketawa*] Jadi, kita tidak cemburu pun.

Pertama, kita pun tidak buat andaian yang bukan-bukan sebab orang politik hendak campur tangan, kata Menteri Besar Selangor ini tidak kompeten, tidak ada! Kita tidak buat andaian itu [*Tepuk*]

Kedua, Yang Berhormat hendak melaga-lagakan kita dengan penjawat awam. Saya hendak maklumkan bahawa kita menghormati profesionalisme bagi Pegawai Tadbir Dan Diplomatik [*Tepuk*] Oleh kerana kalau kita lihat zaman Yang Berhormat, *trade* kita dengan China tidak sampai RM10 bilion. Sekarang sudah mencapai RM100 *million*. Dahulu *trade mission* tidak banyak. Sekarang semua negara bergegas ke China untuk tubuhkan *mission*. Oleh sebab itu saya kata hendak hadir hari kebangsaan pun *every alternate day* ada. Betul. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan pernah jadi duta di Taiwan.

Jadi, apa yang hendak saya katakan di sini Yang Berhormat sebenarnya adalah pengasingan bidang spesifik diberikan kepada orang yang berkemampuan untuk melaksanakan tugas demi kepentingan negara. Jadi, itu yang kita hendak buat [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi, saya tidak setuju dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bayan Baru kerana ianya bersifat politik dan saya hendak bagi tahu Tuan Pengerusi, sebenarnya kita sepatutnya tolak kerana Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting tidak lagi jadi Presiden MCA. Tadi cakap orang politik, ini tidak ada kaitan. Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu sudah lama bersara.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.



**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sekarang saya tengok, kalau Yang Berhormat Rompin dilantik, fasal apa? Yang Berhormat Rompin adalah bekas Duta ke Amerika Syarikat dengan pengalaman yang begitu luas dan dia boleh aturkan perjumpaan dengan Obama dan sebagainya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak mudah. Perlu dilakukan dengan baik sekali.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi sedikit.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Oleh sebab itu saya tolak usul dibawa oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Terima kasih [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Tumpat.

### 3.08 ptg.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bayan Baru supaya dipotong daripada tiga nama ini elau-elaun mengikut jumlah yang disebutkan.

Tuan Pengerusi, kita perlu jelas, permohonan rayuan daripada Yang Berhormat Bayan Baru bukanlah untuk tidak meneruskan tugas atau lantikan mereka sebagai duta khas. Bukan begitu. Hanya yang dituntut, yang diusulkan supaya elau mereka itu tidak diberikan. Itu sahaja, sebab ini kita bercakap tentang belanjawan negara. Kita tidaklah kata ketiga-tiga ini tidak berperanan langsung. Tidak begitu.

Walaupun Yang Berhormat Bayan Baru menunjukkan bukti bahawa dari segi perkembangan perniagaan, pelaburan, kontrak, tidak ada sangat yang boleh dikaitkan dengan sesiapa pun daripada tiga nama ini. Kalau kita hendak bercakap tentang perkembangan perniagaan, pelaburan dengan negara China, Tuan Pengerusi. Semua orang dalam Dewan ini kecuali mungkin Yang Berhormat Ayer Hitam tahu bahawa negara China ini amat agresif dalam perniagaan. Bukan di Malaysia sahaja. Di Latin Amerika, di Amerika Syarikat sendiri, di seluruh dunia mereka melabur dan berniaga. Tidaklah kita nafikan pentingnya negara China sebagai rakan niaga dan rakan labur tetapi tidaklah ianya bererti bahawa China dan Malaysia ini besar dan hebat hanya kerana sumbangan seorang bekas Presiden MCA [*Dewan riuh*]

Tidak begitu [*Dewan riuh*] Ini bukan tentang peranan kedutaan, Yang Berhormat Sungai Petani amat jelas tadi bahawa Duta dan kedutaan adalah sepatutnya diberikan peranan yang sepatutnya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** [*Bangun*]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Kedutaan kita boleh menjadi sekecil-kecilnya dan boleh juga menjadi sebesar-besarnya. Dengan jawatan dutalah, *Minister Council*lah, *First Secretary*lah, *Second Secretary*lah dan berbagai-bagai jawatan boleh diwujudkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, jiran sebelah bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Ada pula pejabat-pejabat lain. *Charity Affair*lah, *Honorary Council*lah yang berbagai-bagai kaedah yang Wisma Putra lebih bijak.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Kalau Tuan Pengerusi, kita hendakkan seorang Duta Khas, saya amat berminat kalau kerajaan ini, Yang Berhormat Arau memikirkan misalnya Duta Khas tentang isu Palestin, yang mana kita tidak memberi tumpuan, yang mana rakyat Palestin, rakyat di Gaza sekarang ini air minum tidak cukup, tidak ada elektrik pun tidak sampai dan sebagainya. Ini perlu.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tumpat setuju kah sebab tadi Yang Berhormat Ayer Hitam mengatakan bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting dia bukan *politician* lagi. Akan tetapi saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting bukanlah beliau tidak mahu jadi *politician* sebab dia ditolak oleh orang MCA sendiri [*Dewan riuh*] Betul atau tidak? Satu perkara lagi, tadi kita lihat Yang Berhormat Ayer Hitam dia kata usul daripada Yang Berhormat Bayan Baru ini mempunyai unsur politik.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya juga hendak kata di Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berhormat Ayer Hitam berhebat-hebat mempertahankan kedudukan Yang Berbahagia Ong Ka Ting untuk kepentingan pemilihan MCA yang akan datang pada Disember [*Dewan riuh*] Abang kepada Yang Berbahagia Ong Ka Ting pun tidak mempertahankan tetapi Yang Berhormat Ayer Hitam mempertahankan dengan begitu

hebat sekali. Tahniah kepada Yang Berhormat Ayer Hitam kerana mendapat undi daripada Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Tuan Pengerusi, tiga nama yang disebutkan ini iaitu Yang Berhormat Rompin, Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting dan Yang Berbahagia Datuk Seri S. Samy Vellu adalah bekas-bekas Menteri. Kita tahu senario tahun 2008 dan sebagainya. Tidak lagi jadi Menteri, kalah dalam pilihan raya dan sebagainya...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting mana ada kalah.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Ada seorang daripadanya kalah dan berbagai-bagai sebab *[Dewan riuh]* Jadi khidmat mereka sebagai Menteri sudah selesai. Mereka menjalankan mungkin tugas tertentu sebagai Menteri. Mereka tidak lagi Menteri dan bagi kes sahabat kita, Yang Berhormat Rompin, tidak lagi menjadi Menteri dan tidak lagi menjadi Duta di Washington D.C.

Walau bagaimanapun, mereka masih menerima pencen-pencen dan sebagainya. Jadi alangkah baiknya ketiga-tiga tokoh kita ini kalau mereka mengekalkan nama baik mereka dengan menjadi bekas Menteri, dapat pencen, dapat berniaga sebab bukan lagi Menteri dan sebagainya dan berkhidmat untuk negara kita tanpa meminta apa-apa pun bayaran bulanan yang tetap seperti itu.

Ini kemuliaan mereka. Bukan saya kata mereka tidak ada peranan, tidak boleh berperanan, tetapi untuk mendapatkan gaji tetap dan sebagainya. Jadi persoalan kita ialah sudahlah mereka mendapat elaun pencen Menteri, dapat elaun tetap sebagai Duta Khas dan sebagainya. Persoalan-persoalan bolehkah mereka berniaga dan sebagainya, bolehkah mereka pegang apa-apa jawatan yang lain dan sebagainya. Banyak saya fikir kerumitan-kerumitan yang terkena kepada mereka. Mungkin lah pertimbangan yang terbaik. Oleh kerana salah seorang daripadanya ada dalam Dewan ini, saya merayulah supaya lepaskan bayaran tetap ini dan harumkan nama mereka masing-masing sebagai bekas-bekas Menteri Kabinet yang berkhidmat untuk negara secara sukarela. Sudah tentulah perjalanan Yang Berhormat kita ke Washington D.C, ke Los Angeles kah, kelas pertama kah, hotel lima bintang kah, itu sudah tentu boleh dituntut sebab itu kos yang beliau tanggung ketika menjalankan tugas. Akan tetapi hendakkan elaun, saya fikir pada Yang Berhormat Rompin, RM27,000 ini tidak ada apa pun tetapi sahaja. Sahaja menjadi macam tabiat dan mengikut-ikut amalan merugikan hasil kutipan negara kita.

Jadi saya rayulah kepada yang terlibat, dengan usul ini, supaya sebagaimana yang saya dengar Yang Berhormat Ayer Hitam sebutkan tadi bahawa Tan Sri Ong Ka Ting melepaskan elaun. Itu saya fikir sesuatu yang kita amat setuju sebagaimana Yang Berhormat Pandan sebutkan tadi. Jadi saya dengan ini menyokong Yang Berhormat Bayan Baru yang mengusulkan peruntukan ini tidak diberikan kepada duta-duta khas ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jasin.

### **3.15 ptg.**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pertamanya saya bangun untuk bersama-sama untuk menolak usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru ini. Sebenarnya, untuk kita mempertikaikan sejumlah wang sebanyak RM980,000 dalam Kepala 1110100 adalah satu perkara yang cukup remeh sekali. Tanpa kita mengira pulangan yang dapat diraih oleh kerajaan dalam usaha yang telah dibuat oleh tokoh yang memang cukup terkenal ini.

Sebenarnya, Duta Khas ini tidak ada perkara-perkara yang aneh bahkan diamalkan di banyak negara. Bahkan apa yang dibuat oleh Malaysia pada ketika ini adalah selaras dengan Perlembagaan Malaysia dan juga selaras dengan apa yang telah diperuntukkan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jadi tidak boleh dipersoalkan benda ini lagi. Dalam masa yang sama, tiga individu yang telah dilantik sebagai penasihat dan juga sebagai Duta Khas ke Amerika, China dan juga India adalah berdasarkan daripada pengalaman mereka, pengetahuan mereka, kepakaran mereka. Kita tahu bahawa mereka sebenarnya mempunyai latar belakang yang cukup hebat sekali.

Tuan Pengerusi, tujuan kita untuk menghantar Duta Khas ini adalah untuk mempertingkatkan hubungan baik kita dengan ketiga-tiga negara ini. Bagi membantu kerajaan untuk mempertingkatkan usaha-usaha dan juga kepentingan strategik, terutama dalam perdagangan dan juga pelaburan. Kita lihat pada ketika ini apa yang telah dipersoalkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru, yang pertamanya, hujah beliau ialah mengapakah negara kita menghantar Duta Khas ke negara-negara yang disebut begini. Kerajaan seolah-olah tidak percaya kepada Duta profesional yang merupakan pakar dalam hubungan luar.

Kita sebut, sebenarnya duta yang sedia ada ini adalah *G-to-G*. Walaupun mereka mempunyai pegawai-pegawai dalam semua bidang, tetapi dalam masa yang sama kita

menghantar kepada tiga buah negara yang kita dapat lihat bukan sahaja negara-negara *emerging economies* bahkan negara yang mempunyai rakan dagang yang terbesar bagi Malaysia. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh menghantar seorang Duta dan juga termasuk pegawai dan pegawainya ke negara-negara yang mempunyai penduduk hanya 10 juta, kenapa kita tidak boleh menghantar Duta Khas kepada negara-negara yang mempunyai penduduk sebanyak 1.35 bilion seperti China dan juga India sebanyak 1.27 bilion. Amerika pula mempunyai 315 juta orang.

Jadi ketiga-tiga negara ini kalau dicampurkan, dia mempunyai penduduk seramai 2.83 bilion dan merupakan sebanyak 40% daripada penduduk dunia. Itu pentingnya kita adakan duta-duta khas ini. Selain daripada untuk kita mempertingkatkan hubungan baik bahkan kita dapat mempertingkatkan hubungan dagang kita.

Tuan Pengerusi, selepas itu ada disebut di sini, duta-duta khas kita mempunyai gaji yang cukup besar. Jadi kita tidak payah persoalkan jumlah. Amaun itu tidak menjadi soal tetapi kita hendak tanya, apakah sumbangan mereka? dan apakah yang telah diraih oleh kerajaan kita? Contohnya kawan saya ada sebut daripada Ayer Hitam, sebenarnya daripada negara China sahaja walaupun pada ketika ini pertumbuhan dunia pada peringkat yang perlahan, tetapi kita dapat lihat bahawa eksport kita bertambah kepada dua negara iaitu daripada negara China dan juga negara India dengan cukup ketara sekali. Walaupun kita mendapati ada penurunan eksport kita ke negara Amerika, ini sebab masalah krisis ekonomi mereka.

Jadi saya dapat lihat bahawa apa juga hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Bayan Baru ini terlalu remeh dan seharusnya kita tolak usul ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

■1520

3.20 ptg.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyebut di sini bahawa apabila kita melantik duta bagi negara-negara yang menerima duta-duta kita ataupun pegawai-pegawai kita, sudah tentu baik di mata mereka duta ialah duta. Maknanya, duta ialah orang yang mewakili negara kita. Sebab itu di kedutaan-kedutaan kita Tuan Pengerusi, kita ada pegawai-pegawai yang kita latih khas. Pegawai-pegawai yang melalui semua proses sama ada *training* ataupun pendedahan. Malah kebanyakan daripada pegawai-pegawai kita, sebelum dia menjadi duta, dia telah pun melalui pelbagai kursus, pelbagai pendedahan. Malah sebelum mereka pergi ke

Amerika, India atau China, paling tidak mereka sudah buat tiga atau empat *tours*. Ini bermaksud orang-orang ini, pegawai-pegawai ini, pegawai-pegawai profesional ini telah pun melalui proses yang cukup panjang. Mereka ini ialah di kalangan yang cukup *senior* di Amerika, di India dan juga China.

Adapun kebangkitan perniagaan-perniagaan ini sudah tentulah bukan dalam satu dua hari ini. Kebangkitan dan hebatnya industri ataupun perniagaan sama ada dengan China atau di Amerika tentulah usaha-usaha telah dilakukan oleh pegawai-pegawai lama dah. Daripada MITI atau MATRADE dahulu atau pegawai-pegawai yang ditempatkan, mereka telah pun melakukan kerja-kerja yang cukup lama. Hasil daripada kerja mereka inilah menyaksikan hasilnya sekarang, bertambahnya perdagangan kita.

Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, untuk melantik- ini satu *precedence* yang saya kira tidak elok. Baik, katakanlah hari ini kita cuba melantik tiga atau empat. Apa kata esok lusa ataupun tahun depan, kita memerlukan banyak lagi duta-duta? Kalau perniagaan kita di *South America* bertambah, adakah kita akan lantik lagi duta khas? Mungkin kita akan ada 10 ke 20 orang duta khas? Ini tidak mungkin akan berlaku, sebab itu harus kita berikan *empower*.

Kalau kita ada hendakkan perdagangan dengan *South America*, kita *empower* duta-duta kita. Apa masalahnya? Panggil mereka, bagi latihan, bagi ruang kerana enjinnya berada di Kuala Lumpur. Kementerian-kementerian beritahu duta-duta kita, ini adalah *angle* yang kita hendak ambil.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Sungai Petani mana faham, tak faham punya. Apalah.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Apa yang tak faham? Yang Berhormat Pekan tak faham?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Sungai Petani tak faham.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Macam mana Yang Berhormat Sungai Petani tak faham? Saya bekas... [*Dewan riuh*]

Saya tahu bagaimana ia berjalan. Sebab itu yang kita nak sebutkan di sini ialah kita kena *empower*, kita kena beri. Kalau kita lantik duta-duta khas ini seolah-olah...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani, tak perlu layan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Seolah-olah dengan sendirinya peranan dan tugas duta-duta satu hal. Kedua...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Petani, kalau dia tak bangun, dia kongkalikung juga.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ha, okey. Terima kasih.

Jadi, sebab itu saya dengar daripada semalam lagi dia pun kongkalikung juga. Sebab itu kita katakan daripada kita melantik duta-duta khas dengan memberikan pendapatan tetap kepada mereka.

Saya cadangan supaya berikan *empowerment* yang lebih, berikan garis panduan dan tujuan yang jelas. Menteri-Menteri MITI, menteri-menteri Wisma Putra, harus memberikan pandangan dan juga panduan yang lebih jelas ke mana kita hendak pergi. Sudah tentu saya rasa pegawai-pegawai yang kita latih ini dan lantik ialah mereka mewakili kita, mewakili Kerajaan Malaysia. Sudah tentu mereka tahu apa yang mereka hendak buat. Masalah yang paling besar Tuan Pengerusi, saya nak sebut di sini ialah apabila wujudnya duta-duta khas ini. Dia tidak berada dalam struktur yang ada. Dalam banyak hal, duta-duta ini akan mengganggu perjalanan pentadbiran di negeri tersebut.

Duta-duta kita terpaksa melayan dua keadaan. Duta khas pun ada, duta tetap pun ada, pegawai pun ada. Kadang-kadang struktur inilah yang akan porak-peranda keadaan. Ya, Yang Berhormat Air Hitam, saya beri balik. Tak ada masalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Air Hitam.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih. Ini secara *reciprocal* kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Saya tertarik dengan hujah-hujah daripada rakan di sana, kata *political empowerment* dan sebagainya. Saya tertarik juga di Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Dilantik pula *political liaison officer*, Saiffudin yang kalah. Yang Berhormat bekas Exco kanan, oh dah tak ada, dia buang, dia tak mahu, mungkin. Kenapa dilantik macam itu dan kenapa Pakatan Rakyat boleh, Barisan Nasional tidak boleh? [Tepuk] Apakah lebih *significant*, apa sumbangannya? [Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani, berucap menghadap kepada Speaker.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama sekali, saya nak katakan bahawa Yang Berhormat Air Hitam juga sebut tentang Datuk Saiffuddin. Dia dilantik sebagai pegawai, bukan dia dilantik sebagai khas, dia dilantik dalam *establishment* yang ada [Dewan riuh]

Yang ini *establishment* yang tidak ada, sebab itu dia khas, yang ini bukan khas. Baik, yang kedua Yang Berhormat Air Hitam juga menyebut bahawa penasihat ekonomi di Jerneh. Penasihat ekonomi tidak ambil duit, tidak ambil gaji. Untuk maklumat Yang

Berhormat Air Hitam, penasihat ekonomi Selangor tidak ambil gaji dan tidak ada peruntukan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Selangor untuk itu, jelas...

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tak adil, PAS tak ada.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Akhir sekali Tuan Pengerusi, akhir sekali. Saya nak sebut ialah kalau pun kita perlukan bekas wakil rakyat Bayan Baru dahulu untuk nak bagi *reward*, yang kalah dahulu. Hantar dia ke Indonesia. Tak apa, boleh. Dia bekas ahli politik, bekas Ahli Parlimen, boleh. Dia kalah, hantar dia ke duta, biar dia jadi duta, *a full fledge ambassador*. Tak ada masalah tetapi dia mestilah melaksanakan tugas sebagai *ambassador*. Akan tetapi kalau dah ada *ambasador* itu, kita pula hantar lagi duta khas, bayangkanlah bagaimanakah kerja-kerja yang...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sebab itu, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjung Karang. Lepas Yang Berhormat Tanjung Karang, Yang Berhormat Gombak, lepas itu minta menteri jawab.

### 3.26 ptg.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya bangun nak menolak usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Bayan Baru ini. Saya dengar hujah daripada Pembangkang terutamanya Yang Berhormat Sungai Petani tadi, Yang Berhormat Tumpat. Dia tak faham peranan duta khas bertaraf menteri dengan duta biasa. Duta bertaraf Menteri, duta biasa ini dia berhubung dengan pegawai-pegawai kerajaan di negara tersebut. Akan tetapi hubungan terus dengan *politician* di negara tersebut memerlukan bertaraf Menteri.

Saya ambil satu contoh sahaja, pengalaman saya sebagai Menteri. Apabila kita berurusan dengan Kerajaan Negeri China untuk menyelesaikan masalah pengimportan barang sarang burung, benih. Saya dah sains, kita dah buat tandatangan dan akhirnya dengan pertolongan Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting, betul Menteri pergi, saya pergi. Saya pergi buat tandatangan, kita makan tengah hari sampai empat jam dengan Menteri Pertanian tetapi siapa nak buat *follow up*? Jadi, nak buat *follow up* ini ialah macam Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting. Dia bertaraf Menteri, jadi dia boleh berhubung terus dengan Menteri yang berkenaan. Proses-proses itu hendaklah di *follow up* dengan peringkat *politician* yang membuat dasar di sana.



Jadi, ini satu tugas yang berbeza, lebih-lebih lagi sebahagian negara yang kita hantar ini penduduknya begitu ramai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjung Karang, Yang Berhormat Pandan bangun.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Celah. Yang Berhormat Tanjung Karang, mencelah sikit ya. Sikit sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Bagus contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang tadi. Akan tetapi kalau Menteri Kabinet, seorang Menteri Pertanian, sampai dah sains perjanjian, pergi mesyuarat empat jam. Masih lagi tidak boleh menyelesaikan masalah sehingga terpaksa ambil orang lain sebagai duta khas untuk selesaikan masalah [*Dewan riu*] Patutlah dia kena buang daripada Kabinet sebab orang lain lebih layak daripada dia untuk menyelesaikan masalah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak apalah, saya...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Sebab itu kena gugur.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Saya agak sekarang ini Yang Berhormat Pandan ini, Yang Berhormat Pandan dahulu ini Pengarah Strategi Negeri Selangor. Ada gaji kah tak ada gaji, saya tak tahulah. Saya nak tanya Yang Berhormat Pandan, ada dapat elaun tak masa jadi Pengarah Strategi itu, berapa elaun dapat?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Tak ada jawatan Pengarah Strategik Negeri Selangor tu. Tipu itu dalam Dewan

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Gaji dapat tak, elaun dapat tak?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Jawatan itu tak ada, jawatan itu tak ada.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak elaun, elaun ada dapat tak? [*Dewan riu*] Tak, saya nak rakamkan, nak tanya, dapat elaun kah tak dapat Yang Berhormat Pandan ni? Jadi kalau dapat elaun cakap lah dapat elaun. Kalau tak dapat elaun, cakap tak dapat. Kita nak tengok nanti. Kita boleh buktikan. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Pandan secara ikhlas, ada dapat elaun kah atau tak dapat elaun? Tolong cakap secara ikhlas untuk dirakamkan dalam *Hansard* ini.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Jawatan sebagai Pengarah Strategik Negeri Selangor itu tak ada. Jadi benda tu tak timbul. Jawatan sebagai Ketua Eksekutif di Pejabat Penasihat iaitu satu jawatan di dalam kerajaan negeri yang memang ada

*[Disampuk]* Itu bukan satu jawatan bertindih seperti mana yang kita bahaskan hari ini. Masalahnya kita ada jawatan bertindih untuk ahli-ahli politik yang telah pun bersara daripada politik *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, apa jawatan pun kita tak payah kesah lah. Jawatan bodek kah, apa kah, saya tak kesah. Saya nak tanya, ada dapat elaun kah, tak dapat elaun? Itu soalan saya. Dapat tak elaun daripada kerajaan negeri? Itu yang saya nak dapat penjelasan. Kalau dapat elaun, berapa elaun dapat?

■1530

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Jawatan... Jangan lari daripada yang ini. Yang Berhormat Tanjong Karang, jangan lari daripada ini *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pandan, tidak perlu respons.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kita jawab dengan mudah iaitu apabila menteri-menteri memberi alasan, mereka memerlukan banyak penasihat kiri, kanan, depan, belakang, orang yang telah kalah pilihan raya untuk melakukan tugas mereka. Itu memakan wang rakyat yang besar. Yang Berhormat Ayer Hitam sudah sebut bahawa bekas Menteri ini sanggup bertugas tanpa mengambil elaun. Jadi, mudah kita minta supaya elaun yang tidak seberapa ini dipotong supaya boleh diberi untuk peruntukan lain untuk rakyat yang lebih penting. Susah sangatkan itu untuk diterima oleh wakil-wakil daripada Barisan Nasional?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak mengapa. Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan, saya ada ulasan saya. Sebelum saya jawab itu, saya hendak tanya Yang Berhormat Pandan dahulu ini. Dia kata tadi Ketua Eksekutif Pejabat Menteri Besar, adakah Menteri Besar Selangor ini tidak berapa cerdik yang memerlukan penasihat? Itu soalan saya yang pertama. Kedua, soalan saya ialah elaun. Dapat tidak elaun? Itu yang saya tanya. Tolong beritahu berapa elaun Yang Berhormat dapat. Berapa banyak? Kalau tidak dapat, tidak mengapalah. Kalau tidak dapat, Yang Berhormat memang layaklah. Itu sahaja saya tanya. Dapat tidak elaun?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, setiap perbelanjaan yang dibayar kepada saya telah didedahkan di dalam Dewan Undangan Negeri setiap kali ada persidangan. Jadi, sila rujuk *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudahlah.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tunggu dahulu. Ia berbeza di antara jawatan yang diambil, diwujudkan di dalam agensi kerajaan negeri yang merupakan

perjawatan rasmi. Berbeza dengan jawatan-jawatan yang penasihat-penasihat seperti ini. Soalan yang Yang Berhormat Tanjong Karang tidak jawab ialah, kenapa dia tidak boleh menyelesaikan masalah *bird nest*, tadi sampai perlukan Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting untuk selesaikan. Itu perlu jawab dahulu sebab kita hendak tahu adakah sebab itu dia digugurkan daripada Kabinet.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, dia ini pekak barangkali. Dia pekak. Saya kata saya akan jawab. Sebelum saya jawab yang soalan ditanya, saya hendak tanya dahulu Yang Berhormat Pandan, berapa ribu dapat sebagai elaun Penasihat kepada Menteri Besar, yang Menteri Besar pun tidak berapa cerdas. Itu Yang Berhormat Gombak berangan hendak menjadi Menteri Besar. Jadi berapa? Tolong beritahu dalam Dewan. Tolong beritahu dalam Dewan ini, berapa elaun Yang Berhormat?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kalau hendak tanya tentang Dewan Undangan Negeri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang dan Yang Berhormat Pandan, sebenarnya tidak mengikut peraturan ini. Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tahu berapa elaun dia. Saya tahu. Itu sebab dia malu hendak cakap dalam Dewan ini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Langsung tidak ada kaitan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi, oleh sebab itu, pembangkang ini dia beginilah perangnya, salah dia tidak nampak, "*Kata dulang paku serpih, kata orang dia lagi lebih*". Saya hendak jawab. Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu tidak tugas kita sebagai Menteri? Saya dan Menteri telah sains perjanjian, *follow up* di kalangan pegawai-pegawai. Bila pegawai-pegawai dia kita buat perjanjian, ia ada prosedur-prosedurnya. Pegawai-pegawai China perlu datang melihat rumah burung di sini bagaimana. Kemudian pegawai kita perlu pergi bawa *presentation* kepada dia. Takkan itu pun Menteri hendak pergi melawat sarang burung?

Jadi, sebab itu kita hendak *follow up* daripada duta khas kerana duta khas lebih ada akses terus kepada Menteri Pertanian di sana. Jadi, ini di antara tugas yang dibuat. Ini contoh yang saya buat. Jadi, pembangkang jangan hendak putar belitkan fakta. Bila kena batang hidung, hendak berpusing-pusing jawab. Oleh itu, pembangkang punya hujah ini Tuan Yang di-Pertua, betul-betul buang masa. Kita tolak sahaja dan saya cadang usul ditolak [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Gombak, Menteri jawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menggulung perbahasan pada petang ini tentang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak bukan penasihat Menteri Besarkah? Dia hendak jadi Menteri Besar, tidak mahu jadi penasihat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** ...Dan juga untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Saya kira usul ini penting mendapat sokongan daripada semua pihak kerana ia memberikan dan menitikberatkan soal perbelanjaan yang berkhemah. Kalau kita lihat tiga nama yang dicadangkan itu pun, mereka ini telah pun tewas di dalam pemilihan sama ada di peringkat kerajaan atau pun di peringkat parti. Ini semua adalah mereka yang dikitar semula untuk menjalankan tugas tersebut, sedangkan mereka ketiga-tiga ini adalah Menteri Kabinet sebelum ini. Mengapa ketika duduk di dalam Jemaah Menteri Kabinet, mereka tidak boleh jalankan tugas. Sudah terpelanting, baru hendak dikitar semula dan hendak mainkan peranan kononnya untuk meningkatkan pelaburan negara. Ini tidak boleh diterima langsung.

Kita telah bincang tadi di mana peranan duta. Apakah kita tidak menghormati peranan duta-duta kita? Kalau Yang Berhormat Tanjong Karang mencadangkan duta khas berurusan dengan orang politik, duta yang dilantik oleh Kementerian Luar berurusan dengan pegawai. Ini tidak munasabah. Yang Berhormat Rompin tahu. Dia juga ada peluang untuk berbincang dengan pimpinan politik di Amerika Syarikat. Duta-duta asing yang berpusat di Kuala Lumpur juga ada akses kepada pimpinan politik dalam negara kita. Maknanya apa? Maknanya, UMNO ini tidak menghormati sumbangan yang dibuat oleh duta-duta yang telah kita lantik. Terpaksa melantik orang-orang politik yang dikitar semula.

Bukan setakat duta sahaja yang kita wujudkan di setiap negara tetapi kita juga ada pejabat MIDA. Kalau fokus perbincangan kita pada petang ini untuk meningkatkan pelaburan, di mana peranan MIDA? MIDA ini terletak di bawah MITI. Kita tahu Yang Berhormat MITI sering mengadakan misi pelaburan untuk mendapatkan pelaburan bagi negara kita. Bukan setakat Menteri, pegawai tetapi MIDA yang menganjurkan misi-misi pelaburan ini kerana MIDA lebih arif tentang sektor pelaburan negara yang perlu dipertingkatkan. MCA dia reti apa? MIC tahu apa? UMNO lagi tidak tahu apa [Ketawa] Tidak.

Saya hendak tegaskan di sini, sementara mereka hendak meremehkan peranan duta, kita lupa peranan MIDA itu penting. MIDA yang terletak di bawah MITI, tugasnya satu, untuk memastikan pelaburan negara ini dipertingkatkan. Itu bidang, sektor mereka. Akan tetapi mengapa MIDA juga cuba diketepikan dan peranan mereka cuba diperlekehkan. Menteri ada misi pelaburan, MIDA anjurkan. Perdana Menteri berjalan setiap minggu ke luar negara. Maknanya, Perdana Menteri gagal menarik pelaburan, Menteri MITI gagal, MIDA gagal, duta gagal. Orang yang berjaya meningkatkan pelaburan, Presiden MCA, Presiden MIC dan Ketua Bahagian Rompin. Ini tidak munasabah sama sekali.

Belanja yang dibuat oleh Perdana Menteri menggunakan pesawat-pesawat jet kerajaan RM182 juta untuk *maintenance* dengan minyak sahaja. Belum lagi sewa pesawat. Maknanya, peranan Perdana Menteri pun tidak dipedulikan, Menteri MITI pun tidak dipedulikan, MIDA pun diketepikan, duta pun diketepikan. Orang yang hebat, Presiden MCA, Presiden MIC dan wakil UMNO daripada Rompin. Ini sudah tentu tidak munasabah. Kalau kita lihat daripada kenyataannya, akhirnya MCA boleh pergi ke China, MIC boleh pergi ke India dan Bangladesh, pelabur akhirnya datang ke negeri Selangor dan Pulau Pinang. *[Disampuk]* Bukan syok sendiri.

Daripada statistik pelaburan yang dikeluarkan oleh MIDA, bukan soal siapa pergi, MCA atau MIC. Dia lihat kepimpinan negeri itu, wibawa atau tidak. Bila dia lihat Melaka, Negeri Sembilan, Perak, ini semua tidak boleh pakai. Akan tetapi dia lihat Selangor, ini negeri yang mesti kita bawa pelaburan. Dia lihat Pulau Pinang, ini negeri bawa pelaburan. Oleh sebab ini kedua-dua negeri di bawah Pakatan Rakyat, bukan UMNO dan Barisan Nasional.

Jadi, sebab itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh dapat penjelasan?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia jaga udang pun gagal, bagaimana hendak bahas soal lain ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak mengapa, boleh? Sudah boleh beri jalan?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tegaskan di sini, akhirnya...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh beri jalan tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak beri jalan.

■1540

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Akhirnya ialah usul dibawa oleh...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Fakta tidak betullah Yang Berhormat. Selangor punya pelaburan hujung tahun ini.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Yang Berhormat Bayan Baru. Ini ikutlah peraturan mesyuarat [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Selangor dahulu nombor satu sekarang nombor empat. Ini fakta tidak betul, tipu Dewan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Membawa satu usul yang saya kira penting...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Lebih banyak pelaburan. Yang Berhormat tengok MIDA punya perniagaan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ..Yang harus kita sokong dan luluskan bukan ...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [*Menyampuk*] Menipu dalam Dewan tidak habis-habis. Cakap tidak ikut fakta.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Bukan soal peribadi tetapi yang penting belanja itu mesti berhema.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Malulah Selangor merudum nombor empat. Pelaburan sahaja banyak...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Janganlah terlalu boros dan tidak bertanggungjawab. Oleh sebab itulah saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Bayan Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.41ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan jawapan, saya hendak memperbetulkan dahulu Yang Berhormat Gombak dalam kenyataan terakhir kita buat di China, berbagai-bagai akhirnya pergi ke Selangor. Itu tidak betul. Oleh sebab Yang Berhormat Ayer Hitam sebut tadi yang dilaburkan itu di Kuantan, Pahang bukan di Selangor. Yang dibawa [*Disampuk*] Sekejaplah! Saya baru..

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...Lihatlah jumlah pelaburan keseluruhan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Nanti sekejap, sekejap. Oleh sebab itu saya kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Saya sebut tadi MIDA nya...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Itu MIDA...

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** ...MITI nya, dutanya, semua!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Akhirnya pelabur datang ke Selangor dan Pulau Pinang. Dia tidak tengok pun Johor.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tidak Yang Berhormat, dia pergi ke Kuantan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat bercakap saya dengar sahaja. Saya dengar. Saya cuma betulkan. Kalau tidak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ya, boleh-boleh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Betul kah fakta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak yang mengatakan pelabur-pelabur lebih berminat datang ke Selangor. Sejarah dalam Selangor tahun 2013, Selangor yang paling rendah sekali mendapat pelaburan jatuh kepada nombor empat. Saya hendak cabar dia. Ini fakta daripada MIDA. Macam mana seorang Timbalan Presiden boleh membuat kenyataan yang tidak betul di dalam Dewan. Ini yang menunjukkan bercakap tidak tengok fakta. Mengikut emosi. Dia ingat Selangor ini hebat sangat. Selangor akan merudum kalau terus di bawah PKR ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh juga bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sebenarnya kalau kita sebut pelaburan di Selangor, itu yang dia kata itu adalah pelaburan dari segi perindustrian. Akan tetapi kita juga harus lihat pelaburan dari segi perkhidmatan, hartanah dan juga lain-lain [*Dewan riu*] Sebenarnya sumbangan bagi pelaburan untuk *service sector* sebenarnya jauh lebih tinggi tetapi ini tidak dimasukkan ke dalam pengiraan MIDA.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat yang lain diam ya [*Dewan riu*] Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey baik. Saya bukan apa. Saya hendak menarik balik kepada usul. Kalau Yang Berhormat Seputeh hendak bercerita tentang pelaburan, MIDA, MITI, boleh cerita. Oleh sebab itu saya betulkan tadi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Kita bercakap tentang tiga nama yang disebutkan dalam usul. Kalau bercakap tentang China yang diusahakan di bawah pemantauan Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting, dia tidak melabur di Selangor. Itu sahaja yang saya betulkan. Saya tidak menafikan sumbangan orang lain melalui MIDA, MATRADE dan sebagainya. Saya cuma cakap panjang lebar Yang Berhormat Ayer Hitam cerita tadi yang dibawa, yang dipantau oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting atas jawatan yang diberikan adalah pelaburan yang paling besar di negeri Pahang. Itu sahaja saya hendak beritahu. Saya tidak menafikan mungkin Selangor dapat banyak. Nanti bawa usul lain, kita cerita fasal Selangor. Kita bagi semua tentang Selangor.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Di Kuantan, sebab wakilnya daripada Keadilan dan Pakatan Rakyat, sebab itu dia pergi Kuantan [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Tanjong Karang bangun lagi.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Pun bolehlah kalau Yang Berhormat selesai dengan itu pun, saya tidak ada masalah. Saya hendak cuba kita perbaiki balik dalam Dewan ini ada perkara mustahak untuk kita putuskan. Kalau hendak cerita Kuantan itu kerana Parlimennya tidak apa, tidak ada masalah. Sila..

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak betulkan fakta. Ini fakta daripada MIDA. Dalam tahun 2012, pelaburan di Selangor RM11.7 bilion. Tahun ini merudum sehingga RM1.8 bilion. Ini daripada MIDA. Yang cakap perkhidmatan-perkhidmatan ini betul, Selangor rumah urut banyak, apa lagi? Kelab malam banyak. Apa lagi? Tukang urut banyak. Memanglah banyak untuk perkhidmatan. Kalau hendak



dapat- kalau hendak dapat perkhidmatan, hendak dapat perkhidmatan rumah urut ini tidak perlu pergi ke Golok, datang Selangor banyak kemudahan-kemudahan rumah-rumah 'enjoy' ini semua. Ini daripada MIDA, janganlah pusing-pusing cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Seputeh dahulu Exco Industri tetapi sebab dia sudah tidak menjadi Exco Industri, itu yang merudum itu. Kalau bagi dia dulu agaknya sudah naik atau tidak pelaburan di Selangor?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Baik. Saya sambung ya. Saya teruskan. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya cuba untuk menjawab sembilan orang yang telah bangkit untuk membahaskan usul Yang Berhormat Bayan Baru tetapi awalnya saya menafikan dakwaan bahawa pelantikan seperti yang dinyatakan dalam usul Yang Berhormat Bayan Baru bahawa ianya dibuat tidak mengikut objektif yang telah ditetapkan, ada berlaku pertindihan dan adalah satu pembaziran wang rakyat yang langsung tidak membawa faedah adalah saya nafikan. Ini kerana perkara yang dibangkitkan oleh sebahagian Ahli Yang Berhormat termasuk daripada Jasin, Tanjong Karang dan Ayer Hitam sebenarnya tidak ada penghinaan kepada kedutaan, tidak disebutkan pun. Cuma ada di kalangan Ahli Yang Berhormat sebaliknya mengatakan bahawa telah mengganggu kerja-kerja duta.

Saya ingin menyatakan bahawa kesemua yang dilantik itu telah pun menandatangani perjanjian. Perjanjian ini mesti ada penawaran, penerimaan dan juga balasan - *offer acceptance, consideration*. Ada tugas-tugas yang diberikan dalam perjanjian perkhidmatan. Sama seperti lain-lain perkhidmatan. Isunya di sini orang. Kalau namanya Ali bin Ahmad, saya rasa ia tidak menjadi isu.

Akan tetapi disebabkan kita semua orang politik, kita kena Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting, kita kenal Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu, ia menjadi seolah-olah satu masalah. Ada banyak tugasannya di situ yang tidak perlu saya baca sebab ini perjanjian yang ditandatangani. Sama ada Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting menolak gaji yang diberikan, itu dia. Yang Berhormat pun boleh sebagai Ahli Parlimen. Ada peruntukan bayar gaji tetapi saya tidak mahu, tidak apa. Akan tetapi dalam perjanjian tidak boleh kalau kita beri tugas tidak bayar gaji. Jadi kerajaan menyediakan gaji.

Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting sampai satu peringkat merasakan bahawa dia tidak mahu menerima sebab mungkin dia sudah mendapat manfaat yang banyak sepanjang Kerajaan Barisan Nasional ini dan dia hendak pulangkan semula. Itu tugas.

Akan tetapi dalam perjanjian tidak bolehlah kita kata dia tidak perlu dibayarkan gaji. Tidak ada orang buat kerja *pro bono* untuk satu-satu perkara. Cuma pilihan itu adalah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting.

Untuk pertanyaan-pertanyaan mengenai apa yang dibuat oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu. Saya ingin baca di sini. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam penerbangan ke Sri Lanka dan Bangladesh. Dia akan tengok dan saya rasa ada beberapa perkara yang akan diumumkan dalam lawatan tersebut. Saya boleh baca antara perkara yang akan dilihat.

Akan tetapi Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu semasa menjadi Menteri Kerja Raya, semasa menjadi Menteri pun beliau telah berjaya membantu syarikat-syarikat negara mendapat projek berjumlah RM25 bilion pembangunan di India. Ini tidak ada masalah dahulu sebab orang kata dia Menteri. Akan tetapi kalau sesiapa pernah pergi ke India, penghormatan yang diberikan kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Samy Vellu ini sebenarnya sangat baik. Kepercayaan itu wujud. Sebab itu saya ingin menyangkal seolah-olah hubungan ini sentiasa segar, baik semua bersetuju, saya tidak nampak tidak ada yang tidak bersetuju. Akan tetapi untuk mereka memilih mana hendak labur, dia akan tengok kepada tempat yang diyakini dan dia datang ke Malaysia kerana keyakinan tersebut. Ekonomi dunia hari ini sangat kompetitif.

Yang Berhormat Sungai Petani saya hargai pengalaman tetapi zaman Yang Berhormat bekerja di kedutaan tidak sama dengan kerja pada hari ini. Saya ambil contoh, China adalah sebuah negara yang besar dan tenteranya lebih ramai daripada rakyat kita. Baru tentera sahaja. Contohlah bukan untuk menafikan sesiapa-siapa. Di China, kita ada seorang duta yang berpangkalan di Beijing, Duta Besar Malaysia. Kemudian kita ada pejabat *Consulate General of Hong Kong*, pejabat *Consulate General of Malaysia* di Kunming, pejabat *Consulate General of Malaysia* di Shanghai dan penjabat *Consulate General of Malaysia* di Guangzhou.

Ini sahaja mempunyai potensi yang besar pun tidak cukup sebenarnya untuk mereka. Saya tidak dengar pejabat kedutaan kita menimbulkan protes atas lantikan, malahan ada di sesetengah tempat, yang ini Yang Berhormat Rompin boleh bersetuju dengan saya. Sewaktu beliau sebagai dilantik Duta di Amerika Syarikat, ramai sebenarnya yang berasa lega. Oleh kerana apa? Kerana tiga perkara. Keckerapan, ketepatan, kecepatan.

Banyak isu tidak dapat diputuskan dengan cepat, tepat dan dengan kadar yang kerap kerana perkara berlaku sangat cepat. Dengan pelantikan-pelantikan ini ada perkara yang diberikan tumpuan telah dapat kita selesaikan dengan lebih berkesan. Ini semua

sebenarnya ada di dalam transformasi kerajaan yang terpaksa juga Yang Berhormat Rompin sangat tahu. Terpaksa ke Amerika memberikan penjelasan apa Negara Malaysia hendak buat. Untuk apa? Untuk memberi keyakinan bahawa GTP, ETP Malaysia ada banyak potensi.

■1550

Akhirnya memberi satu perspektif berbeza kepada Amerika Syarikat. Untuk pengetahuan Dewan, tiga negara ini dipilih kerana ia menyumbang kepada 25.4% dagangan negara. China tidak ada orang boleh nafikan potensi cukup besar, kuasa membeli cukup banyak. India cukup besar, dan Amerika cukup berpengaruh- *super power*.

Kalau kita hendak buat dengan semua, macam tadi ada yang tanya kenapa tidak buat tempat lain? Boleh, sebab benda ini adalah satu perkara yang diputuskan di bawah SPA. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan dan dia dipersetujui, ditandatangani tetapi kita tidak adalah membazir duit rakyat buat dekat negara-negara kecil. Di China, kompleksitinya saya rasa sangat hebat. Kalau kita rasa kita kompleks, China lagi kompleks. India, satu negara yang sangat kompleks.

Akan tetapi, *alhamdulillah* peningkatan pelaburan eksport dari tahun 2006 ke 2012 menunjukkan peningkatan 108%. Untuk negeri China, import meningkat 57% dan perdagangan keseluruhan 79.1%. Di India pun sama. Sebelum saya terlupa, saya hendak bacakan tadi antara perkara yang akan dikendalikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah tugas yang disebut tentang Yang Berbahagia Dato Seri Sammy Vellu tadi. Di Bangladesh, mereka akan melihat kembali *memorandum of understanding between the Government of Malaysia and the Government of The People Republic of Bangladesh on cooperation in the field of infrastructure in The People Republic of Bangladesh*. Ini kita telah tandatangani pada Oktober 2011. Satu. Dengan izin ya.

Saya tidak boleh umum di sini sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perjalanan, dan akan membuat pengumuman di sana ya terhadap satu-satu perkara tersebut.

Nombor dua, *memorandum of understanding between the Government of Malaysia and the Government of People Republic of Bangladesh atas the construction of the Padma Multipurpose Bridge and their associated facilities including the infrastructure project of Bangladesh*.

Nombor tiga, mengenai *infrastructure development and the field of railways service* di Bangladesh; dan keempat, *cooperation and infrastructure development of the 1,322 megawatt whole based power plant in Margish Khali* dan di India ada satu

kerjasama dengan Kerajaan Karnataka. Di Bangladesh tadi nombor empat, tidak ada tentang buruh, pengundi 40 itu dia tidak buat. Tidak ada dalam itu. Akan tetapi, yang itu sedang dalam penelitian yang betul di sebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Oleh sebab dalam pembacaan dan pengumuman tentang berapa bilion yang telah pun diberi jaminan.

Hal ini kerana semua akan memberi refleks dalam dagangan negara yang akhirnya dapat menyumbang kepada usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi tahun 2020. Kita sebenarnya hendak minta sokongan Yang Berhormat untuk jayakan perkara ini. Bukan melihat kegagalannya dan kita dapat meraikan kegagalan kerajaan kita dan akhirnya gagal menjadikan Malaysia negara maju.

Jadi, kita harap bahawa perkara-perkara ini dapat kita bentuk dan di India sendiri kita ada pejabat duta di New Delhi, pejabat konsul di Chennai dan pejabat konsul di Mumbai. Pertambahan-pertambahan ini juga berlaku daripada zaman dahulu hingga sekarang. Jadi, perkara ini sebenarnya adalah perkara yang pada saya tidak pun menimbulkan kekeliruan sebab yang keliru ini mungkin mereka yang tidak tahu. Jadi, yang tidak tahu ini saya hendak beritahu, bahawa kesemua inisiatif ini adalah mustahak apatah lagi untuk membawa kekerapan, ketepatan dalam operasi kita, termasuk cepat.

Ini kerana zaman hari ini tidak boleh tunggu dan juga membezakan di antara pentadbiran *government-to-government*, dengan izin, dan *government-to-business*. Kita nampak bahawa segala perkara yang dinyatakan tadi saya tidak mahu ulas balik sebab ia betul. Yang Berhormat Ayer Hitam menyatakan perkara yang sangat tepat tentang itulah jumlah terkini mengenai pencapaian apa yang diletakkan di bawah Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting yang pada saya sedang menunjukkan bunga-bunga hasil kepada kejayaan tersebut. Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawab panjang lebar. Usul saya tidak mempertikaikan ada usaha baik daripada Yang Berbahagia Tan Sri Ong Ka Ting, Yang Berbahagia Dato' Seri S. Sammy Vellu dan juga Yang Berhormat Rompin membawa pembangunan.

Cuma kita hendak tahu bahawa belanja besar itu cukup besar. Okey, RM27,000 lebih. Malah, diberi pejabat duta khas. Selepas itu, diberi setiausaha kanan, pegawai khas, pembantu khas, pegawai pengiring PDRM. Ini saya rasa ramai Menteri pun belum dapat status macam itu.

Jadi, saya hendak minta mereka jelajah ke seluruh dunia, makan belanja yang besar. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri berapakah jumlah elaun duta khas dan semua perbelanjaan yang dibelanjakan ke atas duta-duta khas termasuk pejabat, pegawai, belanja makan, minum, hiburan, perbelanjaan luar negara termasuk pengiring serta pelantikan mereka masing-masing sejak mereka dilantik. Minta Yang Berhormat Menteri jawab. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Jumlah keseluruhan makan, minum itu semua saya tidak adalah. Akan tetapi, kita ada perbelanjaan yang digunakan oleh duta-duta ini kalau tidak silap saya. Akan tetapi, saya hendak sebut dahulu sementara saya cari itu, bahawa dalam perjanjian ini mesti diletakkan tetapi berbeza-beza.

Macam Tan Sri Ong Ka Ting, dia hanya ada setiausaha sulit, setiausaha sulit kanan sahaja. Ia bergantung kepada tempat dan ia bergantung kepada perjanjian. Saya tidak mahu menyamakan bahawa perjanjian itu melibatkan keselamatan seolah-olah negara yang pergi itu tidak selamat, tidak.

Akan tetapi, ia bergantung kepada persetujuan. Kalau saya hendak dilantik oleh satu syarikat, saya akan ada terma saya. Saya akan mintalah apa perkara, tidak boleh dipenuhi saya mungkin tidak terima. Ataupun kita capai sampai terima. Jadi, ada beza di antara duanya. Jadi, saya tidak ada data tentang berapa dia belanja ya. Akan tetapi, saya ada untuk perwakilan ataupun duta khas ke China, perbelanjaan untuk tahun sehingga Ogos 2012 adalah sebanyak RM41,295. Tidak banyak. RM41,000 untuk India, RM373,071.00.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri termasuk penerbangan...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Semualah itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jumlah RM41,000? Okey.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ya, ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dia punya penerbangan, dia pergi berapa kali dan sebagainya?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ya, ya [*Dewan riuh*]

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat, yang saya baca ini adalah *detail* dengan tempat dia pergi. Kalau saya baca ini, panjang ini. Tadi Yang Berhormat juga kata jawapan saya panjang. Saya tidak mahu baca, dia ada lebih kurang 10 lawatan lengkap

itu dengan jumlah keseluruhan untuk India RM373,000. Itu penerbangan semualah itu. Ini kena dapat kelulusan.

Keduanya untuk China - RM41,295. Terkejut, tidak percaya? Nampak macam sedikit? Ia memang sedikit. Cuma kadang-kadang bila kita tidak tahu, kita anggar itu macam banyak sangatlah. Jadi, saya hendak beritahu yang akhir sekali. Yang akhir sekali ya. Ini kalau kita cakap macam kita bangga sangat. Akan tetapi, hendak tunjuk macam mana minat orang kepada Malaysia ya. Dalam tempoh 2012 hingga 2013, bukan soal perdagangan. Negara menerima seramai 11 orang lawatan rasmi Perdana Menteri daripada negara-negara dunia, sembilan orang daripada Presiden negara-negara dunia, enam orang daripada Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden, enam orang daripada *Crown Prince* negara-negara dunia dan empat tambahan daripada China yang datang untuk *consultative*.

Ada satu lawatan daripada Setiausaha Agung *United Nations*. Ini menunjukkan bahawa minat untuk mempelajari, menghadiri, hadir, jumpa Perdana Menteri ini tidak termasuk Menteri ya. Timbalan Menteri. Ini cakap Presiden, Timbalan Presiden kepada negara kita sudah nampak meningkat dan pulih. Ini kerana Yang Berhormat tidak akan pergi tempat Yang Berhormat tidak nampak potensi untuk bekerjasama. Akan tetapi, ini sebenarnya memberi jawapan bahawa dalam tempoh Januari 2012 sehingga November 2013, sejumlah ketua negara yang cukup ramai datang ke negara kita. Itu adalah satu pengiktirafan kepada saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri kalau semua jawapan-jawapan yang saya tanya, tidak dapat dibaca, tolong bagi satu senarai jawapan bertulis kepada saya supaya kita tahu. Kita kena bagi rakyat di luar tahu apakah yang dibelanjakan termasuk pegawai-pegawainya. Ini kerana ada pegawai. Pegawai dibayar gaji. Kita pun kena tahu semua ini. Sejak dilantik tahun 2011 sampai sekarang, berapa belanja yang kita kena tahu? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat, dia bila pergi ke India, kita ada pejabat kita di sana. Pegawai MIDA sama MIDA lah. Yang saya bagi ini untuk Yang Berbahagia Dato' Seri S. Sammy Vellu. Hendak cerita apa lagi? Saya malas hendak bagi bertulis buat susah kita semua. Saya baca sekarang. Yang Berhormat tunggu saya baca ya kalau hendak tahu dia punya perbelanjaan satu persatu. Hendak? Oleh sebab saya

boleh bagi dekat media, saya tidak mahu Yang Berhormat bagi media. Kalau media hendak, minat- saya boleh bagi. Akan tetapi, kalau hendak saya boleh baca. Ada 10 ini.

■1600

Akan tetapi jangan tanya saya berapa yang MIDA terpaksa keluar, yang mana pejabat kedutaan sendiri terpaksa belanja. Ini atas lantikan tiga orang Yang Berhormat bawa usul itu. Itu sahaja. Akan tetapi kalau masih mahu minta bertulis, hendak heboh kepada semua orang, saya sendiri akan bagi kepada *press* kalau *press* mahu. Tidak perlu kita hendak berselindung di sini. Cuma saya tidak hendak ambil masa Yang Berhormat, kita ada urusan lain.

Cuma saya hendak beritahu bahawa perkara Yang Berhormat bangkit itu, kekeliruan yang timbul mungkin tidak mendapat penjelasan yang tepat. Saya harap penjelasan saya ini, dapat memberi penerangan bahawa tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik tiga orang duta bukan kepada 100 lebih negara tetapi hanya kepada tiga, telah dapat saya yakinkan dan saya mohon untuk Ahli Yang Berhormat menolak usul yang telah dibentangkan. *[Tepuk]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) bagi Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri oleh Yang Berhormat Bayan Baru, “bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM980,179.20. Daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah Kepala Bekalan Pembangunan B.6 di bawah Butiran 010100, Program, Aktiviti Jabatan Perdana Menteri di bawah objek sebagai 29000 Perkhidmatan Ikhtisas Jabatan Perdana Menteri” hendaklah dipersetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujui]*

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tiada orang sokong Yang Berhormat Bayan Barukah? ‘Ayyo’ malulah ini macam! *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Bayan Baru tidak ada orang sokong? Aduh! Malulah ini macam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Kuantan.

**Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ‘*Haiya*’ Yang Berhormat Kuantan, letih saja.

**USUL****MEMINDA JADUAL DI BAWAH P.M. 66(9) –  
MENGURANGKAN RM1,633,632.00 DARIPADA PERUNTUKAN  
KEPALA BEKALAN B.6****4.02 ptg.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 66(9), dengan ini saya ingin mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2014 bagi Jabatan Perdana Menteri. Tuan Pengerusi, peringkat Jawatankuasa ialah di mana kita melihat jumlah, *figures* dengan secara *detail*. Di peringkat Jawatankuasa inilah di mana seharusnya berlaku *reappropriation of funds* dengan izin.

Saya mengambil roh dan semangat yang ditunjukkan oleh Khalifah Umar Ibn Abd al-Aziz, di mana Khalifah Umar Ibn Abd al-Aziz memadamkan - ini mukadimah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Di mana Khalifah Umar ibn al-Aziz memadamkan lilinnya apabila datang seorang pengadu yang bercakap berkenaan dengan hal peribadi. Begitulah pertanggungjawaban seorang Khalifah berkenaan dengan apabila melibatkan duit rakyat. Jadi, di dalam Peraturan Mesyuarat 66(9) ini, apabila kita bercakap berkenaan dengan *reappropriation of funds*, jadi di situlah semangatnya di mana kita bertanggungjawab kepada rakyat setiap sen. Sikit atau banyak, kita bertanggungjawab.

Maka saya Yang Berhormat Kuantan mohon mencadangkan, bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM1,633,632 iaitu pecahannya RM22,227.20 kali lima orang penasihat kali 12 bulan. Daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah Kepala Bekalan Pembangunan B.6 di bawah Butiran 010100 Program, Aktiviti Jabatan Perdana Menteri di bawah objek sebagai 29000 Perkhidmatan Ikhtisas Jabatan Perdana Menteri.

Lima orang Penasihat Khas yang dimaksudkan ialah satu, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, Penasihat Khas Hal Ehwal Wanita kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kedua ialah Yang Berhormat Datuk Seri Haji Noh bin Omar - saya baca jawatan yang sebetulnya selepas kita dapat *Hansard* ya. Yang



Berhormat Datuk Seri Haji Noh bin Omar sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat kena baca usul Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, saya baca usul ini. Saya baca usul. Ketiga ialah Yang Berhormat Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum sebagai Penasihat Khas Wilayah Koridor Utara. Yang Berhormat Haji Hasbi bin Haji Habibollah - saya baru dapat dia punya ini, Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kena baca Yang Berhormat, "...*Penasihat Pembangunan Sarawak*".

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** "...*Penasihat Pembangunan Sarawak*". Ya, ya. Tuan Pengerusi, ini usul saya tetapi maklumat yang kita dapat sebelum *Hansard*. [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ia kena baca usul Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak mengapalah. Dalam perbahasan ini, Yang Berhormat Menteri boleh buat *correction*.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini usul haram ini. Haram!

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Tan Sri Dr. Rais Yatim iaitu Penasihat Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan. Pelantikan lima orang yang dilantik sebagai Penasihat Khas di Jabatan Perdana Menteri tersebut adalah merupakan lantikan tidak wajar dan penyelewengan serta pembaziran wang rakyat. Memandangkan kita sudah ada pun pakar-pakar dalam bidang tersebut di peringkat Menteri dan juga pegawai-pegawai kerajaan dalam kementerian.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil sewaktu menjadi Menteri pun tidak menjalankan tugas beliau dengan cemerlang. [*Disampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, diam Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri. Saya tidak kisah kalau Wanita UMNO hendak dia sebagai Ketua Wanita [*Dewan riuh*]. Akan tetapi memalukan untuk dilantik sebagai Penasihat Hal Ehwal Wanita. Lagipun kita sudah ada Menteri Hal Ehwal Wanita serta kita boleh juga melantik pihak konsultan, pakar daripada UNDP sekiranya kita memerlukan, yang bukan bertaraf Menteri, tidak perlu pun bertaraf Menteri.

Jadi, bukan pakar, ya? Kalau hendak lantik pakar itu, ada ramai lagi pakar yang boleh dilantik tetapi bukan bertaraf Menteri dan jangan kita guna banyak duit untuk pembaziran wang rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kedua ialah Datuk Seri Haji Noh bin Omar. Ini merupakan lantikan politik untuk membantu BN mengambil alih negeri Selangor. *[Dewan riuh] [Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Baca, teruskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Pengerusi boleh saya baca usul ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan, teruskan. *[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kenapa ramai sangat pengganggu-pengganggu ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Saya sudah minta mereka diam Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi dia yang paling kuat mengganggu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuantan yang paling kuat mengganggu tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Pagi tadi lagi teruk Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri tidak boleh baca usul pun.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini merupakan lantikan politik untuk membantu BN mengambil alih negeri Selangor. Dia punya kerja terima ahli masuk UMNO saja dan tidak wajar dibayar oleh rakyat. Saya ulang, *'...tidak wajar dibayar oleh rakyat'* melalui peruntukan di Jabatan Perdana Menteri. Lantikan ini perlu dibiayai oleh parti politik dan bukan oleh rakyat. *[Tepuk]*

Ketiga ialah Yang Berhormat Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum sebagai Penasihat Koridor Utara Wilayah Koridor Utara. Lagi satu penasihat yang *redundant* kerana Pembangunan Koridor Utara kita sudah ada para profesional daripada kalangan pegawai kerajaan. Jumlah membayar Penasihat Khas ini perlu dipotong dari jumlah yang perlu dipikul oleh rakyat.

Keempat ialah Yang Berhormat Haji Hasbi bin Haji Habibollah iaitu Ahli Parlimen Limbang. Sarawak merupakan negeri yang kaya dan boleh membayar emolument yang tinggi kepada ADUN-ADUN mereka. Saya mencadangkan penasihat Sarawak ini dibayar

oleh Kerajaan Negeri Sarawak sekiranya masih diperlukan dan kemudian ditindikkan kepada Jabatan Perdana Menteri, *seconded*.

Kelima ialah Yang Berhormat Tan Sri Dr. Rais Yatim sebagai Penasihat Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan adalah tidak perlu dilantik kerana kita sudah pun ada Menteri Kebudayaan dan Pelancongan. Sekiranya Menteri tidak layak, maka wajarlah ditukar sahaja Menteri. Bukan membebankan rakyat dengan membayar gaji Penasihat Khas bertaraf Menteri. Saya ulang di sini bahawa penyelewengan duit rakyat ini adalah tidak perlu sama sekali dan saya menegaskan di sini bahawa ia perlu dipotong daripada peruntukan Maksud Bekalan Pembangunan B.6 menjadikan jumlah yang perlu dikurangkan dan dipotong daripada Maksud Bekalan Pembangunan B.6 di bawah butiran 010100 Program, Aktiviti Jabatan Perdana Menteri di bawah objek 29000 Perkhidmatan Ikhtisas Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM1,633,632.

Tuan Pengerusi, saya pohon semangat Khalifah Umar Ibn al-Aziz itu kita rangkul bersama. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Ada usul Yang Berhormat. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**4.09 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, menghormati hari ini hari Khamis, malam Jumaat dan juga ramai orang yang berpuasa, maka saya membawa usul ini. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) oleh Yang Berhormat Kuantan dalam peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri, Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 18 November 2013”.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) oleh Yang Berhormat Kuantan sebagaimana yang dikemukakan tadi bagi Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kinabatangan.

#### **4.11 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, saya berdiri di sini dan 100% menolak usul daripada rakan saya Yang Berhormat Kuantan. Berhubung dengan usul bertajuk iaitu “*Memotong Gaji Beberapa Anggota Yang Dilantik Oleh Kerajaan*”. Saya rasa usul ini Tuan Pengerusi, inilah pembangkang ini sebetulnya, dia tidak dahulu meneliti satu demi satu...

**Seorang Ahli:** Haram ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya rasa usul ini usul haram dan tidak perlu pun dibahas. Ini sebab nombor empat, Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah bukan penasihat pembangunan Sarawak. Dia adalah Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) *[Tepuk]* Jadi oleh kerana itu, Yang Berhormat ini langsung tidak ada fakta yang betul untuk dibincangkan. Saya kalau boleh mengusulkan Yang Berhormat ini dihadapkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas 12(1) sebab memesongkan Dewan, memesongkan fakta. *[Tepuk]*

**Dato’ Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baru mukadimah Yang Berhormat Bintulu sudah masuk.

**Dato’ Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mahu minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Sepatutnya kalau hendak buat apa-apa usul, sebagai wakil

rakyat mesti tahu apa yang sepatutnya dibuat, mesti mahu *check* dahulu fakta-fakta. Nasib saya punya sahabat, Yang Berhormat daripada Limbang ini, dia jumpa saya semalam, dia sendiri mahu pengsan. Dia sudah senang hati dia sudah jadi penasihat pembangunan Sarawak. *[Dewan riuh]*

Dia kata dia cuma syok sendiri kongkalikung sahaja, apa pun tidak terasa. *[Ketawa]* Macam mana ini, dia buat usul pun tidak faham. Dia cuma sebagai pengerusi. Memang tadi saya setuju sepatutnya kita pun mahu buat usul *refer* dia suruh dia pergi Jawatankuasa.

**Seorang Ahli:** Potong gaji.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia bukan potong gaji, mahu minta rakyat kasi buang. *[Ketawa]* Ini pun dia tidak faham, macam mana dia boleh beri nasihat dengan dia punya rakyat? Saya mahu tanya Yang Berhormat Kinabatangan, setuju atau tidak, kita kalau ada ini macam punya wakil rakyat, dia bukan memesongkan Dewan. Buang masa, kalau hari ini telah bahas, satu jawatankuasa sudah habis dalam perbahasan belanjawan. Setuju atau tidak setuju?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang betul Yang Berhormat Bintulu sebab itu saya katakan tadi. Yang Berhormat Kuantan, dia tidak memahami apa-apa situasi pun. Saya tidak tahu dari mana dia dapat maklumat yang salah ini. Ini baru salah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bantu dia Yang Berhormat Seputeh, bantu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya lihat senarai ini, semua ini yang gagal dilantik sebagai Menteri, Timbalan Menteri lepas itu bagi gaji lagi, bagi jawatan lagi. Saya kasihanlah, Yang Berhormat Kinabatangan sudah empat penggal sama dengan saya. *[Dewan riuh]* Kenapa tidak dilantik penasihat kepada Kerajaan Negeri Sabah? Kasihanlah Yang Berhormat Kinabatangan, kamu dipinggirkan lebih baik sokong usul ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan? Yang Berhormat Beruas bangun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia tolong lagi. Kasi dahulu, baru kita kupas dua-dua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin nyatakan bahawa di depan kita adalah satu usul yang telah dinyatakan dengan jelas bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM1,633,632.00 sekian, sekian. Itu usul. Apa yang ada di muka surat kedua ini ialah satu penghujahan. Kalau tadi sudah pun diperjelaskan kita tidak boleh tolak usul, usul tidak ada masalah. Jadi, dengan izin dalam mahkamah kita kata pliding iaitu penghujahan tolak atau tidak tolak ataupun ada penjelasan yang telah diberikan oleh pihak sana. Kita berterima kasihlah. Jadi usul ini tidak boleh ditolak kerana tidak ada apa-apa kepincangan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi saya, terima kasihlah Yang Berhormat Seputeh dengan Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Seputeh ini, dia tidak sedar diri tahu. Dahulu dia Exco Timbalan Menteri Besar sekarang kena buang, dia meroyan [*Ketawa*] Yang Berhormat Beruas pula kena faham sebab elaun yang diterima oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah ini RM1,900 satu bulan sahaja. Bermakna fakta wang ringgit ini pun sudah salah. [*Tepuk*]

**Seorang Ahli:** Memanglah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kecualilah Ahli Parlimen Kuantan bayar dia. Itu lainlah. Jadi, itu yang saya katakan, usul ini dia tidak tahu layakkah kita bahas atau tidak? Ini kerana fakta dia pun sudah salah, semua pun sudah salah. [*Dewan riuh*]

Jadi, macam sudah haram. Kalau boleh lagi Tuan Pengerusi, saya pun mahu usul balik supaya Yang Berhormat yang membuat usul ini dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sebab menyeleweng Dewan. [*Tepuk*]

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** [*Bangun*]

**Seorang Ahli:** Okey, setuju.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Nasib baik kita ini tidak mudah diseleweng sebab itu kita menang pilihan raya. Kita tidak boleh kalah walaupun macam-macam usaha dilakukan oleh pembangkang, oleh Yang Berhormat Pokok Sena tetapi rakyat tidak mendengar hujah mereka.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Gerik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu yang pertama, kedua...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Di belakang sana.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu suara garang, saya tahu.  
[Ketawa]

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya menjadi Ahli Parlimen baru, dalam tiga sesi ini saya cukup kagum dengan Yang Berhormat Kuantan punya hujah, memberi fakta-fakta yang saya ingat betul. Dengan dibawa usul yang ada pada hari ini, bersetujukah Yang Berhormat Kinabatangan, selama ini apa yang dihujahkan di dalam Dewan nampaknya tidak betullah semuanya itu. Betul atau tidak Yang Berhormat Kinabatangan?

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terutama isu Lynas.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itulah sebabnya...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrshid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tadi dalam mukadimah, menyebut Umar Abdul Aziz, dia seperti 'sifu' dia, Lim Guan Eng.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi, seharusnya dia berguru dengan Yang Berhormat Pokok Sena, jangan dengan Yang Berhormat Bagan sebab Yang Berhormat Bagan punya - dia ke kiri, tidak boleh kita ikut. Ya, siapa tadi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya pun bersama Yang Berhormat Gerik, tadi selama ini kita terpesona dengan statistik begitu dan begini. Akan tetapi hari ini saya dapat tahu bahawa banyak statistik dia yang tidak betul. Banyak yang dia cakap itu dia tembak sahaja, hentam sahaja. Saya ingat mereka cakap fasal ketelusan, cakap fasal statistik tetapi mereka tidak berintegriti. Mereka yang sebenarnya tidak berintegriti sebab apabila bercakap, kita Ahli Dewan dikelirukan dengan fakta-fakta yang tidak betul contohnya, fasal MIDA tadi Yang Berhormat Gombak, cakap. Rupanya kita diberitahu '*jauh panggang dari api*', jauh dari yang dia cakap.

Jadi, saya mintalah supaya kita ini mulai hari ini kena tengok balik statistik mereka ini, kebanyakannya tidak betul. Mereka hendak ketelusan tetapi mereka tidak berintegriti. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kota Tinggi...

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, ya.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya lihat kalau orang yang bawa usul ini tidak ada fakta dan juga berniat jahat dan sahaja mahu politikkan, hendak mencemarkan nama kelima-lima orang penasihat ini. Saya ingin mencadangkan orang yang bawa usul ini patut dipotong gaji. Terima kasih. *[Dewan riu]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1620

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Belum habis lagi, Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Simpang Renggam. Itulah, sebetulnya selama ini biar rakyat tahu kita dilonggokkan dengan pembohongan-pembohongan demi pembohongan. Akan tetapi Allah Maha Berkuasa. *[Tepuk]* Hari ini, Allah SWT telah membuktikan bagaimana pembohongan itu telah ternyata. Pilihan raya kita diseleweng dengan 40,000 Bangladesh, tak boleh dibuktikan langsung.

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Mas Gading.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila, sila Sarawak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mas Gading.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Yang Berhormat Sarawak ini jarang bercakap tetapi dia tak tahan sudah. Sila. *[Ketawa]*

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Baru pagi tadi waktu kita berbincang mengenai Usul, kita dinasihatkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Puchong bahawa usul itu tidak sah dan tidak dapat diterima kerana kita belum menyiasat fakta-fakta. Jadi sekarang, sudah jelas dalam usul ini ada fakta yang tidak betul. *So now, I give you back your own medicine*, dengan izin Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan, boleh gulung Yang Berhormat, sepuluh minit lagi habis.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya Tuan Pengerusi...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada satu, ini penting.



**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** You hendak tanya?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Last, last.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya *just* hendak menekankan satu isu tadi. Yang Berhormat Kuantan tadi telah menekankan, sebelum masuk *Hansard* tadi, Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah ini memang dia arif, bahagian itu sudah diubah. Akan tetapi janganlah kata semua fakta itu salah. Dia tadi sendiri sudah tekankan. *[Dewan riuh]* Dia sendiri tadi sudah tekankan. Biar saya habiskan. *[Dewan riuh]* Ini *floor* saya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*  
*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya dapat *floor*. Saya dapat *floor*, saya dapat *floor*, jangan kacau.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat. cukuplah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tetapi Yang Berhormat Kapar ini, Yang Berhormat Kapar yang sering menuduh orang menipu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, bahas selepas ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Suka kacau ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kapar yang sering menuduh orang menipu, Yang Berhormat Kapar. Selalu menuduh orang menipu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini masa saya, ini *floor* saya, saya dapat *floor* tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *No* Yang Berhormat Kinabatangan, biar saya habis. *No*, maksud saya tadi, maksud saya tadi, memang Yang Berhormat Kuantan arif tentang benda ini. Dia hendak betulkan tadi. Akan tetapi Tuan Pengerusi kata ini adalah usul diteruskan. Tidak bolehlah guna balik benda ini terhadap Yang Berhormat Kuantan. Saya rasa itu tidak patut. Dia tahu benda ini, dia hendak betulkan tadi. Ruang itu perlu diterima. Tidak payahlah sebab semua masuk *Hansard* hendak kutuk sesuka hati. Itu yang perlu ditekankan. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Mas Gading dan Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Jerlun sikit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sekejap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekejap, sekejap, nanti saya lupa [Ketawa] Sebetulnya, Yang Berhormat Kuantan kena faham. Yang Berhormat Kuantan telah *discredit* nama baik Yang Berhormat ini. Rakyat di kawasan dia bertanya, betulkah Yang Berhormat jadi Penasihat Sarawak ini? Betulkah Yang Berhormat terima puluh-puluh ribu ini? Bagaimana keadaan dia? Yang Berhormat ini, kalau di luar dia boleh saman malu tahu Yang Berhormat Kuantan. Hendak perbetulkan keadaan sudah tidak boleh. Nasi sudah menjadi bubur. Oleh sebab itu jangan buat tuduhan kalau tidak ada fakta. Berhubung dengan jawatan-jawatan yang dilantik oleh kerajaan, dengan Dato' Shahrizat. Bagi pandangan pembangkang, mungkin dia gagal. Akan tetapi bagi pandangan rakyat Malaysia, kerana Wanita UMNOlah, pembangkang telah gagal menawan Putrajaya. [Tepuk][Dewan riuh] Bagi rakan saya Ahli Parlimen...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Kinabatangan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Apa ini, Noh Omar ini? Ahli Parlimen Tanjong Karang. Dia memang layak pun dilantik jadi penasihat. Sebuah negeri yang ditawan oleh pembangkang, dengan adanya kebijaksanaan Ahli Yang Berhormat ini, ia akan dapat melawan balik Selangor pada satu hari nanti...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** *Point of order.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order* Yang Berhormat?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Ya, *point of order* Yang Berhormat, *point of order* [Disampuk] Boleh ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order* yang mana Yang Berhormat?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 30(1). Saya mohon baca ya. Peraturan Mesyuarat 30(1), tajuk kecil dia, "Meminda Usul-usul". Bunyinya, "Pada masa, pada masa, bukan sebelum- "Pada masa sesuatu usul itu dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu."

Jadi oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Kuantan dibenarkan untuk meminda usul ini sebelum dibincangkan [*Dewan riuh*] Ini peraturan ya, ini peraturan. Takkan Yang Berhormat Tanjong Karang tidak setuju. Jadi saya cadangkan, Yang Berhormat Kuantan dibenarkan untuk meminda usul ini. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Pengerusi, kalau saya dibenarkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Usul ialah yang muka surat satu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yes, betul.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang ini hanyalah huraian. Ini hanyalah usul, muka surat satu itu yang memotong sejumlah jumlah. Seharusnya Tuan Pengerusi lebih arif tentang perkara ini. Saya juga ingin merujuk ya, Yang Berhormat Kuantan ingin merujuk kepada *Hansard*. *Hansard* bertarikh 11 November. Saya bacakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Arau.

*“Jumlah Ahli Parlimen termasuk Senator dan bekas Ahli Parlimen yang menyandang pelbagai portfolio termasuk Penasihat Khas dan juga Duta Khas di Jabatan Perdana Menteri adalah seramai 12 orang. Ahli Parlimen enam orang, Senator tiada, bekas Ahli Parlimen enam orang. Saya juga hendak maklumkan secara umumnya bahawa di antara Yang Berhormat yang sedang menyandang Ahli Parlimen, yang menyandang, yang memegang jawatan Penasihat Khas ialah:-*

- (i) *Yang Berhormat Dato' Seri Haji Jamaludin Jarjis, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri dan Duta Khas ke Amerika Syarikat;*
- (ii) *Yang Berhormat Dato' Wira Mohamad Johari bin Baharum, Penasihat Khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Wilayah Koridor Utara;*
- (iii) *Yang Berhormat Datuk Seri Haji Noh bin Omar, Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor;*
- (iv) *Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi Haji Habibullah, Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak, Ahli Parlimen Limbang; dan*
- (v) *Penasihat Khas yang disebut oleh Yang Berhormat Arau, Menteri.”*

Ini termaktub dalam *Hansard* 11 November. Jadi, kalau, kalau, kata kalau ya  
[*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kalau Penasihat Khas ini dan juga Pengerusi ini mendapat RM1,000, kita potong sahaja. Kita boleh *reappropriate*. [*Dewan riuh*] Jadi Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, *point* dia, isunya ialah saya berhujah di atas *Hansard* Parlimen. Penasihat Khas, kalau salah. [*Dewan riuh*]

Ya, kalau pasal *Hansard* ini salah, maka saya salah atas sebab *Hansard* yang salah. Jadi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam *Hansard* dia tidak sebut Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jadi, saya tidak nampak, kenapa Ahli Parlimen BN...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Perlu melatah begini di atas maklumat *Hansard* Parlimen Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat, ya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, saya teruskan Tuan Pengerusi. Saya ingin merumus, moral dia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Moral dia, usul ini sebetulnya usul bersifat emosi, sebab ingin memalukan seseorang tetapi Tuhan Maha Kuasa, sendiri kita yang malu. Saya setuju kenyataan Ahli Parlimen Arau selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia tidak menyebut pun salah. Saudara Yang Berhormat Hasbi, Ahli Parlimen Limbang ini, Pengerusi Lembaga Pelesenan. Elaun dia RM1,900 dan lagi, lain-lain elaun tidak ada pun disentuh oleh Yang Berhormat ini. Kenapa ditokok-tambah oleh Yang Berhormat Kuantan? Ini moral dia, usul ini, tidak betul Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kerana tidak ada yang perlu dibahas dan saya minta rakan-rakan di sini berdiri sama-sama saya, kita tolak serentak usul ini sebab usul ini usul haram.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak boleh, tak boleh Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Haram dan tidak boleh dibahas [*Dewan riuh*] Kita tolak seratus persen!

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tak ikut peraturanlah, duduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita bahas Yang Berhormat, kita bahas ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Ini siapa Speaker ini? Siapa Speaker ini? *[Dewan riuh]*

**Semua Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Kuantan tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soal untuk menolak akan diusulkan kemudian nanti *[Dewan riuh]*

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, orang Kuantan sudah dikelirukan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bahas tolak usul.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Minta maaf.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Yang Berhormat Kinabatangan mahu jadi Pengerusikah? Naik ataslah.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Siapa Speaker ini? Duduklah. *[Dewan riuh]*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Usul haram.

**Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional:** *[Bangun] [Mengoyak usul]*

**Beberapa Ahli:** Ini isu haram! Haram! Usul haram!

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Usul haram!

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]:** Bukan haram lagi Tuan Pengerusi, haram jadah punya usul!

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Buang masa lah Yang Berhormat.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Kuantan, usul tarik balik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Salah dari hukum agama dunia dan akhirat. Meminta, meminta...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat, duduklah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa, tidak apa. Tidak boleh. Saya cuma... *[Dewan riuh]* Sebentar Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Parit Sulong tak marah kah? Yang Berhormat Parit Sulong tak marahkah buang sampah?

■1630

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Parit Sulong tidak marahkah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Bintulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Parit Sulong tidak marahkah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Pagi-pagi pun Pokok Sena koyak semua ha...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Parit Sulong tidak marahkah buang sampah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak malu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maknanya, mental BN ini lemahlah. Tidak ada idea lain. Tiru saja.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Mental Pokok Sena pun sama juga. Dia biul!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tadi Parit Sulong marah saya buang sampah. Sekarang tidak marahkah buang sampah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya ingat mental BN ini tinggi.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Pokok Sena sudah malu sudah ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji [Pokok Sena]:** Rupanya koyak kertas, pagi tadi tiru!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Dia sudah malu sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Ahli Yang Berhormat, kalau...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Boleh kita koyak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau perbuatan tadi itu tidak betul...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, boleh kita koyak usul ini seperti mana yang mereka lakukan pada usul kita tadi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Buat origamilah, buat origami.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Koyak!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** *[Mengoyakkan usul]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Pagi-pagi koyak biar itu, Gombak ajar itu! Gombak ajar!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Parit Sulong tidak marah buang sampah?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa tidak ada? Gombak ajar!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tadi Parit Sulong marah kita buang sampah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Bintulu, guna kertas itu untuk buat origami.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tolonglah Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Gombaklah kepala tadi yang mengoyakkan usul kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada lagi yang hendak berucap Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji [Pokok Sena]:** Tidak, tidak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya tidak apa. Hendak koyak, koyaklah tetapi saya nak kata, mental dia tu rendah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat dah buat dah pagi tadi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji [Pokok Sena]:** Tiru Pakatan Rakyat pagi tadi. Bawalah benda baru.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Ketawa]*

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Bukan tipu, bukan tiru pun. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji [Pokok Sena]:** Akal itu pendek.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Kita hendak mengajar mereka.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji [Pokok Sena]:** Kosong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tipu, tipu rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada lagi hendak berucap? Sebelah sini ada yang hendak berucap? Tidak ada? Ya, Yang Berhormat Pandan 10 minit. [*Dewan riuh*]

**4.31 ptg.**

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ucapkan tahniah kepada rakan-rakan daripada Barisan Nasional kerana lagak dan lawak tadi. Itulah yang akan pergi ke laman-laman *Youtube* dan *Facebook* selepas ini. [*Dewan riuh*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang lawak pagi tadi apa? Pagi tadi punya lawak, apa pasal pula tidak sentuh?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Apabila...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebutlah! Pagi tadi punya lawak lagi teruk! Kenapa tidak sebut?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Pengerusi, minta supaya *order to the House...*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebutlah. Sudah tolak, apa berucap? Eh, berdiri-berdiri! [*Mengajak Ahli-ahli Barisan Nasional lain berdiri*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Usul yang dikoyak tadi...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, pagi tadi lagi lawak bodoh punya!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Floor* sapa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini usul tipu!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** [*Dewan riuh*] ...Dibawa rakyat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mana boleh bahas? Ini usul tipu!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kuantan membawa satu usul...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Usul tipu mana boleh bahas! Tidak boleh bahas. Ini usul haram!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Dalam keadaan peruntukan yang diberi kepada Perdana Menteri...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Haram, haram!



**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Adalah yang paling tinggi dalam sejarah [*Dewan riuh*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, ini *floor* siapa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Haram! Tidak boleh! Tipu, tipu tidak boleh! Haram!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak tahu *floor* siapa.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Oleh sebab itu...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Ini usul haram ini!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Dalam keadaan Jabatan Perdana Menteri mendapat...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Haram, haram!

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Haram jadah!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Peruntukan yang terlalu tinggi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia haram, haram! Tidak boleh bahas!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Dalam keadaan negara dikatakan mengalami banyak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak boleh! Haram!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Floor* siapa, *floor* siapa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Floor* siapa *floor* saya. Boleh terus.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Haram, haram, haram!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Dalam keadaan negara dikatakan mengalami banyak masalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Haram, haram! Tidak boleh, tidak boleh! Ini tidak boleh!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Barisan Nasional tidak boleh mengawal kewangan negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak boleh bahas, haram! Haram, haram!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Oleh sebab itu Kuantan memohon... [*Dewan riuh*]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Usul... [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Point of order.*

**Beberapa Ahli:** Tipu, tipu, tipu! [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Oleh sebab itu Kuantan membawa satu usul supaya paling kurang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Wakil-wakil rakyat menunjukkan sedikit keikhlasan supaya bersama-sama dengan rakyat berhadapan dengan masalah kewangan ini.

**Beberapa Ahli:** Tipu, tipu, tipu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ampang hendak *joint* juga?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, peraturan mana Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** Tipu, tipu, tipu! [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Ya, peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, lebih baik kita undi. Kita undi, kita undi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Peraturan Mesyuarat 35(1). Saya hendak tanya Tuan Pengerusi, ada panggil tidak Kinabatangan, Bintulu untuk berucap? Saya hendak tanya ada tidak?... Tidak ada, kan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita undi sekarang. Buang masa, buang masa. Banyak isu lain lagi.

**Beberapa Ahli:** Tipu, tipu, tipu! [*Dewan riuh*]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Suruh mereka duduk diam-diam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah suruh duduk. Tidak dengar.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Keluar dari Dewan ini. Menyemak sahaja. Balik.

**Beberapa Ahli:** Tipu, tipu, tipu! [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Usul yang dibawa oleh Kuantan sebenarnya satu usul simbolik yang memohon supaya wakil-wakil rakyat paling kurang menunjukkan sedikit keikhlasan untuk bersama-sama dengan rakyat di bawah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kalau dalam Bahasa Melayu, itulah yang dinamakan meroyan. Kalau hendak kenal meroyan, itu meroyan [*Dewan riuh*]

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Undi, undi!

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jangan buat fasal! Undi dulu baru bagi!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Menteri pun tidak tahu jugakah?

**Seorang Ahli:** Kalau macam ini mana boleh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tipu sahaja!

**Seorang Ahli:** Mesti kena bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini belajar dari mana, Gombak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Gombak ajar punya!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Minta duduk Yang Berhormat, minta duduk.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tadi pagi Gombak ajar, kan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita undilah Tuan Pengerusi. Buang masa, buang masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Apa ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Buang masa saja! [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa pun samalah!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Undi, undi, undi!

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, undi sahajalah. Tuan Pengerusi, undi sahaja.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kalau hendak tolak usul atau koyak usul, koyak sebelum usul mula dibahaskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Sekarang sudah bahas, baru hendak tolak. Salah.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ampang, jangan menjerit-jerit. Muka sudah merah sudah. Ampang punya muka merah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Dalam keadaan- saya akan teruskan Tuan Pengerusi. Tidak apa saya akan teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, saya tidak beri.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Dalam keadaan rakyat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Terpaksa membayar cukai dan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat [*Dewan riu*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Kerajaan Barisan Nasional memotong subsidi rakyat. Baik subsidi gula ataupun subsidi minyak. Kuantan memohon supaya wakil-wakil rakyat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat! Cukuplah! Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Menunjukkan sedikit keprihatinan supaya kita memotong perbelanjaan yang tidak perlu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, kita buat belah bahagilah! Jangan buang masa Tuan Pengerusi!

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Itu pun tidak mahu dibahaskan ataupun tidak mahu dibincangkan oleh wakil-wakil Barisan Nasional!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Baiklah.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ini adalah usul simbolik! Bahawa kalau rakyat boleh ditindas untuk membayar... [*Dewan riu*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kenapa wakil-wakil Barisan Nasional tidak boleh memotong hanya RM1 juta supaya RM1 juta itu boleh dibelanjakan untuk rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat... [*Dewan riu*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Dalam keadaan- dalam empat tahun dari 2009 sehingga 2013...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Balik lepas bentang, jangan marah-marah.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Barisan Nasional telah membelanjakan RM7.2 bilion atau RM7,200,000,000...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Untuk membayar perunding-perunding asing. Maka, wajarlah kalau perunding-perunding yang berjawatan dulunya dalam Kerajaan Barisan Nasional, mereka ini berkorban sedikit untuk rakyat.

**Seorang Ahli:** Pandan! Buang masa lah Pandan! [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Itu pun Barisan Nasional tidak ada keikhlasan. Kalau rakyat boleh disuruh untuk membayar cukai dan potong subsidi, kenapa bekas-bekas pimpinan Barisan Nasional ini tidak mampu dan tidak mahu untuk sedikit mengorbankan sedikit keselesaan yang mereka ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Tipu, tipu, tipu! [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Seluruh negara menjadi saksi...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, buat *ruling*lah Tuan Pengerusi! [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan ambil gambar Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, kenapa tidak buat undi?

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, kita bunyi loceng. Undi belah bahagi. [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** [*Dewan riuh*] ...Walaupun mereka mencemari Dewan pada hari ini, saya pasti seluruh negara bersama-sama dengan Kuantan, menyokong bahawa kita potong peruntukan penasihat-penasihat yang ada ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Cepatlah Tuan Pengerusi!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini standard KPI Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita mahu belah bahagi, *ruling*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tidak boleh...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Belah bahagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat. Saya minta maaf. Saya minta yang lain duduk dulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Lamalah Tuan Pengerusi, cepat sedikit! Jangan buang masa!

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya minta Ahli Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat. Saya tidak boleh teruskan perbahasan begini. Kita pergi kepada keputusan. Setakat itu Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Kita habiskan. Minta Yang Berhormat Menteri jawab Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [*Dewan riu*] ...Kata Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat. Kita minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Mesti bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Seorang daripada sini, seorang daripada pembangkang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ini sesi bahas Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau keadaan ini berlanjutan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Beri satu peluang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** ...Saya rasa lebih lama kita buat-cukuplah!

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mesti diberi peluang untuk bahas Tuan Pengerusi! Mereka yang tidak berkelakuan sebagai Ahli Parlimen. Ini sesi bahas, diberikan untuk berbahas. Tadi itu bukan sesi bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab. Cukuplah. Seorang satu sudah berucap Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi patut benarkan perbahasan diteruskan, mengapa?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Temerloh, duduklah Temerloh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jangan, jangan... [*Dewan riu*]

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, tidak usah layan lagi. Kita undi sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, diam Yang Berhormat. Saya tidak boleh dengar apa-apa Yang Berhormat. Saya tidak boleh dengar. Ya. Tidak apa. Ada dua perbahasan. Seorang daripada...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Gombak, Gombak hendak jadi Menteri Besar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tunjukkan teladan yang baik Gombak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada seorang daripada pembangkang, seorang daripada kerajaan. Saya rasa cukuplah Yang Berhormat. Dalam keadaan yang begini Yang Berhormat, memadai dua orang berbahas. Selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Memadailah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, perbahasan tidak dapat diteruskan kerana Barisan Nasional tidak bertindak secara profesional.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, jawapan bertulislah Menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tadi pagi pun...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Macam-macam dia buat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita sudah mula berbahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Mana boleh? [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, kita dengar jawapan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mana boleh, mana boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, bagi Yang Berhormat Menteri buat jawapan bertulis.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kuantan faham tidak Kuantan?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, saya minta...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak, itulah keputusan Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan kita tamatkan perbahasan setakat itu. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apakah Tuan Pengerusi bertindak atas desakan BBC? *[Menyampuk]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagi satu rim kepada Yang Berhormat Gombak.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]* Yang Berhormat Menteri bagi jawapan bertulislah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Ahli Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat kita dengar jawapan dari Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat. *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apakah, apakah Tuan Pengerusi? Apakah...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tadi pagi apa Yang Berhormat Gombak buat? Tidak pandai berhenti-henti. Apa? Tadi pagi Yang Berhormat buat..

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa saya buat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk...*[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bahaslah. Bahas, bahas..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tadi pagi kita buat, sekarang pun kita buatlah. Sama punya...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sama? Mana boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah, Cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ya. Jangan, jangan kita setakat ini Ahli Yang Berhormat, cukuplah. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kita tidak ada peluang berbahas. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** *No, I've decided..*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab secara bertulis..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa Yang Berhormat. Saya putuskan bahawa perbahasan setakat itu Yang Berhormat. Selepas itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Cukuplah..

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Biarlah saya beri penjelasan dahulu.



**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, saya minta..

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi kena berlaku adil.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya berlaku adillah ini..

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak adil.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya berlaku adil dalam keadaan yang begini. Adil, adil. Keadilan di semua pihak. Bukan satu pihak. Semua pihak keadilan.  
*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Usul pagi tadi sebelum dibaca oleh Yang Berhormat Menteri, kita tolak. ...baru kita hendak bahas. Kenapa berhentikan perbahasan? Itu tidak adil... Tuan Pengerusi tidak benarkan wakil-wakil kita untuk berbahas. *[Disampuk beberapa Ahli]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Adil, adil Yang Berhormat..

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak adil, mana pula adil?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kalau ada yang hendak mencelah, celah dengan Yang Berhormat Menteri selepas ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta. Tuan Pengerusi. *[Dewan riuh]* Jangan, jangan, jangan buat keputusan dalam keadaan tertekan. *[Disampuk beberapa Ahli]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Itu kuasa..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, diam Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, kita dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, kita dengar jawapan Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ya, ya dengar sekejap. Dengar sekejap.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya hendak minta penjelasan..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Minta, minta. Penjelasan nanti saya bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, penjelasan pada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Bagi, bagi, bagi. Okey.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Baik, baik. Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Okey. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan, ini penjelasan ya Yang Berhormat. Minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bagi peluang kepada saya mohon penjelasan. Penjelasan yang hendak saya pohon, mengapa Tuan Pengerusi membuat keputusan menghalang perbahasan pada petang ini, ya? Sedangkan.. *[Dewan riuh]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya tidak ada kuasa hendak beri penjelasan itu. Itu pun tidak ada kena mengena.

**Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Oleh kerana saya tidak ada peluang hendak minta penjelasan dari Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri..

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya rasa tadi sudah dibuka tetapi tiada orang, selepas itu pula Tuan Pengerusi pun ada kuasa untuk mengehadkan. Jadi saya tidak boleh jawab yang itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Tuan Pengerusi ada kuasa untuk hadkan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Mengehadkan. Jadi dia hendak had. Ini apa, saya bukan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Gombak tidak apa, duduk, duduk dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey, Okey lah. Tuan Pengerusi..

**Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak. Tuan Pengerusi, saya minta jangan kerana tertekan dengan UMNO dan Barisan Nasional. *[Dewan riuh]* Biasalah, selepas ini kita hendak berbahas cara baik.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak. Tidak. Tidak..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya gunakan... Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak, saya gunakan kuasa untuk memberhentikan. Cukuplah ya?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, izinkan saya..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi ada lagi wakil dari PAS tidak boleh berbahas. Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Temerloh hendak berbahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Cukup lah Yang Berhormat.

**Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** DAP lagi. DAP ada, PAS ada.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Setakat DAP lagi. Ini saya kira bahawa kita sudah pun sebut dalam usul sehingga selesai. Urusan yang berkaitan dengan usul ini. Barulah sidang ini... untuk... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa la.

**Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi mana boleh..

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menjawab..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Usul tadi bukan menyebut bahawa semua yang bangun dibagi peluang untuk berucap. Tidak.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Betul. Betul

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak, tidak.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Usul tadi dengar baik-baik. Usul tadi sehingga selesai usul ini kita berhenti sidang. Bukan menyebut bahawa Tuan Pengerusi harus memberi semua yang bangun berucap. Saya buat – Yang Berhormat, saya buat keputusan saya tadi berpandukan, berdasarkan kepada keadaan. Keadaan tadi... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Betul.

**Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Keadaan tadi bukan tidak tahu Yang Berhormat Kinabatangan yang buat kacau... *[Dewan riuh]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi pedulikan..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Keadaan tadi.. – Duduk.. Oleh sebab itu saya kata saya berhentikan perbahasan, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggulung. *[Disampuk beberapa Ahli]* Tidak salah pun. Tidak salah pun Yang Berhormat. Tuan Pengerusi ada kuasa boleh memberhentikan, cukup lah. *[Disampuk beberapa Ahli]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi bagi alasan kerana mereka di sana bising.

**Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Semua guna kuasa sewenang-wenangnya..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, kita guna - tidak akan hendak puak-puak sarkas itu bangun tiba-tiba... Mana boleh begitu?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Betul, betul. *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, suruh mereka tarik balik. Tarik balik, tarik balik. Yang Berhormat Pokok Sena, pokok sarkas, pokok sarkas.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pendekkanlah Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey. Terima kasih, terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Tidak ada salah, tidak ada salah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Kalau tidak apa perlu kita hendak dengar jawapan penggulangan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedangkan perbahasan belum habis. Ada *point-point* baru yang hendak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Temerloh, oleh rakan-rakan saya yang lain? Ada *point-point* baru, bukan macam sebelah sana.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Masih boleh dibangkit peringkat Jawatankuasa Tuan Pengerusi. Masih boleh dibangkit. Tidak ada masalah. Yang Berhormat Pokok Sena...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat. Tidak apalah, tidak apalah. *[Dewan riuh]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tuan Pengerusi saya hendak minta Peraturan Mesyuarat 36(6). Yang Berhormat Pokok Sena mesti tarik balik. *[Disampuk beberapa Ahli] [Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Tarik, tarik, tarik, tarik, tarik, tarik... *[Dewan riuh]*

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** *Lengih la, lengih. Lengih, lengih la.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Bergerak dengan senyap-senyap Yang Berhormat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Semua syok sendiri, semua pergi syok sendirilah. *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Menteri, Menteri. Menteri cakap sendiri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh tidak mahu balikkah? *[Dewan riuh]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak apa, tidak apa. Ramai hendak dengar. Tidak apa, tidak apa. *[Dewan riuh]* Ramai hendak dengar. Balik, balik..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah bising Yang Berhormat.. Tidak payah bising-bising Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey, tidak apa. Balik, balik. *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi jawapan bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi jawapan bertulis.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang mana hendak balik kempen, semua boleh balik ya, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kuantan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya merasakan bahawa hari ini merupakan hari yang banyak memberikan pengajaran kepada kita. Allah SWT kalau Dia hendak tunjuk tidak perlu tunggu sampai kiamat, sampai mati. Hari yang sama perlakuan yang berlaku sebelah sana diikuti oleh belah sini. Yang ini semua baik-baik ini. Akan tetapi bila diteladani dengan ajaran yang tidak beberapa baik, itu yang jadi meleret. *[Dewan riuh]* Maknanya apa?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pagi Barisan Nasional tidak mengikut peraturan. Petang pun tidak mengikut peraturan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Duduk, duduk, duduk. Okey, okey. Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Beruas. Memang sakit, Yang Berhormat Beruas sakit. Kita pun sakit pagi tadi. Sama sahaja. Pagi tadi teknikal.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Duduklah sekejap. Saya tidak bagi. Duduk, duduk. Duduk, duduk. Yang Berhormat duduk.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Pagi tadi teknikal. Fasal teknikal Yang Berhormat kata salah, kita kata betul, Tuan Pengerusi buat keputusan. Teknikal. Kali ini, saya hendak bagi tahu usul Yang Berhormat Kuantan saya hormati. Sepatutnya Yang Berhormat Kuantan ikut cadangan Yang Berhormat Kota Bharu. Membuat pindaan tetapi terlepas peluang. Kenapa sebelum ini kita...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Duduklah sekejap.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Nanti..

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Duduk, duduk, duduk, duduk dahulu. Mungkin bila saya jawab nanti Yang Berhormat pun terus faham. Kalau cakap RM10 kita faham. Usul untuk potong RM10 gaji. Akan tetapi Yang Berhormat menyatakan RM1.6 juta, secara spesifik.

Yang mana disebut tadi, Yang Berhormat Limbang hanya menerima gaji RM1,900 bukan gaji, *allowance* LPKP, yang bukan dibayar oleh Jabatan Perdana Menteri, di bawah oleh agensi berkaitan. Jadi, usul ini hendak diundi atas *figure* yang mana? Jumlahnya berapa? Itu saya tidak hendak sebut lagi.

Mengenai Yang Berhormat Johari Baharom, menerima hanya RM21,500 bukan RM27,000. Itu juga jumlah yang berbeza. Jadi saya hendak bagi tahu, bahawa usul ini seperti Yang Berhormat Beruas sebut, ia tidak boleh kita main andai. Ini bukan soal jawab lisan, ini bukan soal perbahasan peringkat Jawatankuasa yang Menteri kena bagi jawapan. Ini membahaskan usul yang dibawa oleh Ahli Majlis Mesyuarat atas jumlah yang sangat tertentu. Maknanya kita boleh hendak setuju. Kalau Yang Berhormat setuju, Yang Berhormat tidak betul. Oleh sebab sudah diberitahu jumlahnya tidak betul.

■1650

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Hendak penjelasan apa lagi?

*[Dewan riuh]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sebenarnya...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya hendak jawab.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau Menteri beri. Boleh atau tidak? Boleh saya beri penjelasan usul ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, tidak perlu berilah Yang Berhormat Menteri. Tidak perlu berilah.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak perlu berilah.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya hendak jawab lagi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Usul ini langsung tidak ada masalah. Apa yang penting...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Sebab itu beri saya jawab.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita undi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak jelaskan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey, saya hendak beri jawapan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh atau tidak Menteri?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya hendak beri jawapan ini. Saya hendak jelaskan ya. Pertama jawatan sebenar Yang Berhormat Hasbi Habibollah seperti yang kita semua tahu bukan pengerusi ataupun Penasihat Pembangunan Sarawak tetapi Pengerusi LPKP

Sarawak. Nombor dua, jawatan sebenar Yang Berhormat Yang Berhormat Datuk Seri Shahrizat adalah Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita dan bukannya penasihat Hal Ehwal Wanita. Ketiga, jawatan sebenar Datuk Seri Haji Noh bin Omar yang telah pun diperbaiki oleh Yang Berhormat Kuantan ialah Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan.

Mengenai kesilapan dari segi jumlah yang disebut dalam usul, Yang Berhormat Hasbi hanya menerima elaun RM1,900 dan bukannya gaji, RM27,227.20. Yang Berhormat Mohd Johari Baharum menerima gaji bulanan RM21,500 dan bukannya RM27,227.50. Berdasarkan kepada kesilapan tersebut, usul ini pada saya perlu ditolak. Keduanya, justifikasi kepada penasihat-penasihat - okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri kerana sudi mendengar kerana yang sana tengking dan jerit ini macam...

*[Dewan riuh]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Semua dengar, jeritlah lagi. Sekurang-kurang Menteri dengar. Bukan Menteri, tidak mahu dengar, boleh keluar. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya, apa-apa penjelasan ataupun menangkis ataupun menyatakan Yang Berhormat Kuantan ini salah, kita mesti bahaskan dan beri penjelasan. Ini cara yang *serial*.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Siapa yang mulakan Yang Berhormat Beruas?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey. Sudah, sudah. Cukup, cukup.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Beruas, siapa yang mulakan?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak, tidak.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak beritahu Menteri...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Sudah, sudah. Kalau hendak bahas, kalau hendak bangkit benda sama saya tidak berilah. Ini usul. Ini bukan peringkat jawatankuasa.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Usul hanya muka surat satu saja, itu usul. Muka surat dua dan tiga bukan usul.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ya, untuk mengatakan **RM1.66** juta tidak betul.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Okey, kalau tidak betul, bolehlah dicadangkan...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Buat apa cadang? *You* baikilah, pindalah seperti Yang Berhormat Kuantan. Sebab itu Yang Berhormat tidak faham.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya respons?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak perlu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Boleh saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuantan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey, hendak tanya apa lagi?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita mengundi. Kita mengundi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita undi sajalah. Buang masa sahaja.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa *it is a substance* yang kita kena fokus. *It is a substance*. Okey.

[Dewan riuh]

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya baca Peraturan Mesyuarat 31 kata, "*Pada masa sesuatu usul dalam timbangan Majlis Mesyuarat, kita belum mengundi lagi...*", Tuan Pengerusi. kita belum mengundi. "*..Masih dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat boleh dicadangkan pindaan*".

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak apa.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jadi kalau Timbalan Menteri memberi saya *exact figures*, kita pinda sekarang ini.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak, tidak.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebab kita *substance*.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, kita undi sahajalah.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Dengar dahulu.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Dia hendak menegakkan benang basah.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Kita akan undi. Hendak terima tidak, apa dia nak *figure*?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebab kita belum mengundi.



**Dato' Razali bin Ibrahim:** Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa kesilapan itu berlaku tanggungjawab saya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Usul 30(1) masih boleh dipakai, Tuan Pengerusi kerana kita belum mengundi lagi. Kita boleh.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Sama ada Yang Berhormat mahu bawa usul, hendak pinda atau tidak, itu tanggungjawab Yang Berhormat, bukan tanggungjawab saya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kita boleh meminda berdasarkan data-data yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tanggungjawab saya beritahu Yang Berhormat punya jumlah tidak betul.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, celahan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Kita undi usul Yang Berhormat yang tidak betul itu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Timbalan Menteri boleh beri data dan kita pinda. Itu semangatnya! Itu semangatnya!

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Sama! Atas nama Khalifah Omar! Tidak mahu guna duit rakyat, kita cuma pengikut sahaja!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri. Kalau penasihat khas itu mengikut *Hansard*...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:**...Dan saya mohon untuk menggulung.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kita belum mengundi lagi. Usul 30 (1) masih boleh dipakai dan kita pinda mengikut apa yang Timbalan Menteri beri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Menteri sudah habis Yang Berhormat. Cukuplah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia menegakkan benang yang basah saja. Jangan layan. Buat apa? Buang masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26(9) bagi Maksud Bekalan 6 Jabatan Perdana Menteri oleh Yang Berhormat Kuantan, "bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan RM1,633,632. Daripada jumlah yang diperuntukkan di bawah Kepala Pembangunan B.6 di bawah Butiran 010100

- Program, Aktiviti Jabatan Perdana Menteri di bawah objek sebagai 29000 Perkhidmatan Ikhtisas Jabatan Perdana Menteri” hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujukan]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]*****

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 18 November 2013.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 16.55 petang]***